

ADAPTASI DAN MASALAH PENEROKA
(Satu Kajian Kes di Rancangan Kemajuan
Tanah KESEDAR, Paloh I di Ulu Kelantan)

oleh

Zaiton Mohd. Zain
No. Matrik 039364

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
1983/1984

ISI KANDUNGAN

	<u>Mukasurat</u>
DAFTAR KANDUNGAN	i
PENGHARGAAN	iii
SINOPSIS	v
SENARAI PETA	
PETA LAKAR	
GERAF	
RAJAH	
JADUAL	
BAB I : PENDAHULUAN	
1. Tujuan dan Skop Kajian	1
2. Latarbelakang dan Metodologi	4
3. Masalah Kajian	9
4. Kepentingan Kajian	13
BAB II : LATARBELAKANG KESEDAR	
1. Latarbelakang Penubuhan KESEDAR	16
2. Matlamat dan Objektif Pengwujudan KESEDAR	18
3. Tempat/Kawasan/Keluasan/Cawangan-Cawangan	22
4. Bilangan Peneroka KESEDAR	25
5. Prestasi Perlaksanaan dan Kemudahan-Kemudahan Sosial	30
6. Struktur Pentadbiran	46

Mukasurat

BAB III : LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN

1. Kedudukan Ilmu Alam	54
2. Latarbelakang Sejarah dan Kependudukan Awal	58
3. Keadaan Kawasan Kajian	60
4. Latarbelakang Masyarakat Yang Dikaji	70
5. Kemasukan Ke Kawasan Yang Diterokai	80

BAB IV : ADAPTASI/PENYESUAIAN

1. Alam Sekitar Fizikal	84
2. Ekonomi	90
3. Sosial	96
4. Hubungan Psikologi dan Spiritual	101

BAB V : MASALAH

1. Ekonomi	107
2. Penglibatan Dalam Politik	122
3. Masalah Sosial	123

BAB VI : RUMUSAN

134

BIBLIOGRAFI

143

SOALSELIDIK

GAMBAR-GAMBAR

LAMPIRAN 1

LAMPIRAN 2

LAMPIRAN 3

PENGHARGAAN

Di sini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu saya semasa kajian ini dilakukan. sehingga ianya berhasil seperti yang ada ini. Pertamanya, ribuan terima kasih saya tujukan kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Rokiah Talib, Ketua Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, yang dengan tidak jemu-jemu memberi bimbingan, tunjuk ajar dan teguran-teguran yang membina dalam usaha saya menyiapkan latihan ilmiah ini.

Juga ucapan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Tanah dan Wilayah yang memberi kebenaran membuat kajian di salah satu RKT di bawah kuasanya. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada semua pegawai-pegawai di pejabat pusat KESEDAR, khasnya di Bahagian Pembangunan Sosial.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pegawai KESEDAR Paloh I termasuk Pengurusnya Encik Ismail Jusuh, Pegawai Pembangunan Sosial (Lelaki dan Wanita), Penyelia Ladang, Pegawai Kerani dan lain-lain kakitangan Ketua Pemuda UMNO Cawangan, Ketua Gabungan Perkumpulan Wanita, Imam, Ketua Peneroka, Ketua Biro, Guru Besar Paloh I dan II, Guru-Guru Paloh I dan II, Pegawai Kesihatan dan Ketua Koperasi yang telah memberi kerjasama mereka semasa kajian ini dijalankan.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada kakak dan abang ipar saya, Encik Mohamad dan Puan Norasiah yang memberi kemudahan tempat tinggal, pengangkutan dan lain-lain kemudahan semasa saya berada di kawasan kajian. Akhir sekali kepada saudara saya Fauzi Hanipi yang memberi pertolongan, bimbingan dan tunjuk ajarnya kepada saya ke arah penyempurnaan kajian ini.

Di atas kerjasama semua pihak yang menjayakan latihan ilmiah ini sehingga seperti yang ada sekarang, saya ucapkan ribuan terima kasih.

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Zaiton Mohd. Zain
No. Matrik 039364

lhb. Januari 1984

SINOPSIS

Dalam latihan ilmiah ini tumpuan penulis ialah terhadap adaptasi atau penyesuaian dan masalah yang dihadapi oleh para peneroka di Tanah Rancangan Paloh I, KESEDAR. Dalam Bab I diuraikan secara ringkas bidang dan skop kajian, metodologi, masalah kajian dan kepentingan kajian ini.

Bab II membincangkan tentang KESEDAR iaitu latarbelakang penuhuan KESEDAR, matlamat dan objektif pengujudan, tempat, kawasan, keluasan, cawangan-cawangan KESEDAR, bilangan peneroka KESEDAR, prestasi pelaksanaan dan kemudahan-kemudahan sosial serta struktur pentadbiran.

Bab III pula membincangkan tentang latarbelakang kawasan kajian seperti kedudukan ilmu alam, latarbelakang sejarah, latarbelakang kependudukan awal dan sistem ekonomi pra-projek kemudian dilihat pula keadaan kawasan kajian misalnya luas kawasan kajian, bentuk pertanian yang dijalankan serta bentuk penempatan yang wujud. Juga meninjau tentang masyarakat yang dikaji, umpannya kawasan asal peneroka, umur para peneroka, latarbelakang pekerjaan asal, status perkahwinan dan latarbelakang pendidikan. Di akhir bab ini dibincangkan pula mengenai kemasukan peneroka ke kawasan yang diterokai seperti cara permohonan dan bentuk kemasukan.

Bab IV pula bertumpu kepada adaptasi atau penyesuaian yang merangkumi pada alam sekitar fizikal seperti sistem pembukaan tanah,

penyesuaian tanah-taninya, penyesuaian iklim, petempatan. Dalam skop ekonominya seperti sumber makanan/minuman, sumber pendapatan awal dan sumber sampingan. Manakala aspek sosial pula seperti hubungan antara keluarga peneroka, hubungan antara kumpulan masyarakat serta hubungan dengan pihak majikan. Keadaan-keadaan ini juga seberhubungan dengan tajuk hubungan psikologi dan spiritual yang dibincangkan di akhir bab ini yang menghuraikan tentang perasaan diri peneroka, aspek keugamaan dan kemudahan atas ibadat dan semangat kekitaan serta kedaerahan.

Semua keadaan-keadaan di atas membawa kepada pemasalahan yang akan dihuraikan dalam Bab V yang dipecahkan pada bahagian ekonomi seperti sumber pendapatan, hasil pendapatan, pendapatan tambahan dan teknologi dalam ekonomi. Aspek politik, penglibatan dalam persatuan/pertubuhan dan halangan-halangan yang dihadapi. Skop sosial pula seperti pelajaran, kesihatan, hiburan dan keugamaan. Pada bahagian rumusan dan merupakan penutup ianya membincangkan tentang kedudukan, kebaikan, keburukan dan cadangan-cadangan yang disarankan oleh para peneroka, pegawai serta penulis sendiri.

SENARAI PETA

Mukasurat

Peta 1 - Pembangunan Wilayah Kelantan Selatan	23
Peta 2 - Kawasan RKT Paloh 1, 2 dan 3	55
Peta Lukar 2 - Kedudukan Sungai Utama dan Anak-Anak Sungai	59
Peta Lukar 3 - Pemerintahan Zon-Zon	61
Peta Lukar 4 - Kedudukan Kongsi-Kongsi	71
Peta Lukar 5 - Kedudukan Kongsi Kalandir dan Kongsi Bujang	72

SENARAI PETA LAKAR

Mukasurat

Peta Lakar 1 -	Kedudukan Sungai Paloh Yang Terdapat Di Paloh 1 dan 2	56
Peta Lakar 2 -	Kedudukan Sungai Utama dan Anak-Anak Sungai	59
Peta Lakar 3 -	Pemeringkatan Zon-Zon	61
Peta Lakar 4 -	Kedudukan Kongsi-Kongsi	71
Peta Lakar 5 -	Kedudukan Kongsi Kelamin dan Kongsi Bujang	72

SENARAI GERAF

Mukasurat

Graf 1 - Kedudukan Kakitangan KESEDAR Mengikut Kumpulan Sehingga Akhir Tahun 1980	52
Graf 2 - Kemajuan Dalam Pembangunan Pertanian KESEDAR	68
Rajah 1 - Carta Organisasi 1980	45
Rajah 2 - Carta Organisasi Persekutuan	45
Rajah 3 - Carta Organisasi Rancangan	50
Rajah 4 - Organisasi JPSK	125

SENARAI RAJAH

Mukasurat

Rajah 1 - Keluasan Tanah Yang Diperuntukkan Kepada Agensi Kerajaan	33
Rajah 2 - Peratus Guna Tanah Oleh Agensi-Agenzi Kerajaan Sehingga Akhir Tahun 1980	33
Rajah 3 - Carta Organisasi 1980	48
Rajah 4 - Carta Organisasi Pentadbiran	49
Rajah 5 - Carta Organisasi Rancangan	50
Rajah 6 - Organisasi JKRR	125
3.1.1. Kebutuhan Organisasi, Keluasan Tanah	33
3.1.2. Mencantumkan Lotan Organisasi Yang Telah Disiapkan	33
3.1.3. Tapak Semulaan	33
3.1.4. Organisasi Pergovernment	33
3.1.5. Federasi Negeri	33
3.1.6. Keluasan Lahan dan Kebutuhan Pergerakan	33
3.1.7. Kebutuhan Semulaan Lot pulih 1	33
3.1.8. Kewujudan Peraturan Yang Telah Disiapkan, Mengikut a) tapak semulaan	33
3.1.9. Kewujudan Peraturan Berakat dan Persempadanan	33
3.1.10. Kepada Tanah	33
3.1.11. Kebutuhan Sosial dan Pergerakan	33
3.1.12. Kebutuhan Untuk Finansial	33
3.1.13. Kebutuhan Untuk Pengurusan	33
3.1.14. Kebutuhan Untuk Jangkaan Awal-Waktu	33
3.1.15. Kebutuhan Finansial dan Akta-Urusetara Berakat (i) Lipih MPT KERASIRI Setialegge 1585, Kad 1362	33

SENARAI JADUAL

	<u>Mukasurat</u>
2.1 Luas Kawasan Di Beberapa Jajahan	24
2.2 Keluasan Ladang dan Jumlah Peneroka Di RKT KESEDAR	26
2.3 Kawasan Perkampungan RKT	27
2.4 Pemilihan dan Kemasukan Peneroka	28
2.5 Keluasan Ladang dan Kedudukan Peneroka Di RKT KESEDAR	29
2.6 Keluasan Tanah Yang Diperuntukkan Kepada Agensi-Agenzi Kerajaan dan Jenis-Jenis Tanaman Untuk Negeri Kelantan Sahaja	31
2.7 Rancangan-Rancangan Kemajuan Tanah KESEDAR	34
2.8 Rancangan dan Luas Kawasan Yang Telah Dimajukan	34
2.9 Tapak Semaian	35
2.10 Kawasan Perkampungan RKT	35
2.11 Kedudukan Kakitangan	53
3.1 Keluasan Ladang dan Kedudukan Peneroka Di RKT KESEDAR	62
3.2 Kedudukan Peneroka RKT Paloh 1	63
3.3 Kawasan Pertanian Yang Telah Dimajukan Mengikut Agensi dan Jenis Tanaman	65
3.4 Kemajuan Penyediaan Tanah dan Perancangan	67
3.5 Kegunaan Tanah	69
3.6 Kedudukan Kawasan Asal Peneroka	73
3.7 Kedudukan Umur Peneroka	75
3.8 Kedudukan Bilangan Anak-Anak	76
3.9 Kedudukan Peneroka dan Keluarga Mereka Di Lapan RKT KESEDAR Sehingga 15hb. Mac 1982	78

5.1 Pendapatan Peneroka	110
5.2 Pendapatan Keluarga Peneroka	112
5.3 Kerja-Kerja Pembangunan Ladang	130

Kajian tentang masalah penyumbangan peneroka di tanah rancangan seperti di bawah kelolaan LKTP (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan), PULSA, PELCRA, KEDAR dan lain-lain begitu berkenaan sekali. Meskipun rata-rata sudah diketahui bahawa masalah penyumbangan tanah-batu beru bagi membentuk setu kawasan perburukan dan pemungutan beru menjadi salah satu program yang tecantik dalam matlamat Daber Ekonomi Baru (DEB). Gish kerana kajian ini yang biasa dilakukan adalah terhadap penggunaan tanah dan perburukan tanah sebaik rasa yang tidak sedar, apakah masalah penyumbangan para peneroka di tanah rancangan.

Tanah rancangan mempunyai setu kondisi yang amat berbeza dan berlainan sejuknya dibandingkan dengan keadaan tempat tinggal asal peneroka yang asal-asalan. Ianya boleh dianggap sebagai setu 'mengupas' kelam-kelam yang sanggup untuk menghalangi setu hidup beru. Lenturan kondisi dan suasana yang baru ini sudah pasti akan meningkatkan pelbagai kesukaran dan masalah pada setiap peneroka.

Oleh itu, kajian menumpukan kepada setiap peneroka menyentrasikan diri secara dengan masalah-masalah yang dihadapi. Selain mengekaji masalah ini penulis telah membuat setu kajian kas yang telah dijalankan di salah sebuah tanah rancangan yang diwujudkan oleh KEDAR (Lembaga Kemajuan Kelenteng Selatan) iaitu di kawasan Tanah Rancangan

BAB I

PENDAHULUAN

1. Tujuan dan Skop Kajian

Kajian tentang masalah penyesuaian peneroka di tanah rancangan seperti di bawah kelolaan LKTP (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan), FELDA, FELCRA, KESEDAR dan lain-lain begitu sekali. Meskipun rata-rata sudah diketahui bahawa rancangan pembukaan tanah-tanah baru bagi membentuk satu kawasan pertanian dan petempatan baru menjadi salah satu program yang termaktub dalam matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB). Oleh kerana kajian-kajian yang biasa dibuat adalah terhadap penggunaan tanah dan pemilikan tanah maka ramai yang tidak sedar, apakah masalah penyesuaian para peneroka di tanah rancangan.

Tanah rancangan membawa satu keadaan yang amat berbeza dan berlainan sekali jika dibandingkan dengan keadaan tempat tinggal asal peneroka yang terdahulu. Ianya boleh dianggap sebagai satu 'himpunan' kelompok masyarakat yang sanggup untuk menghadapi satu hidup baru. Lantaran keadaan dan suasana yang baru ini sudah pasti akan menimbulkan pelbagai kesukaran dan masalah pada setiap peneroka.

Oleh itu, kajian menumpukan bagaimana setiap peneroka menyesuaikan diri mereka dengan masalah-masalah yang dihadapi. Dalam mengkaji masalah ini pengkaji telah membuat satu kajian kes yang telah dijalankan di salah sebuah tanah rancangan yang diwujudkan oleh KESEDAR (Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan) iaitu di kawasan Tanah Rancangan

Paloh I di Ulu Kelantan.

Adaptasi dan masalah para peneroka adalah sangat perlu dikaji berdasarkan hakikat bahawa melalui kedua-dua skop inilah menjadikan sesuatu tanah rancangan itu akan berjaya atau tidak. Ini disebabkan melalui adaptasi dan masalah inilah yang selalu bergolak dalam penghidupan para peneroka itu yang akan menunjukkan prestasi mereka samada akan berjaya atau tidak sebagai peneroka yang boleh mengubah corak hidup mereka kelak. Tetapi ini semua bergantung kepada setakat mana keupayaan mereka menghadapi dan menyelesaikan dua skop yang akan dibincangkan nanti iaitu adaptasi dan masalah. Di mana akan dapat dipastikan apakah mereka akan terus tinggal di tanah rancangan yang diterokai sehingga mendapat hasil pendapatan ataupun meninggalkannya sebelum mendapat hasil. Pengukuran setakat mana mereka hadapi dan selesaikan adalah bergantung kepada para peneroka itu sendiri di samping sedikit sebanyak bantuan dari pihak kerajaan.

Tumpuan utama pengkaji di dalam kajian ilmiah ini adalah bersabit dengan soal adaptasi peneroka. Dan perlu diingatkan bahawa setiap individu yang menjadi peneroka mempunyai latarbelakang yang amat berbeza. Oleh itu aspek adaptasi dan penyesuaian terhadap masalah yang dihadapi akan menentukan sejauh manakah pencapaian dan kejayaan mereka sebagai peneroka yang berjaya.

Kajian ini memperlihatkan tumpuan ke arah bagaimana setiap peneroka mengadaptasikan dan menyesuaikan diri mereka dengan keadaan alam sekitar fizikal, keadaan petempatan, keadaan ekonomi dan per-

hubungan psikologi dan kemasyarakatan.

Tinjauan penyesuaian diri di dalam keadaan alam sekitar fizikal melibatkan beberapa hal iaitu penyesuaian dengan keadaan cuaca, tanah-tanah yang baru, dan keadaan petempatan yang berpola baru iaitu berkelompok dan terancang kedudukannya.

Keadaan ekonomi yang berbeza seperti sumber pendapatan dan sumber makanan, daripada tempat asal memerlukan satu jangka masa yang agak lama untuk disesuaikan. Perhubungan manusia samada antara peneroka dengan peneroka atau majikan - peneroka serta hal-hal yang bersabit dengan kemudahan asas ibadat adalah antara aspek psikologi dan kemasyarakatan yang perlu diadaptasikan dan disesuaikan oleh setiap peneroka bersama-sama keluarganya.

Tinjauan selanjutnya akan ditumpukan kepada kegiatan-kegiatan rekreasi dan aktiviti politik. Sejauh manakah tindak-balas peneroka terhadap aktiviti-aktiviti politik (political consequences) atau tindak-balas dalam mana-mana pertubuhan atau kelab-kelab rekreasi.

Akhir sekali pengkaji akan meninjau dari sudut sosial yang mana melibatkan kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh pihak yang bertanggungjawab.

Dalam hal ini perlulah dipersoalkan, sejauh manakah kemudahan pelajaran, kesihatan, jalanraya perhubungan, dan kemudahan api letrik dan air, berfungsi kepada semua peneroka. Dan sejauh manakah darjah/tingkat penyesuaian peneroka terhadap keadaan keliling yang jauh

berbeza daripada keadaan tempat tinggal yang asal. Oleh itu kajian adalah melibatkan semua individu di dalam keluarga peneroka dan tidak ditumpukan kepada seorang peneroka sahaja yang menjadi ketua keluarga.

2. Latarbelakang dan Metodologi

(a) Latarbelakang Tempat Kajian

Tanah Rancangan KESEDAR Paloh I (tempat kajian) merupakan sebahagian kecil daripada tanah rancangan yang dikelolakan oleh KESEDAR (Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan). Tanah Rancangan Paloh I (seperti yang ditunjukkan di dalam peta yang disediakan) adalah salah satu tanah rancangan yang sama keluasannya dengan tanah-tanah rancangan di bawah KESEDAR yang lain. Ini adalah disebabkan pembahagian pengukuran keluasan tanah rancangan telahpun terancang terlebih dahulu. Pada keseluruhan luas kawasan Kelantan Selatan ialah kira-kira 2.9 juta ekar atau 4,532 batu persegi (iaitu lebih kurang $\frac{3}{4}$ daripada keluasan Negeri Kelantan). Meskipun kadar keluasan Wilayah Kelantan Selatan adalah luas namun penduduk-penduduknya adalah berjumlah 41,416 orang (bancian penduduk 1980) iaitu kira-kira 6% daripada jumlah kesemua penduduk di Kelantan. Ini adalah kerana keadaan fizikal Wilayah Kelantan Selatan seperti bukit-bukit dan tanah-tanah hutan simpanan yang masih belum diterokai lagi.

Merujuk kepada tinjauan tentang keluasan tanah ladang yang mana menjadi tumpuan utama di Wilayah Kelantan Selatan, mengikut bancian terakhir pada 30hb. April 1983 oleh pengkaji luasnya adalah 32,421 ekar dengan jumlah peneroka yang seramai 2,683 orang. Oleh

kerana tanah-tanah rancangan KESEDAR adalah berkedudukan berselerak dan sukar masalah pengangkutan maka tumpuan pengkajian adalah terhad kepada kawasan Tanah Rancangan Paloh I sahaja.

Paloh I mempunyai kawasan luas ladang seluas 2,905 ekar dengan jumlah 314 orang peneroka. Terdapat 12 kongsi kelamin dan 5 kongsi bujang. Dalam pada itu pun ianya juga mempunyai satu kawasan perkampungan yang mempunyai 147 buah rumah, sebuah kedai runcit yang serentak dijadikan kedai kopi, 5 buah kedai runcit yang lain, 1 buah klinik dan 1 buah surau untuk kemudahan semua peneroka. Kedai runcit dan klinik juga dijadikan tempat kediaman 7

Walaupun terdapat sebuah perkampungan khas untuk penempatan peneroka tetapi tidak semua para peneroka tinggal di sini. Sebahagiannya masih tinggal di kongsi-kongsi (tempat tinggal beramai-ramai) yang terletak berdekatan dengan ladang manakala para pegawai-pegawai tidak tinggal di kawasan perkampungan.

Walau bagaimanapun pengkaji bukan hanya menumpukan kajian kepada responden yang terletak di kawasan perkampungan sahaja tetapi juga di lain-lain tempat. Ini adalah bertujuan untuk mendapat maklumat dan jawapan yang tepat kerana kajian adaptasi dan masalah adalah merujuk pada keadaan, kawasan yang berlainan yang serentak dengan itu akan memberi jawapan yang agak berbeza. Kajian tidak ditumpukan pada yang berumah tangga tapi juga pada yang masih bujang kerana penyelesaian masalah individu adalah agak berlainan.

Semua peneroka adalah penduduk Melayu yang sudah menjadi salah satu syarat permohonan awal. Kajian yang dibuat adalah di dalam bentuk rambang. Dan kajian ini melibatkan sejumlah 50 orang responden. Ini tidaklah termasuk Ketua Peneroka, Imam, Ketua Belia, Ketua Pergerakan Wanita, Ketua Biro KESEDAR dan pegawai-pegawai KESEDAR yang terdiri daripada pengurus, pegawai pembangunan sosial, pengawas ladang dan beberapa orang pegawai lain.

(b) Metodologi Kajian

Pengkaji mendapati walaupun responden sanggup memberi keterangan tetapi tidak semestinya semuanya benar. Lantaran itu pengkaji sentiasa membuat semakan dengan beberapa orang tertentu dengan cara yang 'informal' melalui pendekatan-pendekatan psikologi berbentuk perbualan dan pergaulan antara pengkaji dengan penduduk. Dan ini ditambah dengan pengalaman dan pengetahuan yang sedia ada oleh pengkaji sebelum membuat kajian sebenar.

Dalam kajian tentang 'Adaptasi dan Masalah Peneroka' pengkaji telah menggunakan beberapa metodologi seperti berikut:-

- i. Pemerhatian-penyertaan (Participant Observation)
 - ii. Temubual (Formal and Informal Interview)
 - iii. Soalselidik (Questionnaire)
- i. Pemerhatian-Penyertaan (Participant Observation)

Untuk mendapatkan bahan-bahan kajian, pengkaji tinggal di

Paloh I selama dua bulan iaitu dari 4hb. Mei 1983 hingga 4hb. Julai 1983. Kajian yang dibuat secara persendirian dan tanpa bantuan orang lain. Peringkat awal kajian iaitu selama seminggu pertama, pengkaji meneliti dan memerhati tentang keadaan dan suasana tempat tinggal, pergaulan dan hubungan antara peneroka dengan pegawai, peneroka dengan peneroka dan peneroka dengan pengkaji. Pemerhatian ini membawa satu gambaran sepintas lalu kepada pengkaji tentang keadaan dan suasana di tempat kajian. Pengkaji dalam pemerhatiannya menumpukan kepada aspek-aspek kemanusiaan (iaitu aspek sikap dan perangai - bagaimana mereka bertindak, sikap, aktiviti dan pergaulan mereka). Pemerhatian-penyertaan ini dianggap penting sebagai peringkat pertama kajian.

ii. Temubual (Formal and Informal Interview)

Ini dianggap sebagai metodologi kedua setelah latarbelakang dan keadaan peneroka yang diperhatikan secara sepintas lalu.

Cara pengkaji menemubual (berbual-bual) secara tidak langsung (an informal interview) melalui perbualan-perbualan harian selepas waktu kerja atau sewaktu kerja telah memberi maklumat kepada pengkaji tentang soal-soal yang menyentuh hal kehidupan harian, kekeluargaan, pekerjaan harian, sikap, pelajaran anak-anak dan masalah-masalah yang didapati dan dihadapi serta diselesaikan oleh mereka. Pengkaji juga sebalah-bolehnya menyertai segala kegiatan-kegiatan orang-orang di sini termasuk pertubuhan masyarakat dan sebagainya (sebagai contoh: mesyuarat biro, majlis - nisfu syaaban, majlis berbuka puasa, majlis perpisahan pengurus, tayangan filem, persempahan dikir barat dan lain-lain lagi).

Melalui temubual secara formal (formal interview) pengkaji telah sempat menemuramah beberapa orang pegawai tinggi KESEDAR termasuk juga pegawai yang bertugas di kawasan tersebut juga mengambil data-data daripada pejabat berkenaan.¹ Kerana pengkaji kira tanpa melalui temubual secara formal adalah agak sukar untuk mendapat maklumat-maklumat daripada pejabat pentadbiran KESEDAR. Begitu juga temubual yang dibuat secara formal dengan Ketua Kampung, Imam dan tokoh-tokoh tempatan di kawasan tersebut.

iii. Soalselidik (Questionnaire)

Bentuk kajian yang ketiga yang digunakan oleh pengkaji adalah dengan menggunakan soalselidik (questionnaire) demi untuk mendapatkan data-data untuk kajian ini. Data-data yang didapati termasuklah latar-belakang keluarga, tingkat pelajaran, tempat asal, pekerjaan asal, jumlah keluarga, pendapatan, taraf perkahwinan, tabungan wang, pinjaman wang, harta benda, penyertaan politik, persatuan dan pertubuhan-pertubuhan lain.

Soalselidik ini dapat dikumpulkan ke dalam bentuk data. Data-data ini didapati daripada 50 orang responden yang dipilih secara rambang dan kepada yang hanya ingin memberi kerjasama untuk memberi data-data yang sebenarnya.

Ketiga-tiga cara ini digunakan dan segala maklumat dan

¹Pejabat yang dimaksudkan adalah Pejabat KESEDAR Paloh I, Pejabat Pembangunan Sosial di Kota Bharu dan Ibu Pejabat Besar KESEDAR Kota Bharu.

keterangan dari ketiga-tiga cara ini adalah 'integrated'.

3. Masalah Kajian

(a) Masalah Mendapatkan Maklumat Yang Tepat

Ini adalah masalah besar yang dihadapi oleh pengkaji dalam kajian ini kerana ketidaktepatan maklumat daripada responden. Oleh kerana pengkaji menganalisa tentang 'Adaptasi dan Masalah Peneroka' maka banyak maklumat tentang keadaan alam fizikal, pemikiran peneroka, cara kehidupan dan hubungan masyarakat yang melibatkan soal ekonomi dan sosial serta spiritual perlu diketahui terlebih dahulu. Tetapi ketidaktepatan maklumat-maklumat yang disampaikan menimbulkan masalah pada pengkaji. Ketidaktepatan maklumat ini timbul kerana:-

- (i) Peneroka gagal untuk memberi kerjasama yang sepenuhnya pada pengkaji kerana pada masa tersebut (masa kajian) masalah petempatan peneroka di rumah-rumah yang tetap serta masalah meninggalkan atau 'cabut lari' dari kawasan tanah rancangan.
- (ii) Tanggapan peneroka terhadap pengkaji sebagai seorang penyelidik yang ingin mencungkil rahsia-rahsia berkenaan dengan penyelewengan-penyelewengan yang berlaku bersabit dengan soal peneroka. Oleh sebab itu timbul perasaan tidak mahu melibatkan diri dalam kes tersebut.
- (iii) Sangkaan bahawa pengkaji adalah Pegawai Pembangunan Peneroka (Wanita). Ini disebabkan jawatan ini baru

saja dikosongkan oleh pegawai yang sedia ada dan pegawai baru yang menggantikannya masih belum dikenali lagi. Dan kebetulan pada waktu tersebut pegawai yang dimaksudkan baru saja ditugaskan menyelidik dan mengisi 'Kad-Kad Laporan Sulit' tentang para peneroka. Oleh sebab itu ini memberi kesan pada pengkaji dalam mendapatkan maklumat sebenar. Hal ini dapat dikesan oleh pengkaji melalui 'counter check' dengan jiran-jiran responden dan keluarga mereka yang terdekat dan kepastian melalui kad-kad sulit yang dimaksudkan.

- (iv) Kegagalan peneroka menilai jumlah harta benda yang dimiliki kerana tidak mengetahui jumlah sebenar harta yang dimiliki. Ini lebih merumitkan lagi bila jumlah pendapatan samada pendapatan tetap atau pendapatan tambahan gagal dinilai. Ini adalah disebabkan pendapatan yang diterima adalah tidak stabil disebabkan oleh gangguan kesihatan pada peneroka, cuaca dan hal-hal yang lain yang menyebabkan mereka tidak dapat bekerja. Lantaran itu pengkaji terpaksa mengambil kira pendapatan harian mereka, jumlah hari bekerja dalam sebulan dan jumlah pendapatan sebulan/setahun/semusim. Dari angka-angka inilah pengkaji dapat membuat anggaran tentang jumlah pendapatan yang diterima oleh responden-responden tersebut.

Pendapatan yang tidak tetap ini timbul disebabkan jumlah hari bekerja tidak sama bagi sebulan dan juga disebabkan adanya potongan bayaran untuk makanan yang dihutangkan daripada pihak majikan. Dari kesedaran inilah pengkaji mengatasi masalah menentukan jumlah pendapatan bulanan responden. Oleh itu nilai pendapatan diterima dianggarkan secara kasar sahaja.

- (v) Ada juga kedapatan responden-responden yang memberikan jawapan kepada setiap persoalan dengan tidak berdasarkan kepada realiti sebenar. Mereka bimbang bahawa mereka akan dianggap bodoh atau mundur oleh pihak-pihak tertentu bila memberi jawapan sebenar. Mereka juga enggan untuk memberi keterangan sebenar berkenaan dengan pendapatan atau harta sebenar mereka. Ini mungkin kerana responden-responden (yang mungkin mempunyai banyak harta atau pendapatan yang tinggi) bimbang mereka akan dianggap cuba berbangga-bangga dengan harta yang dimiliki tetapi masih ingin menjadi peneroka untuk memiliki tanah percuma.

Begitulah juga dengan golongan-golongan yang betul-betul miskin enggan untuk menjawab dengan betul dan cuba berselindung di sebalik hakikat sebenar yang dialaminya. Kesan 'inferiority complex' atau perasaan rendah diri timbul. Tetapi sifat tolak ansur pengkaji salah faham ini dapat diperbetulkan.

(b) Masalah Komunikasi Bahasa

Oleh kerana rata-rata daripada peneroka adalah golongan yang tidak mendapat pelajaran yang tinggi maka oleh kerana terdapat idea/konsep yang agak sukar difahami olehnya melambatkan atau menghalang perbualan antara pengkaji dengan responden. Meskipun demikian oleh kerana 100% daripada peneroka dan pegawai adalah anak jati Kelantan dan pengkaji sendiri maka masalah 'loghat bahasa' tidak timbul.

(c) Masalah Kalangan Adat

Oleh kerana pengkaji adalah seorang wanita dan ramai di antara responden-responden adalah terdiri daripada kaum lelaki yang sudah tua dan dewasa maka soal pergaulan menimbulkan masalah untuk kajian. Jarak umur pengkaji dengan responden menimbulkan rasa syak setengah golongan yang lain. Kadangkala perbualan antara pengkaji dengan responden sukar untuk diinterpretasikan oleh pengkaji di mana tradisi masyarakat Melayu yang suka bercakap tanpa kenyataan yang agak jelas. Sebagai contoh satu soalan dikemukakan kepada salah seorang responden, dan jawapan yang diterima adalah berbagai-bagai bentuk,

"Tahu, kalau tak kerja pun susah, kalau kerja pun susah, pakai ikut sekadar mana Tuhan rasa ada upaya kami."²

dan lain-lain bentuk jawapan lagi yang gagal dibuat satu konklusi yang tetap. Ini bergantung kepada kebijaksanaan pengkaji.

²Petikan ucapan dari salah seorang responden.

(d) Masalah Tempat Tinggal dan Masalah Pengangkutan

Oleh kerana pengkaji seorang wanita maka sudah tentu akan menimbulkan masalah tempat tinggal selama dua bulan di tempat kajian. Namun demikian dengan pertolongan semua pengkaji dapat juga tinggal di sana.

Begitu juga dengan masalah pengangkutan yang menghubungkan Paloh I dengan kawasan perbandaran di luar. Kesannya timbul masalah pergi balik kepada pengkaji. Perletakan tempat kajian yang jauh iaitu kira-kira 4 jam perjalanan dengan 'Landrover'.

4. Kepentingan Kajian

Pertama, kajian ini penting untuk kajian-kajian yang akan datang. Disebabkan negeri Kelantan merupakan negeri termundur dari segi ekonomi dan pembangunannya, oleh itu diharapkan dengan adanya pembukaan tanah rancangan KESEDAR ini dapat mengubah wajah negeri Kelantan kepada satu wajah baru yang lebih membangun dan maju. Jadi untuk mencapai semuanya itu, perlulah dikaji tentang masalah para peneroka kerana mereka merupakan jentera penggerak ke arah apa yang dicita-citakan, di samping bantuan dari pihak kerajaan.

KESEDAR juga dikatakan sebagai nadi pembangunan negeri Kelantan. Pembangunan merupakan satu gejala yang hidup dan dinamik. Ia tidak terhad kepada masa dan kawasan. Sokongan rakyat merupakan nadinya. Ia akan mati tanpa bantuan rakyat. Segala-galanya ini merupakan penggerak pembangunan dan yang menyokong hasrat dan aspirasi

rakyat yang dahagakan pembangunan.³

Selain daripada untuk memaparkan apa yang disebutkan di atas sebagai sampingan kepentingan kajian-kajian lebih terperinci akan ditumpukan bagi melihat pada adaptasi dan masalah yang dihadapi oleh peneroka-peneroka, khasnya di Paloh I. Adaptasi yang dimaksudkan ialah bagaimana peneroka-peneroka yang kita tahu datang dari perbagai lapisan, pekerjaan asal yang berlainan, keadaan tempat yang berbeza, serta bermacam-macam perbezaan yang pernah dialami berbanding dengan apa yang mereka tempohi sekarang di segenap sudut pandangan.

Masalah-masalah yang mereka hadapi pula boleh digolongkan dalam tiga kategori terbesar seperti politik, ekonomi dan sosial. Contohnya di sudut pelajaran, kesihatan, hiburan, perhubungan dan lain-lain hal yang boleh kita kaitkan nanti mengapa masih ramai anak-anak muda malah orang dewasa sendiri tidak sanggup atau masih dalam dilema untuk hidup sebagai peneroka tetapi hanya separuh sahaja. Adakah timbulnya masalah-masalah ini berhubungan di antara sistem kemudahan yang masih berkurangan atau terikat dengan peraturan yang ditetapkan atau tidak adanya persefahaman yang intim di antara pegawai dengan peneroka atau lain-lain masalah lagi.

Jadi keadaan adaptasi dan masalah yang wujud di Paloh I, yang akan digambarkan dalam bab-bab kemudian nanti dapat dijadikan

³ Petikan dari kertas kerja Encik Arrifin Said dalam "KESEDAR Sebagai Nadi Pembangunan Negeri Kelantan."

panduan untuk perbandingan perubahan-perubahan yang akan berlaku di antara jarak pengkaji sekarang dengan pengkaji kemudiannya.

Kajian ini juga diharapkan mendapat perhatian oleh pihak-pihak tertentu akan diharapkan dapat kiranya melakukan sesuatu demi untuk kebaikan bersama khususnya kepada peneroka-peneroka KESEDAR serta pegawai-pegawai atau pihak perancang KESEDAR.

Untuk mendapat maklumat lanjut mengenai hal ini, sila hubungi
Loyola House atau menghubungi saya di rumah.
Kuala Lumpur, 17/9.

Selain pelaburan dilakukan di dalam tanah seluruh pulau
Malaysia, pada Februari 1978, Letta (1978) dan George Lourenco (1978) melaporkan
bahawa jumlah tanah yang dimiliki oleh penduduk Malaysia
telah meningkat dengan jumlah yang besar, terutamanya dalam kawasan
perkotaan, Puchong, Petaling Jaya, Shah Alam, Petaling Jaya, Kuala
Lumpur, Taiping, Ipoh, dan sebagainya. Penyebutan ini merupakan
gambaran umum tentang jumlah tanah yang dimiliki oleh penduduk
dalam negara ketika pada tahun 1978.

SEKIRNA bahan untuk projek sebutan tentang penduduk
Malaysia yang bertaraf rendah di Kluang-Jung Kulai, terdiri daripada
sebuah buku saksikan dan dua buah jalur selatihan termasuk
yang tumpang dan beriringan yang tidak sama dan juga sama.
Se akhirnya buku saksikan ini yang terletak di bawah penutuhan

BAB II

LATARBELAKANG KESEDAR

1. Latarbelakang Penubuhan KESEDAR

'KESEDAR' ialah kata singkat kepada dua rangkai kata Melayu dan Inggeris iaitu 'Kelantan Selatan Development Authority' atau lebih dikenali dengan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR). Ianya diwujudkan sebagai sebuah badan berkanun khas untuk pembangunan tanah pada tahun 1978.

KESEDAR telah diwujudkan di bawah Akta Parlimen pada 28hb. Februari 1978, iaitu Akta 203 - Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan yang telah dikuatkuasa pada 1hb. Mei 1978. Perasmianya telah dilancar dengan rasmi oleh Yang Amat Berhormat Dato' Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia pada 5hb. Mac 1978 bertempat di Kampung Batu Gajah, Tanah Merah. Satu enakmen, (Penyerahan Hak Tugas-Tugas) Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan 1978 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 8hb. April 1978.⁴

KESEDAR bukan sahaja menjadi sebuah Lembaga Pembangunan Wilayah yang terbesar sekali di Semenanjung Malaysia, tetapi ia juga adalah tempat sebahagian besar dari rakyat Kelantan meletakkan harapan yang tinggi bagi meninggikan taraf hidup mereka dari segi ekonomi. Ia adalah sebuah agensi Kerajaan Pusat yang terletak di bawah Kementerian

⁴ Sumber: Katalog KESEDAR.

Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

KESEDAR telah ditubuhkan untuk membangun kawasan Selatan Kelantan seluas kira-kira 2.9 juta ekar atau 4,532 batu persegi (iaitu tiga suku daripada keluasan negeri Kelantan), meliputi seluruh jajahan-jajahan Ulu Kelantan dan Kuala Krai dan sebahagian dari jajahan Tanah Merah, iaitu daerah-daerah Batu Melintang dan Jeli dan mukim-mukim Jedok dan Nibong.

Mengikut banci penduduk tahun 1970, kawasan Kelantan Selatan mempunyai penduduk seramai 41,416 orang iaitu kira-kira 6% daripada jumlah penduduk di dalam negeri Kelantan dan kepadatan penduduk yang lebih rendah dari kawasan Kelantan Utara iaitu 9 - 24 orang bagi tiap-tiap batu persegi berbanding dengan 119 orang tiap-tiap batu persegi bagi seluruh negeri Kelantan. Taburan penduduk kawasan Kelantan Selatan tidak mempunyai satu susunan penempatan yang teratur. Apa yang terdapat ialah perkampungan berbentuk 'linear settlement' (pertempatan berjajah) yang terletak di sepanjang jalan keretapi, jalanraya dan sungai-sungai yang besar.

Semasa ianya ditubuhkan KESEDAR tidak mempunyai Pelan Induk. Oleh itu satu Pasukan Petugas telah ditubuhkan yang terdiri dari empat orang untuk menjalankan satu kajian asas (base line study) bagi menentukan projek-projek yang boleh dilaksanakan segera dan projek-projek jangka panjang. Pasukan Petugas tersebut telah memulakan tugasnya pada 1hb. Julai 1978 dan di dalam bulan Oktober 1978 ia telah mengemukakan laporan yang bertajuk, 'Toward An Indicative Strategy

For South Kelantan.' Laporan Pasukan Petugas ini telah disemak oleh Jawatankuasa Memandu yang dibentuk pada 17hb. Jun 1979 di Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Laporan tersebut dan juga beberapa kajian yang telah dijalankan bagi negeri Kelantan oleh pakarunding-pakarunding luar negeri seperti:-

- (i) Kelantan Regional Planning and Development Study oleh Robert R. Nathan.
- (ii) Kelantan Urban Development and Industrial Priority Study oleh Consult.
- (iii) Kelantan River Basin Study oleh Ennek.
- (iv) Feasibility Study, Kuala Krai - Gua Musang - Kuala Lipis Highway Project oleh Ennex in collaboration with Esams (Malaysia)

telah dijadikan asas bagi penyediaan Pelan Indikatif KESEDAR yang siap pada akhir tahun 1981.

2. Matlamat dan Objektif Pengwujudan KESEDAR

Sebagai sebuah badan khas untuk pembangunan tanah KESEDAR telah menggunakan dua pendekatan iaitu pendekatan merancang dan melaksana. Tujuannya adalah untuk memenuhi ekspektasi (expectation) dan aspirasi (aspiration) yang tinggi dan sebilangan rakyat Kelantan yang telah ketinggalan di dalam lapangan pembangunan selama kira-kira 20 tahun. Justeru ini pembukaan KESEDAR akan meninggikan pengharapan

rakyat. Lantaran itu KESEDAR terpaksa mencari jalan yang paling cepat untuk membawa perubahan ekonomi dan sosial serta mental khasnya kepada penduduk-penduduk di Wilayah Kelantan Selatan. Lantas serentak dengan kajian yang dijalankan, KESEDAR telah melaksanakan beberapa projek yang dikira tidak memerlukan kajian awal.

Tiga tujuan utama penubuhan KESEDAR:-

1. Pembangunan kawasan pendalamannya negeri Kelantan.
2. Membantu Kerajaan Negeri mendapat kewangan dan kepakaran yang secukupnya.
3. Meninggikan taraf hidup rakyat Kelantan (Wilayah Kelantan Selatan khasnya).

i. Untuk Membangun Kawasan Pendalamannya Negeri Kelantan

Kawasan pendalamannya negeri Kelantan khasnya di Wilayah Selatan begitu dari segi projek pembangunan dalam semua bidang. Meskipun masa depannya adalah begitu baik tetapi halangan-halangan awal menyebabkan Wilayah Kelantan Selatan terabai. Oleh itu halacara yang bersepadu, tersusun dan terkawal adalah perlu supaya kemajuan dan tujuan pembangunan seperti yang dikehendaki dapat dijalankan secara 'total' (menyeluruh) dan memberi faedah maksima kepada semua penduduk. Mengikut kajian 'Kelantan Regional Planning and Development Study' oleh Robert Nathan and Associates, bahawa kawasan Kelantan Selatan mempunyai bidang dan potensi yang baik bagi pembangunan tanah secara besar-besaran (untuk pertanian dan petempatan, perindustrian

perlombongan dan perkayuan). Oleh itu KESEDAR menjadi badan induk yang utama ditugaskan untuk pembangunan yang dimaksudkan.

ii. Membantu Kerajaan Negeri Mendapat Sumber Kewangan dan Kepakaran Yang Secukupnya

Masalah kewangan dan kepakaran yang selalu timbul dalam pentadbiran kerajaan negeri membawa jalan ke arah pengwujudan KESEDAR. Ini adalah kerana sudah pasti akan membantu Kerajaan Negeri Kelantan samada dari segi sumber kewangan atau kepakaran. Yang serentak dengan itu pembangunan ini akan menggalakkan satu bentuk migrasi penduduk di utara ke kawasan Kelantan Selatan (maksudnya ke tanah-tanah perancangan). Kesannya kepadatan penduduk di utara dapat dikurangkan mengikut banci penduduk tahun 1970, kepadatan penduduk Wilayah Selatan adalah 16.6 orang berbanding dengan 139 orang bagi setiap satu batu persegi.

iii. Meninggikan Taraf Hidup Rakyat Negeri Kelantan

Ini adalah dikira sebagai satu matlamat utama penubuhan KESEDAR memandangkan bahawa majoriti penduduk Melayu Kelantan menghadapi masalah kemiskinan maka KESEDAR diwujudkan dengan objektif-objektif berikut:-

- (a) Meluaskan peluang perusahaan yang lebih produktif di bidang pertanian, perhutanan, perkhidmatan, perdagangan dan perindustrian.

- (b) Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi mengurangkan kadar pengangguran dan seterusnya mencapai guna tenaga penuh bagi seluruh tenaga buruh Kelantan. Adalah dijangka sebanyak 15,000 tenaga-tenaga pekerja akan dapat diwujudkan di dalam bidang pertanian, pembinaan, perdagangan, perkhidmatan dan perindustrian menjelang tahun 1985.
- (c) Melaksanakan pemindahan penduduk secara tersusun dan teratur dari kawasan Kelantan Utara ke kawasan Kelantan Selatan. Menjelang tahun 1985 adalah dijangka seramai lebih kurang 10,000 orang penduduk dari Kelantan Utara akan diambil sebagai peneroka-peneroka Rancangan Kemajuan Tanah yang dilaksanakan oleh KESEDAR, FELDA dan FELCRA dalam kawasan Kelantan Selatan.
- (d) Menyelaras dan melaksanakan bekalan-bekalan air paip, elektrik supaya sekurang-kurangnya 60% daripada penduduk-penduduk di kawasan Kelantan Selatan dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan tersebut menjelang tahun 1985.
- (e) Memajukan 6 kawasan penempatan yang sedia ada kepada taraf bandar sedia ada kepada taraf bandar dan membina sebuah bandar baru dalam kawasan Kelantan Selatan. Tiga kawasan penempatan yang sedia ada iaitu Gua Misang, Jeli dan Kemubu akan dimajukan menjadi bandar di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (1981 - 1985).

- (f) Melaksanakan pembinaan jalan-jalan sepanjang 50 batu dan memperbaiki jalan-jalan kampung yang sedia ada, sejumlah lebih kurang 200 batu serta membina jalan-jalan masuk ke Rancangan Kemajuan Tanah sepanjang lebih kurang 100 batu menjelang tahun 1990.
- (g) Menaikkan taraf sekurang-kurang 19 buah kampung yang ada dalam kawasan Kelantan Selatan serta merta dengan menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan menyusun semula penduduk kampung tersebut menjelang tahun 1985. Adalah dijangka projek pembangunan semula kampung ini akan melibatkan lebih kurang 25,000 orang penduduk.

3. Tempat/Kawasan/Keluasan/Cawangan-Cawangan

Kawasan Kelantan Selatan letaknya di selatan negeri Kelantan iaitu sempadan dengan Thailand di bahagian utara dan negeri Perak di sebuah barat, negeri Pahang di sebelah selatan dan negeri Trengganu di sebelah timur. Luas kawasan Kelantan Selatan yang telah diisyiharkan di bawah Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan ialah 3.06 juta ekar (4,696.36 batu persegi) iaitu kira-kira $\frac{3}{4}$ daripada keluasan negeri Kelantan. Kawasan Kelantan Selatan meliputi seluruh Jajahan Kuala Krai, Jajahan Ulu Kelantan dan sebahagian daripada Jajahan Tanah Merah iaitu mengikut penghuraian dalam Jadual 2.1.

Walaupun demikian jumlah penduduk dalam kawasan Kelantan Selatan mengikut banci penduduk tahun 1970 ialah 74,753 orang iaitu

PETA 1

Peta Pembangunan Wilayah Kelantan Selatan

KES/CM/019

-



kira-kira 15% daripada penduduk negeri Kelantan. Kepadatan penduduk kawasan Kelantan Selatan dianggarkan 16.6 orang bagi tiap-tiap satu batu persegi berbanding dengan kepadatan penduduk Kelantan 139 orang bagi satu batu persegi.

Jadual 2.1

Luas Kawasan Di Beberapa Jajahan

Jajahan	Daerah	Luas	
		Ekar	Batu
Ulu Kelantan	Nenggiri		
	Galas	2,003,136	3,119.64
	Ulu Lebir		
Kuala Krai	Batu Mengkebang		
	Olak Jeram	726,400	1,131.28
	Stong		
	Kuala Balah		
Tanah Merah	Jeli		
	Belimbing		
	Jedok (Mukim Jedok, Nibong dan Lawang)	325,930	445.44
	Ulu Kusial		
	JUMLAH	3,055,466	4,696.36

Sebahagian besar daripada kawasan Kelantan Selatan terdiri daripada tanah tinggi yang berbukit bukau. Dianggarkan 40% daripadanya lebih daripada 1,000 kaki dari paras laut, 25% daripadanya kurang dari 250 kaki dari paras laut. Hampir 50% daripadanya mempunyai kecerunan

kurang dari 25° dan hanya 10% daripadanya mempunyai kecerunan kurang dari 15° . Tanah-tanah di kawasan tinggi di dalam kawasan Kelantan Selatan kebanyakannya terdiri daripada batu granit. Kawasan bukit pula diliputi hutan tropika yang tebal menghijau.

Kawasan Kelantan Selatan mempunyai iklim khatulistiwa yang tertakluk kepada pendedahan terhadap kesan monsun yang mengwujudkan 2 musim, iaitu musim panas (Februari hingga awal Oktober) dan musim hujan (Oktober hingga Februari). Purata hujan tahunan ialah 240 - 260 cm dan turun di sepanjang tahun. Hujan yang minima turun dalam bulan Februari dan Mac (80% daripada jumlah hujan tahunan), manakala hujan maksima turun dalam musim Monsun Timur Laut dalam bulan November hingga Januari. Suhu tahunan adalah di dalam lingkungan 26°C . Beza antara suhu musim kemarau dan musim hujan ialah 2.5°C .

Di antara cawangan-cawangan tanah rancangan di bawah KESEDAR terdapat lapan cawangan utama iaitu Renok Baru, Sungai Asap, Jeram Tekoh, Paloh I, Paloh II, Paloh III dan Lebir I dan Chalil I. Kelapan-lapan cawangan ini adalah di antara cawangan KESEDAR yang asal sebelum TAKDIR diserapkan ke dalam KESEDAR pada lhb. Jun 1983 yang menjadikan KESEDAR sekarang mempunyai 32 buah cawangan semuanya. Dalam kajian ini pengkaji hanya menumpukan pada cawangan-cawangan asal sahaja disebabkan masih tidak dapat laporan yang mendalam kerana masih dalam proses perancangan walaupun sudah diisytiharkan penyerapannya.

4. Bilangan Peneroka KESEDAR

Di bawah tajuk ini pengkaji tidak dapat memberikan huraian

yang tepat terhadap bilangan peneroka KESEDAR dari setahun ke setahun. Ini disebabkan bilangannya tidak tetap samada berkurangan atau bertambah kesan dari proses tarik diri, dipecat dan lain-lain hal yang berhubungan. (Perkara ini akan dihuraikan dengan lebih mendalam dalam bab-bab kemudian).

Walaupun begitu ianya dapat diinterpretasikan melalui Jadual 2.2 dan 2.3.

Jadual 2.2

Keluasan Ladang Dan Jumlah Peneroka
Di RKT KESEDAR

Bil.	RKT	Keluasan Ladang (Ekar)	Kekuatan Penuh Peneroka
1	Renok Baru	4,529	450
2	Sungai Asap	5,051	450
3	Jeram Tekoh	4,624	450
4	Paloh I	2,905	350
5	Paloh II	3,538	400
6	Paloh III	5,418	550
7	Lebir I	2,392	200
8	Chalil I	3,964	300
JUMLAH		32,421	3,150

Bilangan peneroka seperti perbandingan antara tahun-tahun semasa projek ini berjalan juga dapat dilihat melalui bilangan peneroka yang ada di kawasan perkampungan Rancangan Kemajuan Tanah seperti

Jadual 2.3

Kawasan Perkampungan RKT

Bil.	Kampung	Luas (Ekar)	Bilangan Peneroka
1	Renok Baru	400	450
2	Jeram Tekoh	800	900
3	Paloh I & II	800	900
4	Paloh III	400	450
5	Lebir I	400	450
JUMLAH		2,800	3,150

terdapat Jadual 2.3 iaitu peneroka-peneroka bagi rancangan-rancangan Kemajuan Tanah telah ditempatkan di kawasan perkampungan.

Bilangan peneroka yang telah dipilih dan dibawa masuk ke dalam rancangan kemajuan tanah sehingga akhir tahun 1980 adalah seperti di Jadual 2.4.

Sungguhpun bilangan peneroka yang berdaftar di rancangan ialah seramai 943 orang tetapi bilangan peneroka yang selalu berada dalam rancangan ialah antara 450 hingga 600 orang. Di Jadual 2.5 menunjukkan bilangan peneroka di RKT KESEDAR setakat 30hb. April 1983 iaitu di lapan rancangan kemajuan tanah.

Jadual 2.4

Pemilihan dan Kemasukan Peneroka

Program	Bil.	Rancangan	Bilangan Dipilih	Bilangan Tarik Diri	Bilangan Tidak Masuk Rancangan	Bilangan Yang Berdaftar Di Rancangan
1979/80	1	Renok Baru	314	4	39	271
	2	Sungai Asap	305	4	10	291
	3	Jeram Tekoh	291	25	21	245
	JUMLAH KECIL		910	33	70	807
1980/81	1	Paloh I	36	-	-	36
	2	Paloh II	37	-	-	37
	3	Paloh III	35	-	-	35
	4	Lebir I	28	-	-	28
	JUMLAH KECIL		136	-	-	136
JUMLAH BESAR			1,046	33	70	943

Jadual 2.5

Keluasan Ladang Dan Kedudukan
Peneroka Di RKT KESEDAR

Bil.	RKT	Keluasan Ladang (Ekar)	Kekuatan Penuh Peneroka	Yang Ada Dalam Daftar RKT
1	Renok Baru	4,529	450	346
2	Sungai Asap	5,051	450	333
3	Jeram Tekoh	4,624	450	419
4	Paloh I	2,905	350	314
5	Paloh II	3,538	400	373
6	Paloh III	5,418	550	492
7	Lebir I	2,392	200	183
8	Chalil I	3,964	300	222
JUMLAH		32,421	3,150	2,682

Bilangan peneroka ini hanyalah dalam lapan cawangan Rancangan Kemajuan Tanah KESEDAR sebelum TAKDIR diserapkan ke dalam KESEDAR pada 1hb. Jun 1983. Apabila TAKDIR diserapkan ke dalam KESEDAR cawangannya bertambah menjadi 32 semuanya dan kemungkinan lapan lagi cawangan TAKDIR akan diserapkan kemudian secara rasmi. Jadi dengan pertambahan cawangan ini akan melipatgandakan lagi bilangan peneroka Rancangan Kemajuan Tanah KESEDAR.

5. Prestasi Perlaksanaan dan Kemudahan-Kemudahan Sosial

Pembangunan Tanah

Projek pembangunan tanah pertanian dan penempatan peneroka telah menjadi tumpuan utama dan teras pembangunan sosio-ekonomi kawasan Kelantan Selatan. Oleh kerana kehadiran tanah yang sesuai untuk pertanian adalah amat terhad iaitu 15% dari seluruh kawasan Kelantan Selatan. Maka kawasan-kawasan yang sesuai itu akan hanya diuntukkan kepada agensi-agensi kerajaan bagi dimajukan sebagai rancangan kemajuan tanah untuk penempatan peneroka. Dengan itu dasar tidak menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam pembangunan pertanian yang diamalkan dalam tahun 1979 masih tetap dikekalkan sepanjang tahun 1980.

Dalam tahun 1980 seluas 26,445 ekar telah dirancang untuk dimulakan pembangunannya iaitu seluas 20,000 ekar oleh KESEDAR, 5,845 ekar oleh FELDA dan 600 ekar oleh FELCRA. Ini menjadikan kawasan tanah yang sedang dimajukan dalam tahun 1980 seluas 118,680 ekar. Jenis-jenis tanaman utama yang telah dan akan ditanam ialah getah dan kelapa sawit. Jadual 2.6 menunjukkan kadar keluasan tanah pertanian yang diperuntukkan kepada agensi-agensi kerajaan dan jenis-jenis tanaman yang telah ditanam sehingga akhir tahun 1980.

Seluas 153,472 ekar lagi tanah kawasan pertanian yang diperuntukkan kepada agensi-agensi tersebut di Jadual 2.6 masih belum dimajukan. Kawasan-kawasan ini akan dimajukan sekurang-kurangnya 30,000 ekar tiap-tiap tahun oleh agensi-agensi tersebut untuk ditanam

Jadual 2.6

Keluasan Tanah Yang Diperuntukkan Kepada
Agensi-Agenzi Kerajaan dan Jenis-Jenis Tanaman
Untuk Negeri Kelantan Sahaja

(1) Agensi	(2) Diperuntukkan (Ekar)	Dimajukan Sehingga Akhir 1980					Jumlah (Ekar)
		Getah	K. Sawit	Dusun	Padi		
i. KESEDAR	80,000	13,086	8,000	-	-	21,086	
ii. FELDA	81,535	942	17,383	-	-	18,325	
iii. FELCRA	4,460	4,460	-	-	-	4,460	
iv. TAKDIR	59,711	31,000	-	3,000	-	34,000	
v. PKINK	16,570	16,570	-	-	-	16,570	
vi. JHEOA	6,816	1,065	-	114	-	1,179	
vii. PEJABAT JAJAHAN	23,060	12,560	-	8,500	2,000	23,060	
JUMLAH	272,152	79,683	25,383	11,614	2,000	118,680	


Sumber: Katalog KESEDAR

dengan getah dan kelapa sawit. Pada masa ini kajian-kajian tanah tanih sedang giat dilaksanakan di kawasan-kawasan seluas lebih kurang 100,000 ekar yang terpencil dalam kawasan Kelantan Selatan. Kawasan-kawasan ini dijangka dapat dimajukan untuk tanaman seperti oren, teh, sayur-sayuran, pelaga (cardamom), tebu dan abacca.

Rajah I dan 2 menunjukkan keluasan tanah yang diperuntukkan kepada agensi-agensi kerajaan yang peratus guna tanah oleh agensi-agensi kerajaan dalam kawasan Kelantan Selatan. Dalam tahun 1980, KESEDAR telah membuka 4 rancangan pembangunan tanah bagi penempatan peneroka. Rancangan-rancangan kemajuan tanah pertanian ini melibatkan kawasan seluas 20,000 ekar yang dilaksanakan dalam dua peringkat. Peringkat pertama seluas 10,000 ekar dimulakan pembangunannya dalam tahun 1980 dan 10,000 ekar lagi akan dimulakan pembangunannya pada tahun 1981.


Jadual 2.7 menunjukkan nama dan keluasan rancangan kemajuan tanah yang telah dimajukan oleh KESEDAR sehingga akhir tahun 1980. Daripada 35,000 ekar kawasan tersebut di bawah hanya seluas 21,086 ekar sahaja yang telah dimajukan sehingga akhir tahun 1980. Kedudukan ini ditunjukkan dalam Jadual 2.8.

RAJAH 1



KELUASAN TANAH YANG DIPERUNTUKKAN KEPADA
AGENSI KERAJAAN

RAJAH 2



PERATUS GUNA TANAH OLEH AGENSI-AGENSI
KERAJAAN SEHINGGA AKHIR TAHUN 1980

Jadual 2.7

Rancangan-Rancangan Kemajuan Tanah KESEDAR

Nama Rancangan	Luas Kawasan Pertanian (Ekar)		Jumlah
	Getah	Kelapa Sawit	
1. Program 1979/1980:	15,000	-	15,000
i. Renok Baru	5,000	-	5,000
ii. Sungai Asap	5,000	-	5,000
iii. Jeram Tekoh	5,000	-	5,000
2. Program 1980/1981:	12,000	8,000	20,000
i. Paloh I	2,000	3,000	5,000
ii. Paloh II	3,000	2,000	5,000
iii. Paloh III	2,000	3,000	5,000
iv. Lebir I	5,000	-	5,000
JUMLAH	27,000	8,000	35,000

Sumber: Katalog KESEDAR

Jadual 2.8

Rancangan dan Luas Kawasan Yang Telah Dimajukan

Nama Rancangan	Luas Kawasan (Ekar)	Kawasan Dimajukan (Ekar)
1. Renok Baru	5,000	3,582
2. Sungai Asap	5,000	4,289
3. Jeram Tekoh	5,000	3,215
4. Paloh I	5,000	3,000
5. Paloh II	5,000	2,000
6. Paloh III	5,000	3,000
7. Lebir I	5,000	2,000
JUMLAH	35,000	21,086

Jadual 2.9

Tapak Semaian

Nama	Jenis Tanaman	Luas Kawasan (Ekar)
1. Renok Baru	Getah	40
2. Sungai Asap	Getah	20
3. Jeram Tekoh	Getah	20
4. Gugusan Paloh	Kelapa Sawit	80
JUMLAH		160

Sumber: Katalog KESEDAR

Untuk memastikan bekalan bahan-bahan tanaman kepada rancangan-rancangan tersebut tidak tergendala beberapa tapak semaian telah diwujudkan. Jadual 2.9 di atas menunjukkan nama dan luas kawasan tapak semaian yang telah diwujudkan sehingga akhir tahun 1980. Peneroka-peneroka bagi rancangan-rancangan kemajuan tanah telah ditempatkan di kawasan perkampungan seperti di Jadual 2.10.

Jadual 2.10

Kawasan Perkampungan RKT

Nama Kampung	Luas (Ekar)	Bil. Peneroka
1. Renok Baru	400	450
2. Jeram Tekoh	800	900
3. Paloh I & II	800	900
4. Paloh II	400	450
5. Lebir I	400	450
JUMLAH	2,800	3,150

Sumber: Katalog KESEDAR

Pembangunan Bandar

Dalam usaha membangun pusat-pusat pertumbuhan, halacara yang diambil oleh KESEDAR ialah menaikkan taraf bandar-bandar dan pekan-pekan kecil yang sedia ada. Halacara ini diambil berdasarkan kepada dua faktor utama iaitu:-

- (i) Di kawasan Kelantan Selatan sudahpun wujud pekan-pekan kecil dan pusat-pusat penempatan yang mempunyai potensi untuk dibangunkan.
- (ii) Pengalaman di tempat-tempat lain menunjukkan wujudnya persaingan hebat di antara bandar-bandar yang tumbuh secara semulajadi dari bandar-bandar yang pertumbuhannya dirancang.

Bandar Gua Musang

(a) Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan

Kerja-kerja pembersihan tapak seluas 46.46 hektar telah siap 100%. Peringkat pertama kerja-kerja ukur seluas 15.35 hektar untuk tapak pejabat KESEDAR dan Kompleks Islam telah dilaksanakan. Kerja-kerja penyediaan Pelan Tatatur dan kerja rekabentuk sedang dijalankan dan dijangka siap bulan Jun 1982.

(b) Kawasan Perumahan (FASA IA dan IB 213.72 Hektar)

Kerja-kerja membersih kawasan perumahan Fasa I (40.4 hektar) telah siap. Tender untuk kerja-kerja tanah (Platform) bagi Fasa IA

telah dihantar kepada Lembaga Tender pada 24hb. Februari 1982 dan telah diluluskan. Bagi Fasa 1B survey sedang dijalankan.

(c) Pusat Bandar

Seluas 33.53 hektar telah diuntukkan bagi pusat bandar Gua Musang. Rekabentuk kejuruteraan sedang dilaksanakan. Pembersihan kawasan seluas 9.29 hektar mencapai kemajuan 50%.

(d) Hospital

Kerja-kerja pembersihan tapak seluas 17.37 hektar siap pada Julai 1981. Satu blok hospital, satu balai pelawat dan beberapa unit quarters akan didirikan. Kerja tanah (earthwork) ditawarkan dan dilaksanakan.

(e) Jalan-Jalan

(i) Jalan-jalan Dalam Bandar Gua Musang (1A, 1B, 1C dan 1E).

Kerja-kerja ukur untuk Jalan 1A/1B telah selesai.

Aliran Jalan 1C dikaji semula dan buat sementara waktu jalan tanah sementara digunakan untuk ke kawasan industri PKINK. Aliran Jalan 1E masih di peringkat penentuan dan masih menggunakan jalan sementara 8 kilometer bagi menghubungi tapak kawasan PKINK dan yad keretapi.

Rekabentuk muktamad bagi Jalan 1D telah siap dan bagi 1A, 1B, 1C dan 1E sedang disediakan. Pakarunding sedang menyediakan rekabentuk dan penentuan untuk kerja-kerja tawaran.

(ii) Jalan 1 - 11

Aliran jalan sedang ditentukan, data tambahan diperlukan untuk aliran jalan yang muktamad. Data tambahan akan diperolehi setelah ukur kontor bagi kawasan perumahan Fasa 1B siap.

(iii) Pesiaranraya (Boulevard)

Ianya menjadi tulang belakang bagi bandar Gua Musang, kerana letaknya di tengah-tengah bandar itu. Jalan yang panjang 3.2 kilometer ini memanjang dari utara ke selatan. Kontrek telah diberi kepada Wan Sam Construction dengan harga tawaran sebanyak \$17.32 juta dan dijangka siap tahun 1983. Kerja-kerja ukur telah siap. Kerja-kerja pembersihan tapak telah siap 98%. Kerja-kerja tanah telah dimulakan dengan kemajuan sebanyak 17%. Pada keseluruhannya kemajuan kerja ialah 25%.

Pelan tatatur terperinci bandar Gua Musang sebagai pusat Pembangunan Wilayah sedang giat disediakan dan pada akhir tahun 1980 kemajuannya hampir 80%. Walau bagaimanapun perlaksanaannya bagi Fasa 1 telah dimulakan pada awal tahun 1981. Rekabentuk jalan utama di bandar Gua Musang sudah siap dan pembinaan telah dimulakan pada tahun 1981. Pembangunan bandar Gua Musang akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Peringkat pertama (1981 - 1985), peringkat kedua (1985 - 1990), peringkat ketiga (1991 - 1995) dan peringkat

keempat (1996 - 2000). Kajian-kajian awal menunjukkan pembangunan bandar Jeli, Kemubu, Dabong, Manek Urai, Bertau dan Chiku sedang giat dijalankan. Di samping itu penyediaan pelan bandar Kuala Krai juga sedang di dalam peringkat pengumpulan data.

Pembangunan Kampung Tradisional

Dalam usaha menyusun semula penduduk ke arah yang lebih teratur dan memodenkan penghidupan luar bandar serta menaikkan taraf hidup rakyat yang miskin di dalam sektor pertanian, KESEDAR sedang dan akan melaksanakan projek pembangunan semua kampung-kampung yang terpencil dalam kawasan Kelantan Selatan. Objektif pembangunan semula kampung-kampung yang sedia ada (tradisional) ialah untuk mengadakan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan-jalan, sekolah, klinik, bekalan elektrik, bekalan air paip serta kemudahan-kemudahan awam lain. Pendekatan ini diambil dengan tujuan untuk:-

- (i) Mempastikan bahawa penduduk-penduduk yang sedia ada tidak ketinggalan dalam menikmati hasil pembangunan dan mengelakkan mereka dari dipengaruhi oleh anasir-anasir anti-nasional.
- (ii) Mengelakkan timbulnya perasaan tidak puas hati di kalangan penduduk-penduduk di kampung-kampung yang sedia ada dalam kawasan Kelantan Selatan apabila kawasan-kawasan penempatan baru yang dibuka di sekeliling mereka dibekalkan dengan segala kemudahan-kemudahan asas yang cukup.

Kampung-kampung yang terlibat di bawah projek pembangunan semula kampung-kampung ini ialah kampung-kampung yang terancam keselamatannya samada disebabkan oleh bencana banjir atau diancam oleh anasir-anasir anti-nasional dari kampung-kampung yang mundur dan terperinci dari pusat-pusat penempatan utama dalam kawasan Kelantan Selatan.

Manek Urai

- (a) Ianya meliputi kawasan seluas 155.14 hektar dan kerja-kerja pembersihan kawasan telah siap 100%.
- (b) Sebanyak 230 lot rumah telah siap dikerjakan dan pembinaan jalan dalam dan jalan masuk sedang dilaksanakan.
- (c) Dua buah tapak sub-station pembekalan letrik sementara telah ditentukan dan kerja-kerja untuk bekalan air sedang dijalankan.
- (d) Seluas 0.404 hektar telah dipilih untuk dijadikan tapak semaiian untuk menghasilkan benih tanaman, pokok hiasan dan pokok teduh. Setakat ini kerja pembersihan siap 100% dan telahpun dipagari. Pembinaan rumah/pejabat sementara hampir siap iaitu mencapai 90% kemajuan.
- (e) Perasmian perletakan batu asas Kampung Baru Manek Urai telah dirasmikan oleh YBM Tengku Razaleigh Hamzah pada 19hb. Februari 1982.

- (f) Tender untuk pembinaan 10 unit rumah kedai telah dikeluarkan dan kerja-kerja dijangka bermula akhir Mac 1983.

Slow Mengkuang/Ulu Temiang

- (a) Ianya meliputi kawasan seluas 161.6 hektar, tetapi bagi peringkat pertama ianya meliputi kawasan seluas 80.8 hektar.
- (b) Kerja-kerja pembersihan kawasan telah dimulakan pada 5hb. Februari 1982 dan setakat ini pembersihan hutan telah siap 90%. Adalah dijangka kerja-kerja membakar dan memerun akan disiapkan.
- (c) Penyediaan Pelan Tataur Peringkat II bagi kawasan ini berada dalam proses terakhir (menanti kelulusan).

Jerek

- (a) Bagi kawasan perkampungan, ianya meliputi kawasan seluas 80.8 hektar dan seluas 80.8 hektar juga telah dicamkan untuk kawasan projek pertanian.
- (b) Proses pembayaran pampasan bagi tuan-tuan tanah berada di peringkat penyediaan kertas MKK.
- (c) Kegagalan kontrektor untuk masuk menyebabkan kerja-kerja pembersihan tergendala. Walau bagaimanapun tender telahpun dikeluarkan.

Lata Rek

- (a) Projek ini meliputi kawasan seluas 47.67 hektar.

Proses pengambilan balik tanah sedang diuruskan oleh Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai dan berada di peringkat kelulusan kewartaan.

- (b) Proses pengambilan balik tanah tergendala kerana adanya tentangan daripada orang tempatan.

Pembangunan Infrastruktur

Pembinaan Jalan-jalan

- (a) Setakat ini KESEDAR telah melaksanakan pembinaan 4 batang jalan sepanjang 45.6 kilometer iaitu jalan Biak - Sg. Durian, Renok Baru - S. Chiku, Limau Kasturi - Sg. Asap dan jalan ke Perusahaan Pulai.

- (b) Jalan ke Perusahaan Pulai sepanjang 6.4 kilometer telah terhenti, kerana rekabentuk terpaksa dibuat semula.

- (c) Jalan Sg. Asap - Limau Kasturi sepanjang 16 kilometer hampir siap dilaksanakan dan kemajuan kerja 90%.

- (d) Jalan Renok Baru - Sg. Chiku sepanjang 17.6 kilometer telah siap dibina.

Pelaburan

Sepanjang tahun 1980, KESEDAR telah mengutamakan projek-projek pertanian, pembinaan bandar, penyediaan kemudahan-kemudahan asas untuk menarik penduduk-penduduk baru dan pembangunan kawasan-kawasan penempatan sedia ada. Selain dari itu KESEDAR telah berusaha sedaya upaya menyediakan infrastruktur asas yang cukup bagi menarik pelabur-pelabur ke kawasan Selatan Kelantan. Untuk tujuan ini, di dalam membuat penyediaan pelan struktur bandar-bandar, aspek-aspek yang boleh menjadikan bandar-bandar itu menarik minat pelabur-pelabur telah dimasukkan dan KESEDAR juga telah melibatkan diri di dalam beberapa projek pelaburan yang diperlukan bagi membekal bahan-bahan untuk membantu mempercepatkan perlaksanaan projek-projek pembangunan.

Sebuah rumah rehat yang bercorak perdagangan dan diberi nama KESEDAR INN telah mula dibina di Gua Musang pada akhir tahun 1979. Perbelanjaannya adalah sebanyak \$600,000.00 dan sebanyak 17 buah bilik telah siap pada akhir tahun 1980 dan diberi sewa. Pembinaan rumah rehat itu ialah bertujuan untuk menampung keperluan tempat-tempat tumpangan yang makin meningkat di Gua Musang. Sepanjang bulan Januari, 1982 purata harian bilik yang disewa ialah 10 bilik sehari. Pendapatan daripada restoren telah meningkat berbanding dengan bulan Disember 1981.

Sebuah kilang papan kepunyaan anak syarikat yang diberi nama KESEDAR SAWMILL Sendirian Berhad telah mula dibina di akhir tahun 1979 dengan modal dibayar sebanyak \$300,000.00 dan telah memulakan

perniagaannya dalam bulan September 1980 dengan tambahan modal dibayar sebanyak \$100,000.00 dan sehingga akhir tahun 1980 telah berjaya mengeluarkan sebanyak 760 tan kayu gergaji. Tujuan pengwujudan kilang papan ini ialah untuk menyelamatkan 'residual timber' dalam kawasan rancangan kemajuan tanah daripada dibakar begitu sahaja dan untuk menjamin bekalan kayu bagi pembinaan rumah peneroka Rancangan Kemajuan Tanah KESEDAR tidak tergendala. Balak yang diselamatkan itu diproses dan dijadikan bahan kayu untuk dibekalkan kepada peneroka-peneroka Rancangan Kemajuan Tanah KESEDAR dan kepada pihak-pihak lain untuk pembinaan rumah-rumah kediaman dan lain-lain bangunan dalam kawasan Kelantan Selatan. Perusahaan perkilangan kayu ini telah mengwujudkan 150 peluang pekerjaan.

Kajian dan perancangan mendalam bagi mengwujudkan kilang batu bata di Rancangan Kemajuan Tanah KESEDAR Sungai Asap, Gua Musang telah disiapkan pada bulan Disember 1980. Sementara itu kajian-kajian awal bagi mengadakan kilang memecah batu (kuari) telah dimulakan pada bulan September 1980. Penglibatan KESEDAR di dalam kedua-dua perusahaan ini adalah semata-mata untuk menyediakan bekalan-bekalan batu bata dan batu-batu kecil bagi mempercepatkan usaha pembinaan perumahan dan pembinaan jalan dalam kawasan Kelantan Selatan di dalam iklim pelaburan yang tidak menarik kepada pelabur-pelabur swasta Bumiputra. Pada masa ini bekalan bahan-bahan tersebut tidak terdapat di dalam kawasan Kelantan Selatan. Akibat daripada kekurangan bahan-bahan tersebut pelaksanaan pembangunan perumahan dan pembinaan jalan-jalan amat perlahan sekali.

Pada umumnya penglibatan KESEDAR secara langsung dalam mengwujudkan projek-projek perusahaan dalam kawasan Kelantan Selatan adalah semata-mata untuk mempastikan bahan-bahan mentah yang sedia ada dalam kawasan Kelantan Selatan diusahagunakan dengan sepenuhnya pada masa ianya diperlukan, di samping untuk menyediakan bahan-bahan mentah untuk keperluan pembangunan bagi menolong membantu mempercepatkan perlaksanaan projek-projek pembangunan.

Kemudahan-Kemudahan Sosial

(a) Bekalan Letrik

Pembekalan letrik ke kawasan Kelantan Selatan telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak Lembaga Letrik Negara (LLN) melalui projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan juga projek bekalan untuk pusat-pusat bandar. Bagi tempat-tempat yang terpencil (jauh) dari talian atas voltan tinggi 33 kv, bekalan jenis 12 jam disediakan. Ini tidak termasuk bandar Gua Musang yang telah mendapat bekalan 24 jam.

Setakat ini kapisiti perjanaan bagi bandar Gua Musang ialah sebanyak 500 kw. Usaha-usaha sedang dilaksanakan bagi menambahkan kapisiti ini dan tambahan kepada satu 500 kw set akan siap pembinaannya pada bulan September, dan ini akan menjadikan kapisiti perjanaannya sebanyak 1000 kw.

Bagi bandar-bandar Jeli, Kemabu, Manek Urai dan Dabong, bekalan letrik telah diadakan melalui stesen disel setempat. Sementara

bandar Kuala Krai menerima bekalan 24 jam melalui talian penghantaran 33 kv dari stesen Lemal/Lundang.

Sehingga akhir tahun 1980 sebanyak lebih dari 20 projek bekalan letrik telah siap dibina di seluruh kawasan Kelantan Selatan. Sementara itu sebanyak 23 buah projek lagi akan disiapkan di bawah RME. Adalah dianggarkan bahawa lebih daripada 30% penduduk-penduduk di kawasan Kelantan Selatan telah mendapat kemudahan letrik.

(b) Bekalan Air

Projek bekalan air telah dan sedang disediakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) di bawah program Bekalan Air Luar Bandar. Selain dari itu pihak Kementerian Kesihatan dan Majlis Daerah juga bertanggungjawab mengadakan bekalan air bagi kawasan-kawasan tertentu yang jauh dan terpencil.

Hingga akhir tahun 1980, sebanyak 12 projek bekalan air telah disiapkan yang telah dapat memberi kemudahan kepada lebih daripada 20% penduduk-penduduk di dalam kawasan Kelantan Selatan. Adalah dianggarkan, apabila berakhirnya tempoh RME, sejumlah 80% daripada keseluruhan penduduk Kelantan Selatan akan mendapat kemudahan-kemudahan letrik dan air.

6. Struktur Pentadbiran

Pentadbiran Am


Dalam tahun 1980 satu Bahagian Baru telah diwujudkan yang

dinamakan Bahagian Pembangunan Sosial. Bahagian ini bertanggungjawab untuk mengadakan aktiviti keugamaan, sosial dan ekonomi bagi peneroka Rancangan Kemajuan Tanah KESEDAR dan penduduk kampung tradisional yang telah dibangunkan. Dengan pengwujudan bahagian baru ini KESEDAR mempunyai enam bahagian dan dua unit khas. Berikut ialah susunan Organisasi KESEDAR tahun 1980. (Lihat Rajah 3)

Rajah 4 menunjukkan organisasi 1982 yang meliputi satu bahagian yang lebih besar iaitu merangkumi pihak atasan termasuk bahagian Kementerian. Lembaga ini telah ditubuhkan untuk mentadbirkan KESEDAR. Seperti yang termaktub di bawah Seksyen 5(1) Akta 203, Keanggotaan Lembaga Pengarah terdiri dari seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, 3 orang wakil Kerajaan Persekutuan dan 3 orang wakil Kerajaan Negeri.

Rajah 5 menunjukkan carta organisasi rancangan. Jawatan tertinggi ialah Pengurus Gugusan yang mentadbir dan mengawasi satu gugusan mengandungi 3 rancangan kemajuan tanah. Diikuti dengan Pengurus Rancangan bertugas sebagai pegawai yang berkuasa dan bertanggungjawab ke atas sesuatu Rancangan Kemajuan Tanah. Penolong Pengurus Rancangan membantu Pengurus Rancangan, Penyelia mentadbir satu kawasan seluas 1,000 ekar, Pembantu Ladang (FA) mentadbir satu kawasan seluas 500 ekar, Penolong Pegawai Pembangunan Peneroka (Ugama) mengendali hal-hal berkaitan ugama bagi seluruh Rancangan Kemajuan Tanah KESEDAR, Penolong Pegawai Perkembangan Peneroka mengendali hal-hal berkaitan dengan tanaman sampingan untuk satu gugusan,


Rajah 3

Carta Organisasi 1980

Sumber: Katalog KESEDAR

Rajah 4


Carta Organisasi Pentadbiran



Sumber: Katalog KESEDAR

Rajah 5

Carta Organisasi Rancangan



Penyelia Pembangunan Peneroka (Lelaki) bertanggungjawab tentang hal-hal sosial kepada rancangan Pembantu Pembangunan (Wanita) bertanggungjawab kepada hal-hal sosial wanita di rancangan.


Kedudukan Kakitangan

Disebabkan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dalam proses perancangan maka kedudukan kakitangannya tidak dapat dibuat satu penilaian/perangkaan yang tetap. Ini adalah adanya pertambahan kakitangan serta pertukaran. Semua ini berlaku disebabkan samada pengwujudan bahagian-bahagian baru mengemaskin lagi perancangan mereka. Selain dari itu kedudukan kakitangan ini tidak dapat memperolehi satu angka yang disebabkan penyerapan TAKDIR ke dalam KESEDAR yang menambahkan lagi bilangan kakitangannya.

Yang dapat dijelaskan hanyalah dari Geraf 1 dan Jadual 2.11 berkenaan kedudukan kakitangan KESEDAR mengikut kumpulan sehingga akhir tahun 1980 dan bahagian-bahagian yang terdapat di dalamnya berserta dengan unit-unit khas yang didapati.

KEDUDUKAN KAKITANGAN KESEDAR MENGIKUT KUMPULAN

SEHINGGA AKHIR TAHUN 1980



Nota:

BILANGAN JAWATAN YANG DILULUSKAN
BAGI TAHUN 1980

BILANGAN JAWATAN YANG DI SI SEHINGGA
AKHIR TAHUN 1980

Jadual 2.11

Kedudukan Kakitangan

Bahagian \ Kategori	A	B	C	D	JUMLAH
Pentadbiran dan Latihan	7 (7)	1 (1)	11 (15)	25 (37)	44 (60)
Pembangunan Tanah	2 (4)	16 (32)	119 (230)	64 (128)	201 (394)
Perancangan dan Penilaian	8 (11)	- (2)	4 (5)	1 (1)	13 (19)
Kuasa Tempatan dan Pembangunan Semula Kampung	2 (4)	4 (8)	7 (18)	19 (44)	32 (74)
Perkhidmatan Teknik	7 (12)	8 (15)	24 (53)	34 (83)	73 (163)
Pembangunan Sosial	4 (4)	2 (7)	16 (25)	2 (5)	24 (41)
Kewangan	1 (3)	3 (6)	7 (7)	2 (6)	13 (22)
Unit Odit Dalam	2 (2)	- (1)	-	-	2 (3)
JUMLAH	33 (47)	34 (72)	188 (353)	147 (304)	402 (776)

Nota: () Jawatan yang diluluskan

Unit-Unit Khas KESEDAR

Bahagian \ Kategori	A	B	C	D	JUMLAH
Unit Perancang Khas	7	8	1	2	18
Unit Tanah-Tanah	-	1	-	5	6
JUMLAH	7	9	1	7	24

Sumber: Katalog KESEDAR

BAB III

LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN

1. Kedudukan Ilmu Alam

RKT Paloh I adalah salah satu anak cawangan dari kawasan RKT KESEDAR yang mempunyai keluasan tanah ladangnya 2,905 ekar. Paloh I terletak di pedalaman ke arah selatan negeri Kelantan, kira-kira 65 kilometer dari Kuala Krai dan 60 kilometer dari Gua Musang. Ianya adalah termasuk di dalam Mukim Relai. Terdapat sebatang lebuhraya yang dipanggil 'Lebuhraya Kuala Krai - Gua Musang' yang merintanginya yang mana lebuhraya ini telah menghubungkan dua buah bandar kecil iaitu Kuala Krai dan Gua Musang di selatannya.


(Rujuk Peta 2)

Bersempadan dengan RKT Paloh I terletak dua RKT yang lain iaitu RKT Paloh 2 dan RKT Paloh 3. Selain daripada Rancangan Pembangunan Tanah di bawah KESEDAR terdapat beberapa buah agensi pembangunan yang lain seperti FELDA dan TAKDIR. Antara RKT TAKDIR yang dimaksudkan adalah Sg. Sam dan Sg. Rek di utara, Sg. Chiku 1, 2 dan 3 di selatan, FELDA Lebir dan Aring di timur dan FELDA Chiku 4 di barat. (Rujuk Peta Lakar 1)

Kawasan ini (seperti digambarkan dalam Peta Lakar 1) adalah disaliri oleh beberapa batang sungai yang utama dan cawangan-cawangannya yang mana ianya menjadi sumber utama bekalan air. Sungai Paloh adalah sungai utama yang menjadi cawangan kepada Sungai Relai yang mengalir

PETA LAKAR 1

KEDUDUKAN SUNGAI PALOH YANG TERDAPAT DI PALOH 1 & 2



ke Sungai Lebir dan bercantum dengan Sungai Kelantan.

Sebahagian besar daripada kawasan tanah di Paloh 1 adalah bertanah tinggi dan sebahagiannya adalah dalam keadaan berbukit bukau. Dianggarkan 40% daripadanya melebihi daripada 1,000 kaki dari paras laut, 25% daripadanya kurang dari 250 kaki dari paras laut. Hampir 50% daripadanya mempunyai kecerunan kurang dari 25° dan hanya 10% daripadanya mempunyai kecerunan kurang dari 15° . Tanah-tanah di kawasan tinggi kebanyakannya terdiri daripada batu granit. Kawasan bukit pula diliputi hutan tropika yang tebal. Terdapat juga gua-gua batu di kawasan yang berbukit bukau.

Selain daripada lebuhraya, jalan-jalan tak berturap yang digunakan untuk pengangkutan balak sebagai jalan utama sungai dan penggunaan 'radio-phone' adalah digunakan sebagai alat perhubungan juga. 'Radio-phone' digunakan sebagai alat perhubungan antara pejabat-pejabat RKT yang lain.

Di Paloh 1 terdapat 3 buah kedai runcit, satu kedai kopi, satu surau, yang digunakan untuk berbagai-bagai kegunaan selain daripada tempat beribadat tetapi kadangkala digunakan sebagai tempat bermesyuarat, kelas bimbingan orang dewasa dan berbagai kursus yang diadakan. Pusat kesihatan hanya merupakan klinik bergerak sahaja serta sebuah pejabat yang hanya berbentuk rumah panjang sahaja. Terdapat sebuah sekolah yang digunakan bersama dengan penduduk Paloh 2. Tidak ada bekalan letrik yang disalurkan khas, cuma penggunaan generator kecil yang dikhaskan untuk bekalan letrik di pejabat dan untuk mengepam

air. Bekalan air pula diperolehi daripada telaga yang digali daripada cawangan-cawangan sungai.

2. Latarbelakang Sejarah dan Kependudukan Awal

Sebelum diteroka Paloh 1 merupakan satu kawasan yang berhutan rimba. Tidak ada asal usul tentang kawasan ini, tidak seperti asal usul sesebuah kampung atau bandar yang mempunyai cerita di sebalik namanya. Hanya di sini Paloh adalah nama sungai utama di situ, seperti yang terdapat dalam Peta Lakar 1. Manakala dengan penetapan pada 1, 2 dan 3 adalah mengikut jaraknya dari lebuhraya. Semasa proses pembersihan hutan yang dijalankan awal-awal dulu, ianya hanya menggunakan jalan yang dibuat oleh peneroka tetapi sekarang ianya digunakan untuk membawa balak-balak keluar. Sebenarnya jalan-jalan ini hanyalah merupakan titi-titi dan jambatan-jambatan kecil sahaja. Mengikut salah seorang peneroka awal yang terlibat dalam proses pembersihan, perkara ini juga diceritakan oleh salah seorang pegawai KESEDAR sendiri, mereka terpaksa menghadapi berbagai-bagai masalah semasa proses ini dijalankan seperti menghadapi binatang-binatang buas, tidur di khemah-khemah sahaja, menyeberangi sungai sebagai punca perhubungan dan lain-lain lagi. Sehingga ada yang jatuh sakit. Di sini menunjukkan sungai-sungai memainkan peranan penting pada masa itu. Peta Lakar 2 menunjukkan kedudukan sungai utama dan anak-anak sungai di Paloh 1.


Sebelum kawasan ini diserahkan pada pihak KESEDAR, pejabat/ pihak perhutanan mengendalikan pengeluaran balak-balak di kawasan tersebut. Jadi semasa penyerahan hanya terdapat 30% lagi hasil balak

PETA LAKAR 2

RKT PALOH 1 : KEDUDUKAN SUNGAI UTAMA DAN ANAK-ANAK SUNGAI



1 in. = 40 rai



CULVERT

SUNGAI UTAMA

ANAK SUNGAI.

JALAN PALAK.

LEBUHRAYA KUALA KRAI-GUA MUSANG.

PETUNJUK

di kawasan tersebut.

3. Keadaan Kawasan Kajian


(a) Luas Kawasan Kajian

Paloh 1 mempunyai keluasan seluas 2,905 ekar ini adalah dibahagikan kepada 38 seksyen-seksyen yang kecil, yang mana setiap seksyen yang dibahagikan mempunyai keluasan pukul rata antara 50 - 80 ekar tiap-tiap satu. Daripada 38 seksyen-seksyen tersebut ianya telah dibahagikan kepada enam zon (Rujuk Peta Lakar 3).

Perlu dinyatakan di sini iaitu selain pembahagian kepada tapak perladangan dan penempatan, ia juga dibahagikan pada zon-zon tertentu, di mana terdapat 6 zon utama. Setiap zon-zon ini mestilah mengwujudkan kawasan berbumi hijau. Keluasan zon-zon ini bergantung kepada sempadan-sempadan halangan yang terdapat tetapi keluasannya ± 450 ekar bagi satu-satu zon. Tiap-tiap zon diletakkan nombor-nombor (1, 2, 3, 4, 5 dan 6) berdasarkan pada peringkat pembersihan kawasan sebagai kawasan ladang dan penempatan seperti yang ditunjukkan oleh Peta Lakar 3 di sebelah. Pemeringkatan pula menunjukkan beberapa peratus kemajuan proses mengwujudkan ladang yang dikerjakan dan kalau pihak perancang inginkan sekian-sekian peratus baru boleh dikategorikan memasuki sekian-sekian peringkat. Dalam tiap-tiap zon ini disyaratkan menanam tanaman sampingan yang berlainan antara satu sama lain untuk pasaran dan juga kegunaan harian.

PETA LAKAR 3

PEMERINGKATAN ZON-ZON



PETUNJUK

- PERINGKAT I.**
- PERINGKAT 2A.**
- PERINGKAT 2B.**

(b) Bilangan Peneroka Yang Terdapat

Data tentang bilangan peneroka adalah dilihat dalam fail pejabat pusat setakat 30hb. April 1983 bagi 8 RKT KESEDAR seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1

Keluasan Ladang dan Kedudukan Peneroka
Di RKT KESEDAR

Bil.	RKT	Keluasan Ladang (Ekar)	Kekuatan Penuh Peneroka	Yang Ada Dalam Daftar RKT
1	Renok Baru	4,529	450	346
2	Sungai Asap	5,051	450	333
3	Jeram Tekoh	4,624	450	419
4	Paloh 1	2,905	350	314
5	Paloh 2	3,538	400	373
6	Paloh 3	5,418	550	492
7	Lebir 1	2,392	200	183
8	Chalil 1	3,964	300	222
JUMLAH		32,421	3,150	2,682

Merujuk kepada Jadual 3.1 di atas menunjukkan bahawa peneroka keseluruhan KESEDAR setakat tahun 1983 adalah berjumlah 2,683 orang. Tetapi daripada jadual tersebut jumlah yang dijangkakan akan diambil adalah berjumlah 3,150 orang dengan jumlah 32,241 ekar tanah akan dibuka di lapan kawasan yang dikemukakan di atas.

Paloh 1 adalah salah satu kawasan yang terkandung di dalamnya yang mana mempunyai keluasan ladang yang kedua sempit dengan jumlah peneroka adalah seramai 314 orang dan dijangkakan akan dipenuhi dengan jumlah 350 orang peneroka.

Namun demikian walaupun jangkaan yang dibuat itu adalah 350 orang namun angka sebenar yang dikaji oleh pengkaji tentang jumlah peneroka di RKT Paloh 1 adalah seramai 306 orang sahaja. (Rujuk Jadual 3.2 di bawah).

Jadual 3.2

Kedudukan Peneroka RKT Paloh 1

Bil.	Peneroka	Jumlah
1	Jumlah Peneroka	341
2	Disingkir	27
3	Tarik Diri	6
4	Meninggal Dunia	2
5	Berkeluarga	152
6	Anak	378
7	Bersekolah	84
8	Duduk Rumah Tetap	166
9	Bujang	34
10	Meninggal Rancangan (Lama)	70
11	Ada di Rancangan	186

Sumber: Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
Banci Kependudukan Peringkat Awal di RKT Paloh 1

Daripada Jadual 3.2 jelas menunjukkan harapan untuk mencapai 350 orang peneroka di Paloh 1 masih belum tercapai. Dan kini jumlah yang diambil adalah 341 orang. Namun demikian terdapat faktor-faktor tertentu seperti di bawah menyebabkan jumlah peneroka berkurangan lagi kepada jumlah 306 orang. Ini adalah kerana:-

- (a) Faktor Disingkir
- (b) Tarik Diri
- (c) Meninggal Dunia

Di RKT Paloh 1 sejumlah 27 orang peneroka telah disingkir daripada menyertai rancangan ini kerana gagal mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang dikenakan oleh KESEDAR. (Rujuk kepada Lampiran 1 tentang syarat-syarat kemasukan). Walaupun tindakan KESEDAR tidak membuang terus para peneroka namun oleh kerana masalah-masalah yang wujud dan timbul semasa bekerja seperti masalah pendapatan, tempat tinggal dan masalah keluarga di rumah telah menyebabkan ramai peneroka yang lari meninggalkan kawasan rancangan.

Bagi 6 kes yang menarik diri masalah-masalah yang timbul sedemikian rupalah menyebabkan timbul ketidak keyakinan pada diri mereka yang menyebabkan mereka menarik diri.

Terdapat 2 kes kematian yang timbul di waktu projek pembukaan tanah ini. Serangan penyakit demam malaria dan kemalangan sewaktu bekerja telah menyebabkan berlakunya kematian kepada peneroka.

(c) Bentuk Pertanian Yang Dijalankan

Hanya 2 jenis tanaman utama yang ditanam di kawasan RKT KESEDAR iaitu getah dan kelapa sawit. Bentuk pertaniannya ialah jenis peladangan yang keluasannya melebihi 1,000 ekar. Untuk melihat keluasan kawasan ladangnya bolehlah kita lihat perbezaan dengan lain-lain agensi pembangunan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.3 yang meletak KESEDAR di tempat ketiga luas kawasan ladangnya walaupun baru ditubuhkan.

Jadual 3.3

Kawasan Pertanian Yang Telah Dimajukan
Mengikut Agensi dan Jenis Tanaman

Pemaju	Keluasan Tanah dan Jenis Tanaman			Jumlah
	K. Sawit	Getah	Lain-Lain	
SEKTOR AWAM				
i) KESEDAR	6,403	6,714	-	13,117
ii) FELDA	17,556	1,916	-	19,472
iii) TAKDIR	-	17,653	-	17,653
iv) SEDC	-	5,936	-	5,936
v) FELCRA	-	3,165	-	3,165

Sumber: Katalog KESEDAR 1983

Apabila meninjau tentang kemajuan kawasan pertanian tidak terdapat satu analisa khusus tentang Paloh 1 kerana ia dirangkumkan dalam satu kawasan RKT KESEDAR kerana mereka ingin memberikan satu peringkat kemajuan yang sama antara cawangan-cawangan RKT KESEDAR

disebabkan setiap cawangan mempunyai masalah yang berlainan.

Pembahagian hanya dibuat dalam bahagian 'Kemajuan Penyediaan Tanah dan Perancangan' seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.4 di sebelah. Bagi melihat tentang kemajuan dalam pembangunan pertanian bolehlah kita lihat dalam Gerak 2 yang membezakan antara tahun 1981 - 1985 yang memecahkan pada 4 bahagian iaitu pembangunan masa depan, dirancangkan, dalam peringkat kemajuan dan operasional.

(d) Bentuk Penempatan

Bentuk penempatan di Paloh 1 adalah bentuk berpusat, di mana satu kawasan (sebuah kawasan lapang) disediakan menjadi semacam sebuah kampung bagi penempatan para-para peneroka bersama keluarga masing-masing. Kawasan ini lebih dikenali dengan kawasan perkampungan bagi masyarakat peneroka. Ini wujud disebabkan rumah-rumah pegawai adalah di satu kawasan lain iaitu kira-kira $1\frac{1}{2}$ batu dari kawasan perkampungan ini. Sebenarnya rumah-rumah pegawai ini adalah sementara sebelum siapnya rumah tetap dan pejabat am mereka yang terletak di kawasan perkampungan itu juga. Walaupun ianya berbentuk berpusat tetapi bukan semua rumah-rumah ini terletak pada satu tanah lapang atau datar. Ianya terletak di mana-mana tempat seperti ada di kawasan datar, bertanah tinggi dan lain-lain, tetapi hakikatnya ia berbentuk berpusat kerana jarak antara satu rumah dengan satu rumah adalah \pm 10 kaki sahaja.


Sebenarnya sebelum wujudnya kawasan penetapan tetap (yang berupa rumah) ini terdapat beberapa proses ke arah mendapatkan rumah

Jadual 3.4
Kemajuan Penyediaan Tanah dan Perancangan

Nama Projek	Kawasan Yang Diberi Milik (Hektar)	Bulan/Tahun Diberi Milik (Hektar)	Status Pembersihan Hutan (Hektar)	Kawasan Yang Di- bersihkan Untuk Tanaman (Hektar)	Kawasan Yang Tidak Boleh Ditanam (Hektar)	Kawasan Yang Boleh Ditanam (Hektar)	Kawasan Yang Ditanam (Hektar)	% Penanaman	Jenis Tanaman
	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)	(9)	(10)
<u>KESEDAR</u>									
1. Renok Baru	2,178	1979	Siap	1,779	344	1,833	1,078	59	Getah
2. Sungai Asap	2,407	1979	Sebahagian Siap	1,621	365	2,042	1,187	58	Getah
3. Jeram Tekoh	2,220	1979	Siap	1,732	349	1,871	1,082	58	Getah
4. Paloh 1	1,456	1980	Siap	1,176	280	1,176	679	58	K. Sawit
5. Paloh 11	1,737	1980	Siap	1,377	305	1,432	575	40	K. Sawit
6. Paloh 111	2,572	1980	Siap	1,895	382	2,192	708	32	K. Sawit
7. Lebir	1,127	1980	Sebahagian Siap	309	159	968	124	13	Getah
8. Chalil	1,946	1980	Siap	960	343	1,603	201	18	K. Sawit
JUMLAH	15,645			10,849	2,527	13,117	5,634	43	


KEMAJUAN DALAM PEMBANGUNAN PERTANIAN KESEDAR

1981




- (1) 69,688 - Pembangunan masa depan
(2) 42,210 - Dirancangkan
(3) 20,454 - Dalam peringkat pembangunan
(4) 36,313 - Operational

Matlamat 1983




- (1) 46,530 - Pembangunan masa depan
(2) 31,533 - Dirancangkan
(3) 44,809 - Dalam peringkat pembangunan
(4) 45,713 - Operational

Sebenar 1983 (Suku Tahun I)



- (1) 69,987 - Pembangunan masa depan
(2) 15,938 - Dirancangkan
(3) 56,242 - Dalam peringkat pembangunan
(4) 26,498 - Operational

Matlamat 1985



- (1) 22,895 - Pembangunan masa depan
(2) 20,220 - Dirancangkan
(3) 69,637 - Dalam peringkat pembangunan
(4) 55,933 - Operational

Jadual 3.5

Kegunaan Tanah

Kegunaan Tanah	Jumlah Kecil (Hektar)	Jumlah Besar (Hektar)
A. PERTANIAN		
Tanah pertanian yang telah dilupuskan:		
- Kawasan yang mengeluarkan hasil	26,490	
- Kawasan yang belum mengeluarkan hasil	11,527	
- Kawasan yang belum ditanam	46,920	
Jumlah kawasan yang telah dipindah milik:		87.945
Tanah pertanian yang belum dilupuskan:		
- Kawasan yang menunggu kelulusan kerajaan	13,211	
- Kawasan yang sedang diukur	Tiada	
- Kawasan simpanan untuk pertanian	67,509	
Jumlah kawasan yang belum dilupuskan:		80,720
B. PERHUTANAN		
- Kawasan yang ditanam pengeluaran hasil hutan	513,905	
- Kawasan hutan simpan kekal	147,245	
Jumlah kawasan perhutanan:		661,150
C. PERLOMBONGAN		
Jumlah kawasan untuk perlombongan		Tiada
D. KAWASAN PENEMPATAN PENDUDUK		
- Kawasan penempatan yang sedia ada	2,020	
- Bandar Baru/Penempatan	24,240	
- Kawasan rekreasi/pelancongan	101,066	
Jumlah kawasan penempatan		127,326
E. LAIN-LAIN KEGUNAAN		
- Tasek, sungai		
- Kawasan simpanan untuk kegunaan lain	214,653	
Jumlah kawasan untuk lain-lain kegunaan		214,653
F. Luas kawasan tambahan KESEDAR (belum dipecahkan kepada status kegunaan)		
	58,762	
JUMLAH KAWASAN KESEDAR		1,230,737

tetap. Walaupun begitu kawasan penempatan ini belum merupakan penempatan tetap kerana ada ura-ura ianya akan dipindahkan ke tempat yang lebih baik dari semua aspek. Apa yang dimaksudkan dengan proses pemeringkatan ke rumah tetap para peneroka ini mesti mempunyai beberapa syarat iaitu membawa masuk keluarga dan mestilah bermastautin di situ. Pada mula-mula mereka datang mereka ditempatkan dikongsi-kongsi sahaja (iaitu berupa rumah panjang yang hanya mempunyai ruang tamu dan ruang dapur sahaja). Nama-nama kongsi ini adalah mengikut nama pohon kayu seperti merbau, meranti, keruin, keledang, cengal dan tualang (seperti yang ditunjukkan dalam Peta Lakar 4). Sebelum rumah tetap siap dibina walaupun para peneroka membawa masuk keluarga tetapi masih ditempatkan di kongsi-kongsi yang dipecahkan pada kongsi kelamin dan kongsi bujang (seperti yang ditunjukkan dalam Peta Lakar 5).

Apa yang dimaksudkan dengan kongsi bujang bukanlah disebabkan penghuninya belum berkeluarga tetapi para peneroka yang belum membawa masuk keluarga mereka. Kalau kita lihat penempatan perkampungan sekarang adalah berbentuk berpusat tetapi penempatan semasa dikongsi adalah berbentuk berjajar iaitu mengikut jalan-jalan balak dan berdekatan dengan punca air.

4. Latarbelakang Masyarakat Yang Dikaji

(a) Kawasan Asal Peneroka


Data-data tentang kawasan asal peneroka ini pengkaji mendapatkannya dari rekod yang ada di pejabat am Paloh 1. Kawasan

PETA LAKAR 4

U

KEDUDUKAN KONGSI-KONGSI

1 in. = 40 Rant



PETUNJUK


- LEBUHRAYA KUALA KRAI - GUA MUSANG.
- JALAN BALAK.
- KONGSI-KONGSI.

PETA LAKAR 5

U

KEDUDUKAN KONGSI KELAMIN DAN KONGSI BUJANG

1 in. = 40 ran



JALAN BALAK LAMA YANG DIGUNAKAN KE PALOH 2 DAN 3.



LEBUHRAYA KUALA KRAI - GUA MUSANG.



KONGSI KELAMIN.



KONGSI BUJANG.

asal peneroka ini dapat dilihat dari borang permohonan yang mesti diisi dan dari kad-kad sulit para peneroka yang berhubung dengan latarbelakang mereka sebagai panduan dan rujukan jikalau terdapat apa-apa kesulitan dan kemalangan. Kawasan asal mereka seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.6 di bawah.

Jadual 3.6

Kedudukan Kawasan Asal
Peneroka

Bil.	Kawasan	Bilangan
1	Ulu Kelantan	94
2	Tanah Merah	24
3	Pasir Putih	93
4	Nilam Puri	36
5	Machang	53
6	Pasir Mas	6
7	Rantau Panjang	7
8	Bachok	25
9	Tumpat	3
JUMLAH		341

Di dalam daerah yang dinyatakan di atas antara kawasan-kawasan asal mereka ialah Olak Jeram, Ulu Temiang, Sg. Peria, Sg. Sok, Sg. Rek, Laloh, Benang Nyior, Kg. Bt. Awang, Kg. Mengketu, Kg. Alor Pasir, Pulau Chondong, Melor, Kg. Manjor, Labok, Kg. Bt. Tok Che Dol, Ketereh, Lepan Kabu, Pangkal Kalong, Bt. Jawa, Kg. Wakaf, Kg. Bahir Belikong,

Kg. Batu Sebutir, Selising, Kg. Nara, Gaal, Kg. Panggong, Limbat, Semerak, Kg. Surau, Bt. Abal, Salor, Kemuming, Beta, Jelawat, Alor Pulai, Rusa Repek, Peringat, Ayer Lanas, Perupok dan Kg. Bunuhan.

Apabila kita teliti tempat asal mereka kebanyakannya peneroka ini datang dari kawasan Ulu Kelantan dan Pasir Puteh. Ini dapat kita rumuskan bahawa kawasan ini merupakan kawasan yang tidak mempunyai satu pekerjaan utama yang dapat menampung sara hidup seseorang. Ini disebabkan kebanyakannya kawasan ini pekerjaan utama mereka ialah bersawah dan menoreh getah. Jadi disebabkan penghasilan dari kegiatan-kegiatan ini tidak seberapa maka mereka mencuba nasih ke arah tanah rancangan pula. Faktor kedua yang boleh kita buat rumusan ialah jenis pekerjaan begini adalah sesuai bagi kerja di tanah rancangan nanti (walaupun tidak sama 100%). Pada anggapan mereka tidak menimbulkan apa-apa masalah kelak. Ini berbeza dengan jenis pekerjaan yang dilakukan di kawasan Kota Bharu misalnya dan inilah sebab utama bilangan pemohon adalah sedikit dari kawasan ini.

(b) Umur Peneroka dan Status Perkahwinan

Apabila kita melihat Jadual 3.7 mengenai umur peneroka jumlahnya hanyalah 183 orang sahaja walaupun jumlah sebenar ialah 341 orang. Di antara sebab-sebabnya ialah kebanyakannya borang permohonan tidak diisi dengan sepenuhnya hanya sebahagian saja. Oleh itu susah untuk mendapatkan maklumat lengkap tentang latarbelakang peneroka. Implikasi ini memberi kesan pada pegawai yang hendak memenuhi rekod sulit mereka di mana pegawai tersebut (Pegawai Pembangunan Peneroka)

terpaksa pergi dari satu rumah ke satu rumah bagi memenuhi rekod sulit tersebut.

Jadual 3.7

Kedudukan Umur Peneroka

Umur	Bilangan	Peratus (%)
20 - 25 Tahun	13 Orang	7.3
26 - 29 Tahun	25 Orang	14.5
30 - 35 Tahun	67 Orang	37.5
36 - 39 Tahun	32 Orang	16.7
40 - 45 Tahun	31 Orang	16.0
46 Tahun Keatas	15 Orang	8.0
JUMLAH	183 Orang	100 %

Apabila kita teliti Jadual 3.7 di atas kita lihat 37.5% dari lingkungan umur 30an adalah yang teramai berbanding dengan umur dalam lingkungan 40an dan 20an. Walaupun begitu masih terdapat peneroka yang berumur 46 tahun keatas walaupun syarat permohonan adalah antara lingkungan umur 18 - 45 tahun yang membolehkan mereka memohon (ini tidak ditinjau dengan bilangan yang tidak direkodkan). Ini mungkin disebabkan mereka layak diterima memandangkan syarat-syarat lain dapat dipenuhi (tentang syarat-syarat akan diterangkan dalam topik cara permohonan).

Jadual 3.7 hanyalah tentang umur peneroka lelaki di mana terdapat juga peneroka wanita tetapi ianya dimasukkan di bawah kategori isteri peneroka bukan peneroka walaupun mendapat upah kerja.

Tentang status perkahwinan pula boleh dikatakan sebahagian besar daripada para peneroka adalah terdiri daripada golongan yang sudah berumahtangga. Anggaran peratus yang dapat dibuat adalah 99%. Namun demikian para peneroka yang sudah berumahtangga pada peringkat awalnya tidak akan membawa anak isteri mereka ke kawasan tanah rancangan.

Bagi golongan yang masih bujang terdapat 1% daripada peneroka. Mereka diambil adalah sebagai memenuhi syarat yang lain selain daripada taraf perkahwinan dan faktor kekurangan tenaga kerja menyebabkan mereka turut diambil.

Jadual 3.8

Kedudukan Bilangan Anak-Anak

Bilangan Anak	Jumlah	Peratus (%)
1	2	3.1
2	12	18.5
3	6	9.5
4	11	17.9
5	9	13.7
6	11	17.9
7	8	13.2
8	1	1.6
9	1	1.6
10	0	0
10 keatas	0	0
Tiada Anak	5	7.6
JUMLAH	65	100

Sumber: Katalog KESEDAR

Jadual 3.8 hanya melibatkan 65 orang peneroka walaupun jumlah sebenar 341 orang. Ini disebabkan ada sebahagian peneroka tidak membawa masuk anak-anak mereka lagi, walaupun pada pejabat am telah merekodkan bilangan anak seramai 378 orang. Keadaan yang sama berlaku pada bilangan yang bersekolah. Oleh itu kadang-kadang susah untuk memberi satu gambaran yang jelas tentang sebarang kejadian di TKT. Terutama apabila kita meninjau Jadual 3.9 bilangan anak sudah 101 orang yang dibawa masuk pada Mac 1982. Perkara ini berlaku kerana ada di antara keluarga peneroka ini pulang semua ke kampung asal mereka atas sebab-sebab/masalah-masalah tertentu.

(c) Latarbelakang Pekerjaan Asal

Segala data mengenai latarbelakang pekerjaan asal telah diambil dalam borang permohonan dan kad sulit peneroka. Jenis pekerjaan asal mereka itu bukan sahaja dilakukan oleh peneroka tetapi dilakukan oleh isteri mereka. Di antara pekerjaan asal mereka seperti menebang, menebas, menoreh getah, memasak, buruh ladang, menanam padi, tukang rumah, berniaga, menjahit, pendandan rambut, pertukangan, baiki radio, melening, pecah blok dan mengisi 'polybag'.

Apabila diteliti tentang jenis pekerjaan ini kita dapat kategorikan pada 2 bahagian iaitu jenis pekerjaan berat dan ringan. Implikasi pekerjaan asal ini kita boleh buat nilaiannya kenapa peneroka ini berhijrah ke RKT. Bagi pemohon yang kerja asalnya seperti bersawah dan penoreh getah, pekerjaan di RKT amat sesuai bagi mereka. Walaupun kita lihat di setengah RKT terdapat perladangan getah tetapi masa depan

Jadual 3.9

Kedudukan Peneroka dan Keluarga Mereka di Lapan RKT
KESEDAR Sehingga 15hb. Mac 1982

Bil.	RKT	Peneroka	Isteri	Anak	Catitan
1	Renok Baru	447	63	73	45 Orang Bersekolah
2	Sungai Asap	442	64	110	
3	Jeram Tekoh	469	145	402	153 Orang Bersekolah
4	Paloh 1	341	51	101	82 Orang Bersekolah
5	Paloh 11	356	72	114	
6	Paloh 111	502	180	205	68 Orang Bersekolah
7	Lebir 1	181	22	55	
8	Chalil	81	--	--	
JUMLAH		2,819	597	1,060	348 Orang Bersekolah

Sumber: Katalog KESEDAR

mereka adalah berlainan dari mereka menjadi penoreh getah di kampung.

Pada kategori pekerjaan kedua pula kita lihat semua pekerjaan tadi tidak memberi penghasilan yang lumayan dan kebanyakan pekerjaan pula adalah jenis sambilan bukan sepenuh masa. Oleh itu upah yang diperolehi juga adalah hanya semasa ada kerja kalau tidak mereka akan menganggu tanpa sebarang wang masuk. Terdapat juga pekerjaan asal peneroka seperti pecah blok dan isi 'polybag' yang merupakan pekerjaan sama terdapatnya di RKT tetapi masa depan mereka tidak sama sekiranya tetap di ladang tempat pekerjaan lama dulu, contohnya pekerja-pekerja di ladang Lepan Kabu (Pahi) walaupun mendapat pendapatan yang lumayan (hampir \$900.00 sebulan) tetapi mereka masih memohon sebagai peneroka disebabkan ladang tersebut tidak akan menjadi milik mereka di akhir nanti tidak seperti ladang di RKT.

(d) Latarbelakang Pendidikan

Dalam topik ini pengkaji tidak memperolehi data yang jelas disebabkan dalam borang permohonan tidak dinyatakan hal ini. Di dalam borang permohonan hanya ditanya peringkat pendidikan yang dicapai tidak begitu lanjut seperti jenis aliran, jenis bahasa pengantar, sebab tak bersekolah, sebab cicir dan sebagainya. Hanya melalui borang soalselidik, pengkaji mendapat gambaran yang agak kabur kerana mereka enggan membincangkan hal ini. Melalui borang soalselidik terdapat 90% yang berpendidikan setakat sekolah rendah sahaja, itupun bukan sampai darjah 6 hanya setakat darjah 3 sahaja. Terdapat juga yang tidak bersekolah langsung dan tidak tahu menulis atau membaca.

Mereka mengatakan sebab ibubapa mereka tidak begitu mementingkan soal-soal pelajaran.

Ini di sebaliknya berlaku pada isteri-isteri mereka iaitu pendidikan mereka lebih tinggi daripada suami mereka hingga ada yang sampai ke taraf tingkatan 5 dan pernah menduduki peperiksaan SPM. Tetapi disebabkan faktor kewangan mereka tidak meneruskan persekolahan mereka.

5. Kemasukan Ke Kawasan Yang Diterokai

(a) Cara Permohonan

Disebabkan RKT KESEDAR adalah salah satu projek kerajaan terutama demi kepentingan politik di samping kepentingan kesejahteraan rakyat, maka cara permohonannya mestilah apa yang diperlukan oleh pihak kerajaan bagi menyenangkan proses perancangan serta perlaksanaan kelak. Ini disebabkan kawasan-kawasan RKT adalah merupakan kawasan yang begitu strategik iaitu di bawah kawasan keselamatan. Jadi jika terdapat para pemohon yang tidak bersetuju dengan rancangan-rancangan kerajaan maka mereka akan menggunakan kesempatan ini menghubungi anasir-anasir yang boleh mengancam keselamatan negara.

Cara permohonan menjadi peneroka di RKT ini dengan mengisi borang yang diedarkan di tiap-tiap cawangan UMNO oleh ketua-ketua cawangan. Apabila sudah diisi akan dikembalikan semula ke pejabat pusat. Borang itu akan disemak oleh pihak pentadbir. Pemohon yang memenuhi syarat-syarat iaitu:

- (i) Umur 18 - 45 tahun
- (ii) Sihat tubuh badan (boleh bekerja)
- (iii) Penyokong kerajaan

Kemudian mereka akan dipanggil untuk ditemuduga. Apabila berjaya maka mereka akan dihantar masuk ke RKT.

Selain dari syarat-syarat di atas mereka juga mestilah merupakan seorang yang benar-benar memerlukan tanah. Terdapat 2 perbezaan utama antara 'orang yang perlu tanah' dengan 'orang yang berkehendakkan tanah' (Pandangan dari Pengurus Paloh 1). Menurut beliau kalau seseorang itu betul-betul perlukan tanah mereka akan mengerjakannya bersungguh-sungguh dan sanggup menghadapi sebarang kesusahan serta akan tinggal di RKT sehingga memperolehi hasil dari ladang. Manakala bagi mereka yang berkehendakkan tanah adalah terdiri dari orang-orang yang sudah mempunyai tanah tetapi ingin menambahkan jumlah tanah (dirujuk dari soalselidik berhubung dengan harta benda yang dimiliki) yang dimiliki dari tanah percuma yang diberikan oleh kerajaan. Hasilnya apabila mereka rasa tidak sesuai dengan pekerjaan sebagai peneroka mereka akan meninggalkan RKT begitu saja.

(b) Bentuk Kemasukan

Pemohon yang berjaya dalam temuduga dan layak sebagaimana yang dikehendaki mereka akan dihantar masuk ke RKT. Pada mulanya mereka akan masuk seorang diri tanpa membawa keluarga disebabkan tidak ada penempatan tetap dan kemudahan asas. Di sana mereka akan disediakan dengan kemudahan memasak, bekalan makanan dan lain-lain yang diperlukan

(terpaksa bayar balik apabila memperolehi upah kerja). Jadi perkhidmatan awal disediakan oleh pihak KESEDAR.

Pembukaan tanah di RKT ini menggunakan sistem ala Kelantan. Sistem ini digunakan memandangkan latarbelakang rakyat Kelantan iaitu suka mengembara dan bekerja kuat. Oleh itu dirasakan amat sesuai dengan diri mereka. Apa yang dimaksudkan dengan sistem ala Kelantan ini bolehlah kira buat perbandingan dengan rancangan FELDA. Semua proses awalan dilakukan oleh pihak FELDA terlebih dahulu dengan memberi kontrak pada pemborong-pemborong luar. Para peneroka akan masuk ke RKT hanya apabila proses-proses pembersihan, penanaman dan penempatan disiapkan, jadi tugas peneroka FELDA hanya menjaga tanaman dan ladang sahaja.

Sistem ala Kelantan sebaliknya di mana semua proses dilakukan oleh peneroka sendiri. Mula-mula mereka camkan kawasan (dilakukan oleh pegawai KESEDAR) kemudian kerja-kerja menebas, menebang dilakukan. Peneroka-peneroka ditempatkan di kongsi-kongsi terlebih dahulu. Pembinaan kongsi ini mengikut tempat kerja, terdapat sumber air dan senang dihubungi. Maka kita lihat kongsi itu bertaburan antara satu sama lain.

Apabila keadaan agak stabil maka dibenarkan membawa masuk keluarga tetapi terpaksa melalui beberapa proses terlebih dahulu. Walaupun keluarga digalakkan masuk tetapi masih ramai anak-anak yang tidak dibawa masuk kerana masalah persekolahan dan kemudahan asas. Di RKT ini hanya ada sekolah rendah sahaja. Jadi anak-anak yang

bersekolah menengah akan dihantar ke asrama sekolah-sekolah yang terdapat di Kuala Krai atau Gua Musang.

Mengikut pegawai KESEDAR, kebaikan mengikut sistem ala Kelantan ini ialah perasaan sayangkan ladang yang mereka kerjakan yang begitu bersusah payah sekali iaitu dari hutan rimba menjadi sebuah kawasan yang lapang dan menanaminya dengan titik peluh sendiri. Jadi segala pahit getir itu akan membuatkan mereka sayang untuk meninggalkan ladang.

Rumah bermula pun pernah tanah dulur hanya dia kumpul sepetak sahaja yang seukur dia RRD juga menyediakan 20 orang di rumah. 10 orang tiap-tiap satu keluarga. Selain dari itu pegawai-pejawat KESEDAR juga turut membantu membangun bungar-bungar penarok. Mengikut salah seorang daripada mereka ketika itu mereka berperang menyusur sungai dan selalui jalan yang dikenali oleh lori-lori batik untuk mencari kawasan jutan risih. Sebelum mereka mendaraskan rumah, walaupun dibentur sebahagian pegawai-pejawat KESEDAR juga menggunakan zemam untuk disatukan kerja batu/tubong serta menetulkan batu dan sebagai gua yang berupa batu-batu yang dibuat daripada kayu. Seketulnya ini bukti-buktinya di dalam maklumat sementara KESEDAR Faloh L.

Pekerja-pekerja berasam pegawai-pejawat tadi sangat dihargai yang betul dicatat ketika kali pertama menjalani pekerjaan. Kebutuhan

BAB IV

ADAPTASI/PENYESUAIAN

1. Alam Sekitar Fizikal

(a) Sistem Pembukaan Tanah

Pengalaman tentang sistem pembukaan tanah ini pengkaji dapat maklumat dari 2 orang peneroka yang merupakan kumpulan pertama memasuki RKT dan mereka merupakan orang yang mengalami proses awal hingga sekarang. Jadi mereka dapat menceritakan apa yang terjadi dan membezakan dengan kawasan asal mereka.

Semasa bermulanya pembukaan tanah dulu hanya dua kumpulan peneroka saja yang masuk ke RKT yang mengandungi 20 orang di mana 10 orang tiap-tiap satu kumpulan. Selain dari itu pegawai-pegawai KESEDAR juga turut sama untuk memerhati tugas-tugas peneroka. Mengikut salah seorang daripada mereka ketika itu mereka terpaksa menyeberangi sungai dan melalui jalan yang digunakan oleh lori-lori balak untuk memasuki kawasan hutan rimba. Sebelum mereka diarahkan masuk sudah dihantar sekumpulan pegawai-pegawai KESEDAR bagi mengecamkan kawasan untuk dimulakan kerja tebas/tebang serta meletakkan batu asas sebagai pusat yang berupa kotak tiga persegi yang dibuat daripada kayu. Sekarang ini terletak di depan pejabat sementara KESEDAR Paloh 1.

Peneroka-peneroka bersama pegawai-pegawai tadi sampai di tempat yang telah dicamkan ketika hari sudah menjelang malam. Kebetulan

pada masa itu hujan lebat disertai ribut. Mengikut mereka walaupun keadaan begitu mencabar, tetapi mereka tetap meneruskan usaha-usaha mereka dengan terpaksa tidur dalam khemah saja, masak sendiri, tidak ada kemudahan asas bermacam-macam kesulitan lagi, tetapi disebabkan sudah memikirkan bahawa kesejahteraan hidup akan dicapai di masa hadapan maka walaupun terpaksa menghadapi berbagai cabaran hidup di hutan seperti binatang buas sekalipun mereka sanggup menghadapinya. Semuanya ini adalah demi kepentingan dan kesejahteraan hidup yang boleh mencerahkan masa depan mereka dan keluarga mereka masing-masing. Mereka sedar pengorbanan adalah penting dalam hal ini.

Jadi apabila ditanya tentang penyesuaian ini kadang-kadang pengkaji sendiri susah untuk membuat rumusan dari jawapan mereka. Ini disebabkan mereka hanya menjawab 'memanglah kita terpaksa hadapi kesusahan dulu demi memperolehi kesenangan di masa hadapan.' Mereka meneruskan lagi, 'tentulah kalau nakkan kesenangan terpaksa hadapi kesusahan dulu, hanya orang-orang yang begitu bernasib baik saja akan memperolehi kesenangan tanpa menghadapi kesusahan.' Oleh itu susah untuk mengatakan samada mereka boleh menyesuaikan diri atau tidak dengan sistem pembukaan tanah yang mereka alami.

(b) Tanah Tanih

Tentang penyesuaian terhadap tanah tanih adalah agak berbeza dengan penyesuaian terhadap sistem pembawaan tanah. Ini disebabkan masalah tentang tanah tanih memberi implikasi kepada masalah-masalah lain pula tetapi seperti tadi dan sikap orang Kelantan sendiri bagi

mereka itu tidak menjadi apa-apa masalah bagi mereka di mana mereka dapat menyesuaikannya walaupun sungutan-sungutan kecil masih terdengar. Mengikut mereka itu sudah takdir Allah di mana setiap apa yang tak elok itu ada nikmat di sebaliknya. Jadi dengan penjelasan ini susah bagi pengkaji untuk mengatakan samada mereka itu boleh menyesuaikan diri atau tidak.

Mengikut pandangan yang dibuat sendiri oleh pengkaji dengan keadaan tanah tanah begitu ianya tidak dapat penyesuaian 100%. Pandangan ini pengkaji rumuskan apabila meninjau tentang perbezaan tanah tanah antara RKT dengan kawasan asal mereka. Perkara tentang tanah tanah ini sudah dihuraikan dalam bab mukabumi. Manakala kawasan Tanah Merah mempunyai tanah beralun, Pasir Puteh tanah datar, kawasan Kota Bharu berlembab dan kawasan Bachok pula berpasir.

Apabila keadaan tanah berbeza maka perbezaan juga berlaku pada tapak perladangan, penempatan, iklim atau akticiti-aktiviti lain seperti kemudahan infrastruktur. Apa yang dimaksudkan di sini ialah misalnya di kawasan mereka dulu pekerjaan utama ialah sebagai penoreh getah walaupun begitu perbezaan tentang tanah tanahnya adalah jauh berbeza, mungkin ketinggiannya tidak melebihi 1,000 kaki dari arus laut tetapi kalau di RKT ketinggiannya melebihi itu maka sudah tentu mereka tidak biasa dengan keadaan baru itu. Penyesuaian yang mereka amalkan itu kerana sudah menjadi tanggungjawab mereka.

Keadaan tanah tanah di RKT juga memberi kesan kepada punca bekalan air seperti kepada peneroka yang tinggal di puncak bukit

terpaksa menuruni bukit untuk mendapatkan bekalan air. Di samping itu disebabkan tanah tanih berbukit dan tidak terap air maka susah baginya untuk menyimpan air apabila hujan turun.

Jadi untuk mengatakan samada mereka itu boleh menyesuaikan diri atau tidak, tidak dapat dijawab dengan jujur oleh mereka. Bagi mereka apa juar halangan yang datang terpaksa mereka hadapi kerana tidak ada jalan lain bagi mereka untuk membentuk atau menentukan masa depan mereka kecuali dengan mengerjakan ladang itu bersungguh-sungguh tanpa memikirkan sebarang kesulitan yang dihadapi. Walaupun begitu kalau dilihat sekarang masalah tanah tanih agak baik sedikit kalau dibandingkan semasa ia mula-mula dibuka dulu (bukanlah bermaksud telah bertukar menjadi tanah tembah misalnya) tetapi dari segi ketinggian dan kelembapan ini hasil dari penyerapan air untuk menyiram anak-anak sawit.

(c) Penyesuaian Iklim

Pengaruh perubahan iklim terhadap alam sekitar adalah akibat daripada proses kegiatan program pembangunan tanah dan penempatan itu sendiri di mana proses-proses yang dijalankan melibatkan tebas/tebang, membakar, memerun, mengumpul dan membakar semula, membina jalan pertanian dan memperbaiki jalan balak, membina teres dan menyediakan tapak perkampungan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan memberi kesan yang begitu ketara kepada alam sekitar. Pemukaan bumi didedahkan kepada agen-agen hakisan dan gondolan pada pemukaan tanah atau 'top soil erosion.' Proses hakisan ini menyebabkan terdapat pemendapan kepada

alam sekitar. Perkara di atas cuba dirumuskan oleh pengkaji untuk menunjukkan kesan terhadap iklim tadi yang ada hubungan dengan kemarau, hujan dan banjir kilat yang dialami oleh peneroka-peneroka.

Proses-proses di atas tidak wujud di kawasan asal mereka di mana tidak ada kegiatan menebang pokok secara besar-besaran, tebang, perun dan sebagainya. Kawasan mereka dipenuhi dengan pokok-pokok hijau yang boleh melembabkan keadaan sekitar dan juga boleh menyegarkan iklim. Berbanding dengan tempat asal peneroka, RKT Paloh 1 sentiasa mengalami banjir kilat apabila hujan turun.

Dan di musim kemarau, oleh kerana kawasan tanah rancangan yang baru dibuka itu adalah tanah lapang maka, sudah pasti pancaran cahaya matahari akan menyebabkan kawasan ini adalah terlalu panas. Keadaan ini mungkin akan berkurangan apabila pokok-pokok yang ditanam di sekitar halaman rumah membesar.

Selain daripada itu apa yang paling ditakuti oleh penduduk adalah hujan ribut yang mana tindakan angin kencang kadangkala menyebabkan bumbung rumah akan dilarikan angin kencang tadi.

Walaupun begitu apabila ditanya oleh pengkaji perkara-perkara begini sudah dapat mereka sesuaikan kerana sudah menjadi kelaziman bagi mereka sejak tinggal di RKT.

(d) Penempatan

Kesan daripada iklim sebenarnya memberi kesan pada penempatan.

Sistem pembukaan tanah juga boleh dihubungkan, jadi tidak banyak yang dapat dibincangkan. Terutama jawapan yang sama dengan penyesuaian iklim dan tanah tanah akan diberikan oleh peneroka juga oleh isteri mereka. Contohnya kalau ditanya samada mereka sesuai dengan keadaan penempatan sekarang. Mereka berpendapat bahawa kalau hendak dibandingkan dengan penempatan di kampung memanglah tak berpuas hati tetapi ini lebih baik dengan keadaan mereka ketika di kongsi-kongsi dulu. Masalah-masalah yang wujud ialah cuaca panas tanpa sebarang tanaman, bekalan air, bekalan letrik dan lain-lain lagi.

Tugas pegawai ialah untuk menjadikan kawasan penempatan tak ubah seperti sebuah kampung. Oleh itu pegawai pembangunan terpaksa menyediakan berbagai rancangan ke arah itu. Contohnya menjadikan penempatan seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran 2 berhubung dengan lokasi lot rumah/cadangan tanaman. Oleh itu untuk menjadikan seperti dalam lampiran itu mestilah ada lorong kaki, jalanraya, kawasan bercucuk tanam, kawasan ternakan, tandas dan lubang sampah.

Selain dari itu mereka juga menggalakkan semangat kejiranan, tolong menolong, bergotong royong dan sebagainya. Semasa tempoh pengkaji membuat kajian, pegawai pembangunan sosial telah mengadakan projek anak angkat dan kebersihan rumah dan halaman. Projek anak angkat adalah terdiri dari pegawai-pegawai KESEDAR (bukan pegawai Paloh 1) untuk meninjau masalah yang dihadapi, memberi khidmat nasihat yang meliputi semua aspek kerana ada setengah masalah mereka takut menyuarakan dalam perjumpaan ramai.

Manakala projek kebersihan pula ialah untuk menjadikan rumah mereka sebagai tempat yang selesa dan menyenangkan untuk di-duduki terutama apabila penat pulang dari ladang. Istilah bersih itu adalah pada semua aspek seperti kebersihan dapur, bilik tidur, ruang tamu, halaman rumah, adanya tanaman, ternakan, lubang sampah dan tandas yang boleh digunakan. Tentang penyesuaian penempatan ini pengkaji lebih banyak bertanya pada para suri rumahtangga kerana mereka dapat menilai dengan lebih jitu lagi.

2. Ekonomi

(a) Sumber Makanan/Minuman

Aspek penyesuaian dari segi sumber makanan bagi mereka tidak ada apa-apa masalah. Selain ianya dibekalkan oleh pihak KESEDAR dengan cara berhutang ia juga dibeli sendiri oleh peneroka terutama apabila memperolehi upah kerja. Bahan makanan yang dibeli sendiri adalah merupakan tambahan kepada apa yang dibekalkan oleh pihak KESEDAR.

Mengikut seorang peneroka yang merupakan salah seorang di antara kumpulan pertama yang masuk ke RKT, bekalan makanan yang dibekalkan oleh pihak KESEDAR adalah semakin berkurangan jenisnya berbanding dengan sebelum ini terutama apabila peneroka ini sudah memperolehi upah kerja. Di mana sekarang hanya dibekalkan beras, gula dan minyak masak saja, tidak seperti pada awal-awal mereka masuk ke RKT bekalannya agak istimewa dan banyak jenis seperti beras, teh, bawang besar, budu, bawang merah, lada kering, garam, ikan bilis, ikan kering/masin, minyak masak, biskut tin, biskut kotak, sardin

ikan, sardin ayam, gula dan kopi tetapi sekarang hanya tinggal 3 jenis sahaja.

Kenapa sebenarnya terjadi begitu? Mengikut pegawai KESEDAR di bawah pengelolaan bekalan makanan, mereka berbuat begitu disebabkan memandangkan peneroka sudahpun mempunyai upah kerja sendiri. Jadi mungkin mereka ingin menukar-nukarkan bahan-bahan makanan mereka pula, tidak hanya terkongkong dengan apa yang dibekalkan. Cuma bahan-bahan asasi sahaja diutamanya atau masih dibekalkan yang menjadi bahan harian. Lagipun pihak KESEDAR tidak dapat menampung bekalan ini seterusnya kerana ini hanya akan meningkatkan hutang peneroka dengan KESEDAR.

Kepada golongan yang baru memasuki RKT mereka dibekalkan dengan beras, gula, minyak masak, ikan sardin, serbuk teh dan biskut iaitu untuk jangka masa satu bulan pertama. Potongan bayaran akan dibuat pada bulan berikutnya melalui bayaran upah kerja. Selepas daripada satu bulan peneroka-peneroka akan dibekalkan dengan 3 jenis bekalan sahaja. Pertimbangan khas bagi RKT yang jauh dari pusat bekalan dibekalkan dengan ikan sardin, serbuk teh, biskut dan 3 jenis bekalan utama. Daripada upah kerja yang didapati, kini para peneroka sudahpun dapat berbelanja sendiri dengan membeli daripada penjual-penjual bahan-bahan makanan dengan motosikal seperti ikan basah, sayur-sayuran, buah-buahan dan lain-lain, wujudnya kedai-kedai runcit di kawasan perkampungan. Kesan dari lebuhraya yang boleh digunakan sebelum ini susah untuk membawa barang-barang untuk diperniagakan.

Proses pemotongan upah kerja untuk bayaran bekalan makanan adalah semasa upah kerja dibayar. Makanan pula dibahagikan seminggu sekali mengikut kadar bilangan ahli keluarga atau mengikut jumlah upah kerja yang diperolehi. Sebenarnya pihak pentadbir RKT diarahkan memotong 30% dari upah kerja. Jadi mereka dapat menyesuaikan dengan keadaan ini dan mereka rasakan keadaan di kampung lebih teruk lagi. Bagi mereka bekalan seperti sardin ikan, sardin ayam dan biskut kotak jarang mereka rasai seperti di sini.

Mengenai bekalan air pula terdapat sedikit masalah dan setengahnya tidak menyesuaikan dengan keadaan ketiadaan air ini. Perkara ini adalah kesan dari alam sekitar di RKT seperti kurang tempat-tempat punca air, sering dilanda kemarau dan keadaan tanah tanih yang susah untuk menerbitkan mata air. Jadi sumber air hanya diperolehi dari sungai-sungai utama, anak-anak sungai dan telaga-telaga raya yang digali sendiri. Walaupun begitu akibat sering berlaku kemarau maka tempat-tempat punca air ini akan kekeringan.

Berhubung dengan telaga raya dalam perancangan iaitu pada bahagian penempatan mengkehendaki setiap rumah menggali sebuah telaga raya bagi kegunaan harian tetapi kadangkala apabila kemarau melanda maka pengharapan satu telaga untuk satu keluarga telah menjadi satu telaga untuk 15 keluarga kerana berlaku kekeringan. Jadi walaupun boleh sesuaikan atau tidak dengan keadaan ini mereka terpaksa sesuaikan.

(b) Sumber Pendapatan Awal

Berhubung dengan tajuk ini, kita tahu bahawa usia KESEDAR hanya baru masuk ke tahap 5 tahun. Jadi sebarang penghasilan dari tanaman tidak diperolehi lagi. Berhubung dengan penyesuaian terhadap sumber pendapatan awal ini bagi mereka adalah sama saja dengan penyesuaian pendapatan akan datang disebabkan pendapatan adalah bergantung kepada pekerjaan. Jadi pendapatan sekarang tentulah sedikit kalau nak dibandingkan apabila hasil tanaman boleh dijual nanti. Namun demikian mereka boleh menerima keadaan ini. Mereka tidak menyalahkan mana-mana pihak perkara ini terjadi kerana masing-masing berusaha supaya memperolehi pendapatan lebih dengan bekerja lebih atau dari pendapatan tambahan. Pendapatan awal ini adalah bergantung pada kerajinan seseorang.

Pada masa sekarang terdapat 2 bentuk pekerjaan iaitu yang wajib dikerjakan dan satu lagi untuk menambahkan lagi pendapatan. Bentuk pertama pekerja dibahagikan dengan kumpulan, satu kumpulan mengandungi 10 orang dengan seorang ketua. Ketua inilah yang mengendalikan ahli-ahlinya, upah kerja diberi melalui ketua ini, upah kerja ini dibahagi sama banyak dan tetap akan diterima. Jenis kerja ialah berupa kontrak di mana kumpulan itu diberikan kawasan yang hendak dikerjakan dan mesti siap dalam tempoh yang ditetapkan. Corak kedua ialah lebih dikenali dengan pekerjaan yang dilaku atas dasar kerajinan dan di sinilah yang membezakan pendapatan antara seorang yang rajin dengan yang tidak suka berusaha untuk menambahkan pendapatan.

Di antara pekerjaan yang pernah dilakukan ialah menebang, menebas, memerun, membakar, membaris, menanam, membaja dan lain-lain lagi. Perkara-perkara di atas disebut untuk melihat penyesuaian mereka dengan pekerjaan yang membawa kepada hasil pendapatan. Kalau ditinjau jenis-jenis pekerjaan tadi mereka dapat menyesuaikan diri tetapi syarat-syarat pekerjaan agak tidak boleh disesuaikan (seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran 3).

Semua ini penting kerana kita tahu semasa mereka di kampung dulu pekerjaan mereka tidaklah mempunyai apa-apa syarat, jadi mereka bebas mengerjakannya sesuka hati mereka kerana tidak diawasi atau terikat dengan sebarang syarat. Jadi samada ini dapat mereka sesuaikan atau tidak bergantung kepada penerimaan peneroka itu sendiri dan ini banyak berhubung dengan sikap mereka. Contoh ada setengah orang tidak boleh bekerja di bawah arahan orang lain dengan itu mereka tidak dapat menyesuaikan dengan keadaan ini.

(c) Sumber Sampingan/Tambahan

Apa yang dimaksudkan dengan penyesuaian terhadap sumber sampingan/tambahan ialah sumber-sumber lain selain yang diperolehi dari kerja ladang yang menjadi pekerjaan utama dan penghasilan utama. Sumber-sumber sampingan/tambahan ini seperti adakah mereka menanam sayur-sayuran, buah-buahan jangka pendek, membuat kerja-kerja tangan, mengambil upah menjahit dan lain-lain lagi. Sumber sampingan ini juga termasuk bantuan yang diperolehi dari kampung atau dari hasil harta benda seperti rumah sewa, ladang, bendang dan lain-lain yang ada di

kampung.

Sebelum kita meninjau tentang penyesuaian itu eloklah kita melihat kegiatan untuk menghasilkan tambahan pendapat dari sumber sampingan ini terutama bantuan yang diterima dari kampung. Perkara ini memang wujud terutama peneroka yang mempunyai tanggungan ramai khasnya anak-anak yang bersekolah tinggi. Oleh kerana di RKT hanya terdapat sebuah sekolah rendah sahaja yang disediakan maka bagi peneroka yang mempunyai anak di peringkat sekolah menengah terpaksa meninggalkan mereka di kampung asal dengan sanak saudara mereka. Dan ini sudah tentu memerlukan belanja bulanan yang agak tinggi. Oleh itu setengah peneroka terpaksa menampung dua bentuk perbelanjaan serentak. Dalam keadaan yang demikian, sudah pasti menimbulkan kesulitan wang kepada mereka. Lantaran ini bantuan daripada sanak saudara di kampung terpaksa dipinta terlebih dahulu sebelum mendapat hasil usaha mereka di tanah rancangan.

Mengenai wang masuk pula peneroka dan ahli keluarganya melakukan kegiatan seperti menanam sayur-sayuran, buah-buahan jangka pendek untuk menambahkan pendapatan. Selain dari itu mereka juga mengambil upah membuat kerja-kerja lain seperti menganyam tikar, membuat bakul, menjual bahan-bahan hutan, ubat-ubat tradisional dan sebagainya, itu adalah aktiviti tambahan semasa di kampung dahulu. Walaupun di RKT digalakkan berbuat begitu dan memang terdapat segelintir para peneroka dan ahli mereka berbuat demikian tetapi disebabkan faktor iklim, tanah tanah dan perhubungan serta pengangkutan maka ini

susah untuk dilakukan (masalah berhubung dengan perkara ini akan dihuraikan dalam bab masalah).

3. Sosial

(a) Hubungan Antara Keluarga Peneroka dan Masyarakat

Berhubung dengan perkara ini sebenarnya memang dalam hubungan antara keluarga walaupun tidak memasuki RKT mestilah ada penyesuaian dalam ahli keluarga untuk mengwujudkan keadaan harmoni dan aman damai.

Tambahan pula adat/sikap manusia apabila berdekatan maka selalulah ada selisih faham atau bertengkar tetapi apabila berjauhan maka kemesraan adalah agak rapat kelau dibandingkan semasa berada sekampung dulu. Umpamanya semasa tinggal sekampung dulu perkara tolong menolong antara satu sama lain atau perasaan ingin berkongsi kesusahan jarang berlaku kerana masing-masing memikirkan mereka boleh hidup dengan cara mereka sendiri kerana di tempat sendiri kerana masalah besar tidak dihadapi. Tetapi apabila mereka keluar sahaja dari kampung halaman mereka walaupun semasa di kampung dulu jarang bertegur sapa atau bertandang ke rumah tetapi ini berbeza kalau di tempat perantauan.

Perasaan ingin mengambil tahu kesulitan atau kesusahan keluarga terjelma dengan sendiri mereka rasakan sudah menjadi tanggung-jawab mereka bertanya khabar atau bantu membantu antara satu sama lain. Selain dari itu wujud perasaan kekeluargaan yang kuat berbanding dengan apa yang terjadi di kampung dulu. Ini bukan saja berlaku di antara sesama ahli keluarga dalam RKT itu sendiri tetapi hubungan bertambah erat dengan keluarga yang ada di kampung. Contohnya keluarga

di kampung sanggup memberi bantuan tenaga dan kewangan kepada keluarga mereka di perantauan seperti mengirim wang kalau mereka di dalam kesempitan, tolong jaga anak-anak yang ditinggalkan di kampung. Jadi hubungan mereka menjadi lebih erat lagi.

Penyesuaian tentang hubungan antara kumpulan masyarakat juga adalah sama seperti hubungan antara keluarga peneroka. Ini terjadi disebabkan mereka rasakan mereka itu sama-sama perantau dan mereka ini sama-sama menghadapi suka duka, pahit getir. Hubungan ini begitu erat terutama sesama kumpulan awalan yang masuk ke RKT dan menganggap antara mereka seperti keluarga sendiri. Di mana mereka menanggung suka duka bersama.

Penyesuaian ini dapat dilihat apabila kita mengunjungi penempatan mereka di waktu petang khasnya. Pada masa ini sikap kekeluargaan dan kejiraninan ditunjukkan. Di mana mereka selalu berbincang masalah-masalah serta meninjau latarbelakang masing-masing dengan lebih mendalam lagi bagi mengeratkan lagi hubungan di antara satu sama lain. Mereka akan sama-sama mengerjakan usaha sampingan mereka seperti menanam sayur-sayuran, menanam tebu dan sebagainya. Keeratan ini dapat dilihat apabila masing-masing sanggup pinjam meminjam barang-barang yang diperlukan yang mereka tidak ada. Kerjasama dan sikap tolong menolong juga dapat dilihat dari upacara-upacara yang dijalankan serta kesusahan yang dialami seperti kenduri kesyukuran, kenduri arwah, untuk jamuan berbuka puasa, sakit dan sebagainya. Mereka akan memberi pertolongan dalam apa bentuk sahaja seperti tenaga dan kewangan.

Contoh lain untuk melihat eratnya hubungan mereka ialah semasa berlakunya kemarau atau musim hujan. Bagi keluarga yang kehabisan bekalan air maka jiran yang mempunyai kelebihan akan membantunya. Kalau ada yang hendak pulang ke kampung kerana kecemasan maka mereka sanggup menjaga anak-anak yang ditinggalkan.) Di musim hujan atau ribut kalau ada rumah-rumah yang tempias atau bumbungnya dilarikan angin mereka dengan rela hati memberi tumpang walaupun keadaan rumah mereka sendiri sempit. Oleh itu mereka dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat di sini yang agak menyamai dengan apa yang wujud di kampung mereka.

Walaupun begitu terdapat juga segelintir yang tidak bertegur sapa. Sebenarnya ini adalah tabiat manusia bukan saja di tanah rancangan juga di lain-lain tempat, sifat hasad dengki tentu ada. Ini juga terjadi di RKT, sikap dengki bukanlah disebabkan si anu itu mempunyai kelebihan dari semua aspek (kerana di sini susah untuk membezakan kedudukan mereka baik dari segi harta benda atau kuasa) tetapi iri hati kalau si anu itu berbaik dengan orang yang mereka tidak berapa suka.

(b) Hubungan Dengan Pihak Majikan

Apabila ditinjau aspek sosial mengenai hubungan antara pekerja dengan majikan dalam aspek pekerjaan apa saja, mesti ada perasaan tidak puas hati antara satu sama lain samada di sebuah kilang, toko buku, pentadbiran dan sebagainya. Begitu juga yang terjadi di RKT tetapi ianya tidaklah begitu ketara kalau dibandingkan

dengan perasaan tidak puas hati yang berlaku di sebuah kilang di mana pekerja inginkan gaji yang tinggi dengan kemudahan serta cuti yang lama tetapi pihak majikan ini pula sedaya upaya cuba mengurangkan kos perbelanjaan dengan memberi gaji yang rendah, kerja penuh masa serta mengurangkan kemudahan. Di RKT keadaan ini berlaku tetapi ianya berlainan kerana ada hubungan dengan agensi kerajaan, di mana majikan swasta tidak sama dengan majikan kerajaan. Iaitu majikan swasta lebih mementingkan keuntungan tanpa menghiraukan kebijakan pekerja tetapi majikan kerajaan selain inginkan keuntungan tetapi menimbangkan kesejahteraan kerana tujuan mereka mengwujudkan RKT ini ialah untuk kesejahteraan dan masa depan rakyatnya sendiri.

Walaupun begitu disebabkan peneroka ini bekerja mengikut syarat-syarat/peraturan/peraturan yang ditetapkan oleh pihak KESEDAR dan mereka mesti mematuhi, mereka rasakan bahawa mereka bekerja untuk kepentingan majikan tersebut. Mereka tidak sedar bahawa segala-galanya itu akhirnya adalah menjadi hak untuk mereka. Mereka hanya perlu membayar balik kos pengurusan semasa projek ini dijalankan. Ini terjadi mungkin mereka tidak begitu biasa atau tidak pernah dengan adanya peraturan pekerjaan kerana mereka dulu bebas mengikut hati mereka. Jadi ketidak-suaian hanyalah disebabkan adanya peraturan itu aspek-aspek lain tidak timbul.

Menurut salah seorang peneroka yang pengkaji temubual dan membincangkan tentang hubungan dengan pihak majikan tersebut, khasnya dengan pegawai-pegawai. Dia mengatakan tidak ada apa-apa masalah,

di mana kebanyakan para pegawai menunjukkan sikap ingin membantu mereka dengan memberi nasihat secara jujur kalau mereka menghadapi apa-apa masalah. Tambahan pula kalau dibandingkan dengan RKT cawangan lain seperti Paloh 3 misalnya mengikut salah seorang peneroka di sini, hubungan peneroka dengan pegawai selalu ada salah faham sampai pada tahap tidak boleh dikawal lagi. Sifat benci membenci antara satu sama lain timbul. Ini terjadi disebabkan keadaan penempatan di Paloh 3 berbeza dengan Paloh 1. Di Paloh 1 penempatan sementara pegawai hanya beberapa batu dari kawasan perkampungan peneroka malah ada setengah dari pegawainya tinggal bersama di kawasan perkampungan. Lagipun kawasan perkampungan Paloh 1 tidak begitu berbeza dari segi kemudahan asas dengan penempatan peneroka hanya dari segi bekalan letrik, di penempatan pegawai menggunakan generator tetapi di perkampungan hanya menggunakan lampu gasolin, pelita, lilin dan lain-lain sumber api. Selain dari itu pegawai pembangunan sosial, pegawai pembangunan peneroka(lelaki dan wanita) mempunyai hubungan yang rapat dengan mereka.

Ini berbeza dengan Paloh 3, di mana penempatan perkampungan peneroka dengan penempatan pegawai adalah begitu jauh (peneroka jauh ke pedalaman). Jadi dari segi perhubungan, pengangkutan dan kemudahan-kemudahan asas yang lain adalah lebih pada pihak pegawai. Jadi ada sifat iri hati yang wujud dan inilah yang membuatkan hubungan mereka tidak begitu erat malah pernah berlaku pergaduhan di antara pegawai dengan peneroka. Kalau ini berlaku maka susahlah untuk menjalankan segala rancangan yang sama-sama berkepentingan.

Selain daripada para pegawai sering menjenguk mereka serta bertanya khabar dan memberi nasihat untuk mengeratkan perhubungan, mereka juga mengadakan sukan persahabatan dengan menyediakan piala khas dalam permainan sepak takraw, bolasepak dan bola tampar dan merupakan acara tahunan. Selain dari itu mereka mengwujudkan kumpulan dikir barat menggabungkan peneroka dengan pegawai. Oleh itu hubungan antara mereka tidak ada apa-apa masalah.

4. Hubungan Psikologi dan Spiritual

(a) Perasaan Diri Peneroka

Perbincangan mengenai perasaan diri peneroka sebenarnya boleh kita tinjau dari aspek mereka menyesuaikan diri dengan alam sekitar fizikal seperti sistem pembukaan tanah, penyesuaian dengan tanah tanih, penyesuaian dengan iklim dan penyesuaian dengan penempatan, sumber makanan/minuman, pendapatan, sumber sampingan serta penyesuaian melalui hubungan keluarga, masyarakat dan majikan.

Apabila kita mendengar tentang pengakuan mereka terhadap kesanggupan mereka menghadapi apa juu masalah dan rintangan menunjukkan bahawa perasaan psikologi dan spiritual mereka begitu kuat tertanam. Seperti apabila ditanya tentang masalah tanah tanih yang mempunyai perbezaan dengan tempat asal mereka, keadaan iklim yang sentiasa kemarau. Kalau hujan ribut taufan dan banjir kilat pula melanda. Jadi menunjukkan apa yang mereka alami sebelum ini adalah begitu mencabar terhadap kesabaran seseorang, di mana ada di antara mereka yang tidak tahan dengan kesulitan-kesulitan sebegini meninggalkan

tanah rancangan tanpa memikirkan hari cerah di depan tetapi hari gelap sekarang.

Walaupun begitu spiritual yang tertanam dalam perasaan diri peneroka yang ada di RKT sekarang begitu kuat sekali. Kadang-kadang mereka walaupun kesal kerana kemewahan yang mereka alami dulu tidak terasa sekarang contohnya pengkaji menemubual seorang peneroka dalam kumpulan awal dulu yang berasal dari Ladang Getah Lepan Kabu (Pahi), di mana ia menceritakan kalau mengingatkan zaman kemewahan di ladang dulu ingin rasanya pulang semula ke ladang tersebut. Gaji/pendapatan semasa berada di sana melebihi \$900.00 sebulan dengan rumah serta peralatan yang selesa tetapi mereka sebenarnya begitu nekad untuk tinggal di RKT walaupun menghadapi seribu rintangan kerana sudah nampak kecerahan masa depan mereka di sini kerana apa yang diperolehi dari ladang dulu bukanlah berkekalan.

Apa yang dimaksudkan di sini ialah ladang itu kelak akan diambil oleh pihak 'company'nya dan pendapatan \$900.00 sebulan sekalipun kalau tidak dijimatkan akan habis begitu sahaja. Alamat keadaan papa akan dihadapi tetapi berlainan dengan perancangan KESEDAR, di mana ladang ini akhirnya menjadi milik peneroka. Bayangkanlah kesenangan yang akan diperolehi oleh mereka kelak, seorang mahasiswa pun belum tentu akan memperolehi 10 ekar tanah yang membawa hasil kelapa sawit dengan segulung ijazah dan gaji yang diperolehi dalam tempoh yang sama saat menunggu hasil.

Keadaan ini juga sama dengan pekerjaan asal yang lain. Misalnya seorang yang mengerjakan sawah, sebenarnya hanya segelintir saja yang memiliki tanah sawah itu sendiri yang lain hanyalah mengerjakan secara pawah/kongsi atau dibayar upah. Jadi sawah itu sampai cucu cicit pun tak akan jadi miliknya. Keadaan ini juga sama pada si penoreh getah serta yang melakukan kerja-kerja sambilan. Dengan adanya faktor-faktor inilah yang menguatkan semangat spiritual mereka untuk terus tinggal dan sedaya upaya menyesuaikan diri dengan keadaan di tanah rancangan.

(b) Aspek Keugamaan dan Kemudahan-Kemudahan Asas Ibadat

Apabila ditinjau dari sudut upacara keugamaan yang dijalankan seperti maulud, kenduri arwah, nasfu-syaaban, israk miraj, untuk jamuan berbuka puasa dan upacara-upacara kesyukuran yang lain. Di sini termasuk juga ceramah-ceramah yang berhubung dengan hal-hal keugamaan dan etika dan menunjukkan bahawa hubungan psikologi dan spiritual mereka begitu kukuh sekali. Apa yang dimaksudkan ini ialah walaupun pendapatannya mereka boleh dikatakan tidak begitu mencukupi untuk menyara keluarga sendiri tetapi mereka masih berkorban demi menjayakan upacara keugamaan seperti itu. Sebahagian daripada perbelanjaan datang dari pihak KESEDAR yang diambil dalam tabung kebajikan. Sebenarnya semasa upah kerja dibayar beberapa peratus dari upah kerja tersebut dipotong bagi dimasukkan ke dalam tabung kebajikan dan kecemasan. Tabung kecemasan adalah untuk hal-hal apabila berlaku kemalangan, kebakaran dan kecederaan. Tabung kebajikan adalah untuk hal-hal kebajikan sahaja.

Kekuahan spiritual mereka ini pengkaji melihatnya sendiri pada bulan puasa semasa kajian ini dibuat, jadi pengkaji dapat merumuskan bahawa para peneroka dan ahli keluarganya begitu kukuh semangat mereka. Mereka sanggup mengadakan upacara jamuan setiap malam selepas sembahyang terawih demi untuk mengumpulkan ahli peneroka dan keluarga supaya sama-sama mengerjakan ibadat dan mendengar ceramah ugama demi untuk dijadikan panduan.

Contoh lain yang berhubung dengan sembahyang jumaat. Di surau tersebut tidak disahkan sembahyang jumaat mereka disebabkan penduduk di situ belum boleh dipanggil sebagai bermastautin kerana kebanyakan mereka tidak menjadikan penempatan itu sebagai kampung mereka tetapi hanya sebagai tempat bekerja saja berikutan mereka masih berulang-alik balik ke kampung terutama pegawai KESEDAR sendiri. Jadi dengan ini disebabkan semangat keugamaan kuat mereka sanggup pergi sembahyang jumaat di Mukim Laloh yang terletak kira-kira 30 batu dari perkampungan Paloh 1.

Bayangkan betapa susahnya mereka kerana di sini kita maklumi kekurangan pengangkutan menjadi masalah tetapi mereka sanggup menumpang lori yang terpaksa berpanas di bawah terik matahari. Setengahnya pula pergi dengan motosikal yang terpaksa menghadapi perjalanan dalam cuaca yang panas dan keadaan bertambah buruk lagi apabila hujan.

Kita tinjau pula dari segi kemudahan asas ibadat. Tentang sembahyang jumaat telah dihuraikan di atas dan merupakan masalah. Terdapat sebuah surau di perkampungan ini untuk digunakan sebagai

tempat sembahyang berjemaah. Selain dari itu ia digunakan juga untuk mengajar Al-Quran pada anak-anak peneroka 3 kali seminggu di sebelah petang. Gurunya adalah terdiri dari peneroka sendiri seramai 2 orang yang diberi sagu hati oleh pihak KESEDAR.

Surau juga digunakan untuk mengadakan upacara-upacara keugamaan, mesyuarat, kelas dewasa dan paling penting sekali ialah untuk kursus pengendalian jenazah. Kebetulan pengkaji sendiri dapat mengikuti kursus itu yang diadakan seminggu selepas hariraya puasa. Selain dari itu pembacaan yasin dan sembahyang hajat diadakan setiap malam jumaat. Jadi berhubung dengan aspek keugamaan dan kemudahan asas ibadat adalah sama seperti tempat asal mereka.

(c) Semangat Kekitaan dan Kedaerahan

Sebenarnya semangat kekitaan dan kedaerahan di kawasan RKT Paloh 1 ini tidak wujud. Kalau semangat ini masih tertanam dalam diri mereka maka susahlah bagi mereka untuk menjalankan hidup di tanah rancangan ini kerana kita tahu mereka ini saling perlu memerlui antara satu sama lain. Kalau tidak ada perasaan tolong menolong, bantu membantu antara mereka maka mereka itu akan mati bersendirian. Pengkaji mengatakan demikian kerana 90% dari aspek-aspek yang ada di RKT adalah berbeza dari kawasan asal. Seperti mereka ini menghadapi 1,001 macam masalah yang perlukan penyatuan antara satu sama lain baru boleh mengatasinya seperti masalah air, pengangkutan dan perkara-perkara yang berhubungan.

Selain dari itu mereka telah diberitahu oleh pegawai-pegawai KESEDAR terutama pengurus rancangan supaya meluputkan semangat kekitaan dan kedaerahan kerana kita tahu mereka ini bekerja dalam satu kumpulan yang mengandungi asal tempat, pekerjaan yang berbeza. Kalau semangat ini masih tertanam maka ianya bukan mendatangkan kebaikan tetapi kemusnahan kepada diri sendiri.

Jadi pihak pengurus cuba mengwujudkan satu formula yang ia harap dapat dijayakan dan kalau ini berjaya diwujudkan maka akan melahirkan sebuah masyarakat yang aman damai dan bersatu padu. Formula itu ialah mengwujudkan masyarakat M.A.M.A.T. yang bermaksud:

- i) MERDEKA iaitu mereka bebas dari ikatan di kampung dan menjadikan RKT sebagai kampung mereka.
- ii) AMAN iaitu tidak apa-apa hal-hal yang boleh mengganggu keselamatan kampung.
- iii) MAKMUR iaitu dapat melakukan segala kebaikan dengan bebas.
- iv) ADIL iaitu segala kemudahan dan kesenangan sama-sama diperolehi.
- v) TERHORMAT iaitu menjadikan diri mereka menjauhi dari sifat-sifat buruk.

Oleh itu dengan melihat sifat tolong menolong mereka semasa berlakunya kemarau dan di musim hujan telah mengikis kan semangat kekitaan dan kedaerahan itu dari hati mereka kerana tidak mementingkan diri sendiri.

BAB V

MASALAH

1. Ekonomi

(a) Sumber Pendapatan dan Hasil Pendapatan

Dalam tajuk tentang sumber pendapatan dan hasil pendapatan, hanya akan dibincangkan tentang sumber pendapatan utama para peneroka, tidak akan disentuh tentang pendapatan tambahan atau sumber sampingan kerana ini akan dihuraikan di bawah tajuk khas mengenainya. Dari penghuraian sebelum ini samada dalam Bab I (tentang latarbelakang KESEDAR), Bab III (latarbelakang kawasan kajian) telah dihuraikan bahawa tanaman utama ialah getah dan kelapa sawit. Hanya 2 jenis tanaman inilah yang menjadi tanaman untuk mereka iaitu berdasarkan pada perancangan pihak KESEDAR sendiri. Kita tahu bahawa tugas peneroka ini ialah mengerjakan tanaman itu dari masa pembersihan kawasan lagi hingga kepada penghasilan tanaman kelak dan inilah sahaja sumber pendapatan mereka dahulu, masa kini dan akan datang iaitu dari ladang getah atau kelapa sawit. Sumber pendapatan daripada usaha inilah yang akan menentukan masa depan mereka kelak.

Ditinjau akan masalah yang dihadapi oleh peneroka-peneroka didapati bahawa tidak begitu banyak masalah yang dihadapi dan jika adapun hanya kecil sahaja masalah peneroka yang terpaksa menguruskan ladang dengan sendiri dapat diselesaikan dengan bantuan para pegawai KESEDAR. Namun demikian ketidakcekapan dalam menguruskan ladang-ladang

ini memberi kesan kepada sumber pendapatan mereka.

Cuma apa yang menyenangkan pada peringkat awal pekerjaan adalah menebas. Ini adalah kerana ianya adalah satu pekerjaan biasa yang boleh dibuat tanpa pengalaman. Kerja menebas ini sebenarnya sumber pendapatan kerana ianya dibayar upah oleh pihak KESEDAR, begitu juga dengan kerja menebang, membakar, memerun, membuat jalan pertanian, membuat barisan pertanian dan membuat teres. Cuma yang menjadi masalah ialah tentang bahaya dari pekerjaan itu seperti kalau seseorang itu tidak biasa menebang mungkin akan mendatangkan bahaya kerana tidak tahu arah pokok akan tumbang. Begitu juga dengan pekerjaan menebas mereka akan menghadapi binatang-binatang liar kerana semasa itu kawasan yang dikerjakan ialah hutan tebal.

Pekerjaan membakar walaupun kalau kita perhatikan adalah senang tetapi ianya juga memerlukan pemerhatian dan penjagaan yang rapi terutama semasa musim kemarau dan berangin kencang untuk mengelakkan dari api merebak ke kawasan lain dan menyebabkan kebakaran yang tidak boleh dikawal. Kerja membuat teres pula, kita tahu keadaan bentuk mukabumi di RKT berbukit bukau, oleh itu adalah sukar untuk membuat teres terutama kepada yang tidak biasa, terpaksa memanjat di dataran-dataran yang tinggi. Jadi kebanyakan dari kerja-kerja ini walaupun kita lihat senang tetapi sebenarnya menanggung risiko yang tinggi.

Kesan dari masalah pekerjaan tadi akan membawa implikasi kepada hasil pendapatan mereka nanti. Kita ambil contoh kerja menebas dan menebang adalah berupa kerja ringan saja dan apabila kerja ini

selesai sebenarnya tidak mendatangkan hasil lagi pada pihak KESEDAR jadi upah kerja yang dibayar tentulah sedikit. Kesan dari ini bagi seorang peneroka yang mempunyai jumlah ahli keluarga yang ramai akan menghadapi masalah kekurangan pendapatan bagi menampung penghidupan mereka. Masalah lain pula seperti kalau berlaku musim ribut taufan tentunya kerja menebang tidak boleh dijalankan kerana untuk menghindarkan bencana.

Oleh itu peneroka terpaksa menganggur terlebih dahulu. Jadi ini akan memberi kesan kepada pendapatan mereka nanti. Begitu juga pekerjaan membakar akan tergendala jikalau datangnya musim hujan. Selain dari itu kerja-kerja seperti menebas, menebang, membakar, memerun, membuat jalan pertanian, membuat barisan pertanian dan membuat teres sebenarnya merupakan kerja yang boleh dibuat dalam kadar waktu yang singkat, jadi ini akan berlebihan pekerja tetapi kekurangan pekerjaan. Kesan dari ini akan menjadikan seseorang peneroka itu mendapat upah kerja yang sedikit dan inilah yang menimbulkan masalah tidak cukup hasil pendapatan bagi menampung diri dan keluarga.

Apabila kita melihat Jadual 5.1 iaitu sebuah bincian yang dibuat oleh pihak KESEDAR bagi seluruh RKTnya menunjukkan pendapatan \$170.00 ke bawah adalah berkurangan di antara selepas dengan sebelum peneroka itu masuk ke RKT. Manakala pendapatan \$171.00 - \$250.00 agak meningkat sedikit. Pendapatan \$251.00 - \$370.00 pula turun untuk beberapa peratus dan yang menjadi tanda tanya oleh pengkaji sendiri ialah pendapatan \$371.00 keatas dari 0% sebelum masuk ke RKT menjadi

15.2% selepas masuk ke RKT. Apakah keadaan ini memang wujud sebagaimana yang ditunjukkan dalam bincian tersebut kerana setahu pengkaji terdapat beberapa orang yang datang dari Ladang Getah Lepan Kabu yang telahpun memperolehi pendapatan \$500.00 keatas.

Jadual 5.1

Pendapatan Peneroka

Lingkungan Pendapatan Sebulan	Sebelum Masuk RKT (%)	Selepas Masuk RKT (%)
\$ 60.00 - \$100.00	3.1	0
\$101.00 - \$130.00	11.9	1.4
\$131.00 - \$170.00	19.3	13.5
\$171.00 - \$250.00	34.2	35.4
\$251.00 - \$370.00	31.5	24.5
\$371.00 - \$450.00	0	11.8
\$451.00 keatas	0	3.4
JUMLAH	100	100

Sumber: Pendapatan yang diterima sebelum ditolak hutang

Contoh lain ialah apabila pengkaji meneliti hasil pendapatan para peneroka sebelum ditolak potongan bayaran bekalan makanan tidak seorang pun yang mencapai ke angka pendapatan \$300.00 keatas. Tambahan pula apabila dipotong bayaran bekalan makanan sebanyak 30% maka jumlah pendapatan semakin berkurang.

Kenyataan dari bincian itu pula mengatakan jangkaan pendapatan purata seorang peneroka dari ladang getah setelah ditolak hutang ialah

\$607.33 untuk tempoh 25 tahun, jika harga getah \$2.45 sekilo. Manakala jangkaan pendapatan purata seorang peneroka dari ladang sawit ialah \$443.90 sebulan setelah ditolak bayaran hutang, jika harga minyak sawit \$630.00 setan dan minyak kernel \$350.00 setan.

Kenyataan itu memanglah betul kerana ini adalah spekulasi setelah ladang itu mengeluarkan hasilnya dan dilihat dari segi purata tetapi yang akan pengkaji bincangkan di sini pendapatan sekarang yang hanya dari menebang, menebas, membaja dan sebagainya. Pendapatan sekarang adalah jauh berbeza dari yang dijangkakan. Purata pendapatan hanyalah \$80.00 sahaja bukan \$443.90 (pengkaji ambil contoh dari ladang kelapa sawit kerana mereka mengusahakan tanaman tersebut).

Di sini pengkaji juga ingin membincangkan tentang potongan bayaran bekalan makanan. Sebenarnya mengikut arahan pihak pejabat pusat setiap para peneroka dikenakan potongan sebanyak 30% tetapi sebenarnya potongan ini tidak berjalan sebagaimana yang diarahkan. Ianya bergantung kepada sifat tolak ansur dan kemanusiaan pengurus tiap-tiap rancangan. Di mana ada setengah pengurus yang bersimpati terhadap peneroka terutama yang memperolehi upah kerja yang sedikit, mereka tidak sampai hati memotong sejumlah 30% kerana ini akan memberi kesan buruk kepada pendapatan sebenar mereka hingga untuk membelanjakan penghidupan harian pun tidak mencukupi apa lagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan lain. Perlu diingat bahawa potongan upah kerja bukan terhadap bekalan makanan saja tetapi mereka juga membayar saham koperasi, tabung kecemasan dan tabung kebajikan. Mungkin untuk kegiatan-kegiatan

lain pula seperti tabung kilat, UMNO dan sebagainya.

Jadi untuk melihat hasil pendapatan sebenar di Paloh 1 ialah seperti pada Jadual 5.2 yang menunjukkan pendapatan keluarga.

Jadual 5.2

Pendapatan Keluarga Peneroka

Sebulan (\$)	Suami (%)	Isteri (%)	Keluarga (%)
50 dan kurang	39.2	80.5	90
51 - 100	30.4	19.5	10
101 - 150	11.3	0	0
151 - 200	18.2	0	0
201 - 250	0.9	0	0
251 - 300	0	0	0
300 keatas	0	0	0

Sumber: Katalog KESEDAR

Jadual 5.2 menunjukkan bahawa peratus pendapatan yang diterima antara \$51.00 - \$150.00 adalah paling tinggi. Peratus kedua banyak adalah pendapatan \$50.00 dan kurang serta pendapatan \$151.00 - \$250.00. Manakala peratus paling kurang pula ialah pendapatan \$300.00 keatas. Manakala pendapatan isteri hanyalah \$100.00 kebawah kerana mereka ini bekerja sambilan sahaja dan kadang-kadang menggantikan tempat suami yang terpaksa balik ke kampung dalam tempoh yang agak lama. Sebenarnya pihak KESEDAR membenarkan peneroka membuat kerja di luar untuk sementara waktu (terutama kalau pekerjaan di RKT tidak ada) tetapi dengan syarat

ada pengganti sambilan.

(b) Pekerjaan Sampingan

Sebelum pengkaji menghuraikan tentang masalah dari segi pendapatan tambahan yang diterima oleh para peneroka dan ahli keluarganya melalui pekerjaan sampingan, eloklah pengkaji menghuraikan terlebih dahulu tentang sumber-sumber pendapatan tambahan yang dijalankan oleh mereka sekarang. Antara kegiatan ekonomi sampingan/tambahan yang dijalankan oleh mereka sekarang selain daripada kerja ladang yang menjadi sumber penghasilan utama ialah menjalankan perniagaan kedai runcit, membuat pertukangan kraftangan, mengambil upah membuat tandas, mengambil upah membuat rumah para peneroka dan kakitangan, menjalankan kegiatan pertanian seperti sayur-sayuran atau buah-buahan jangka pendek samada secara individu atau kelompok.

Kegiatan di bidang perniagaan itu mengusahakan kedai-kedai runcit. Di kawasan perkampungan terdapat sebuah kedai kopi juga sebagai kedai runcit, di mana ianya merupakan kedai paling terbesar di perkampungan itu. Di kedai ini menjual berbagai-bagai jenis minuman botol, kuih muih, sayur-sayuran, barang-barang kering, bahan-bahan dalam tin dan barang-barang keperluan harian. Manakala kedai runcit yang lain hanyalah berupa kecil-kecilan sahaja yang diusahakan di dalam rumah mereka sendiri yang menjual barang-barang keperluan makanan kanak-kanak dan barang-barang keperluan harian yang diusahakan oleh suri rumah tangga.

Pekerjaan pertukangan tangan pula, antara barang-barang yang diusahakan seperti membuat perkakas rumah umpamanya almari lauk, almari pakaian, almari buku, almari pinggan mangkuk, rak-rak barang-barang, bangku-bangku dan lain-lain lagi mengikut apa yang ditempah oleh pelanggan-pelanggan mereka. Kegiatan pertukangan yang lain seperti membuat poster-poster yang dibingkaikan samada dengan rotan atau kayu. Ianya memang menjadi langganan utama oleh para kakitangan. Ada juga para peneroka yang mempunyai kemahiran melukis, membuat alat-alatan dari rotan dan bahan-bahan hutan.

Kerja sambilan seperti mengambil upah membuat rumah (peneroka atau kakitangan), pejabat kantin sekolah adalah dibayar oleh pihak KESEDAR, di mana upah bagi sebuah rumah yang 100% siap tidak termasuk tandas dan tempat mandi ialah \$1,025.00 sebuah. Para peneroka ini cuma membuat/menyiapkan rumah itu sahaja. Segala alat-alat disediakan oleh pihak KESEDAR seperti papan, tiang, simen, zink dan lain-lain yang diperlukan. Ini berbeza dengan kegiatan pertukangan tangan, di mana segala bahan-bahan adalah dari pihak peneroka sendiri. Biasanya pekerjaan membuat rumah dilakukan secara berkumpulan, oleh itu upah dibahagikan antara mereka.

Berkenaan dengan alatan perumahan pihak KESEDAR tidak mengalami apa-apa masalah kerana KESEDAR mempunyai kilang-kilang papan yang di-kaskan untuk mengeluarkan kayu dan papan bagi membuat rumah peneroka, pejabat dan lain-lain bangunan KESEDAR. Oleh itu segala kayu-kayan yang masih terdapat di dalam kawasan tidak membazir begitu sahaja

kerana ada pusat memproses papan. Begitu juga dengan bekalan batu bata, pihak KESEDAR juga mempunyai kilang batu batanya sendiri di Sungai Asap. Bagi rumah-rumah peneroka pihak KESEDAR membayar terlebih dahulu upah serta bahan-bahan yang digunakan untuk membuat rumah mereka. Potongan akan dibuat apabila mereka memperolehi hasil dari kelapa sawit kelak.

Berkenaan dengan mengambil upah membuat tandas pula segala bahan-bahan juga disediakan oleh pihak KESEDAR. Upah membuat sebuah tandas dan tempat mandi ialah \$120.00. Jadi semua kerja-kerja di atas adalah dijalankan oleh para peneroka yang mempunyai kemahiran di bidang-bidang ini.

Mengenai kegiatan pertanian sambilan pula ianya lebih banyak melibatkan kaum wanita yang mengerjakannya. Mengenai kegiatan pertanian sambilan ini pihak KESEDAR juga memberi galakan supaya melakukannya. Pihak KESEDAR selain memberi bantuan bijih benih juga menyediakan 5 ekar tanah untuk kegiatan bumi hijau. Kawasan bumi hijau ini terdapat di tiap-tiap zon dan menjalankannya secara kelompok. Selain dari kegiatan kelompok ada juga kegiatan individu. Jenis sayur-sayuran yang ditanam seperti cili, terung, cekur manis, kacang-kacang, sawi, lobak, bayam, mentimun, petola dan seumpamanya. Manakala jenis buah-buahan jangka pendek pula seperti tembakai, nenas, pisang dan seumpamanya. Tanaman buah-buahan jangka panjang juga digalakkan seperti durian, duku, langsat, manggis, rambutan, cempedak, nangka, ciku, mangga dan sebagainya, tetapi ianya tidak mendapat sambutan disebabkan suasana tidak mengizinkan.

Hanya ditanam sebatang dua untuk kegunaan sendiri atau sebagai peneduh panas dan pelembap hangat cahaya matahari.

Kegiatan sampingan yang lain ialah membuat ubat-ubat tradisional, menjual rotan dan lain-lain bahan-bahan keluaran hutan. Antara masalah yang dihadapi berhubung dengan kegiatan tambahan/sampingan ini adalah berhubung dengan pasaran dan keadaan alam sekitar serta iklim yang sedia kita maklumi. Berhubung dengan masalah kemudahan-kemudahan terutama pengangkutan misalnya walaupun ada usaha pihak peneroka untuk menambahkan hasil pendapatan mereka tetapi disebabkan faktor-faktor di atas mematikan semangat mereka untuk berbuat demikian. Contohnya dari segi pertukangan tangan walaupun mereka mempunyai kemahiran dan ada kesedaran untuk menambahkan pendapatan tetapi disebabkan timbulnya masalah pasaran barang-barang tersebut maka kemahirannya tidak dapat dipergunakan mengikut langkah-langkah yang lebih ekonomik. Masalah pasaran dalaman yang timbul adalah kerana para peneroka yang sentiasa kekurangan jumlah pendapatan dan masalah pasaran luaran adalah kerana pengangkutan dan perjalanan yang agak jauh dan memakan masa.

Keadaan yang sama terjadi pada lain-lain penghasilan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan jangka pendek. Satu lagi masalah yang dialami untuk pertanian sambilan ialah iklim. Contohkan tidak mencukupi air kerana kemarau dan cuaca yang panas tidak menggalakkan tanaman tumbuh subur tidak seperti tanaman ladang yang mana airnya disediakan.

Berhubung dengan binatang ternakan pula kebanyakan mereka tidak mengusahakannya sebagai pasaran cuma untuk kegunaan sendiri di mana hanya memelihara 2 atau 3 ekor ayam sahaja. Ternakan itik dan binatang sejenis dengannya tidak diusahakan kerana kekurangan bekalan air manakala ternakan kambing, lembu dan seumpamanya juga tidak diusahakan kerana tidak adanya padang rumput. Kegiatan ternakan ayam daging dan telur hanya boleh diusahakan secara berkelompok sahaja seperti oleh persatuan-persatuan belia, koperasi dan lain-lain kerana pihak peneroka tidak mampu menyediakan kos pengurusan kecuali ianya mendapat bantuan.

Masalah kepada pembuat rumah atau tandas pula ialah pendapatan sambilan hanya akan terhenti apabila rumah-rumah dan tandas-tandas telah disiapkan sebagaimana yang dikehendaki dan sudah mencukupi.

(c) Teknologi Dalam Ekonomi dan Pengangkutan

Di samping menggunakan jentera-jentera moden tenaga manusia tidaklah diabaikan. Ini bergantung kepada keperluan dan bekalan yang diperuntukkan. Kerja menebang menggunakan 'chain-saw' tidak lagi menggunakan kapak biasa. Manakala kerja menebas pula hanya menggunakan parang atau penebas biasa sahaja. Berkenaan kerja-kerja lain seperti membakar, membuat jalan pertanian dan lain-lain adalah seperti biasa sahaja.

Jenis-jenis pengangkutan pula adalah digunakan untuk membawa air, tanah, baja dan sebagainya. Pihak RKT Paloh 1 mempunyai sebuah

lori dan 2 buah traktor untuk kegunaan kerja-kerja sebegini. Air biasanya dibawa dengan lori dari tempat bekalan yang disedut dari sungai dengan menggunakan pam. terus ke dalam tangki yang terletak di belakang pejabat sementara Paloh 1. Air ini dibawa ke kawasan tapak semaiian dan disalurkan pada paip/penyiram berpusing untuk disiramkan pada anak-anak sawit tersebut. Pusingan penyiram ini berpusing 24 jam yang boleh menyiram sehingga 5 kaki jarak ukur kelilingnya. Cara ini digunakan dalam sistem pertanian moden hari ini. Ianya tidak digunakan di musim hujan.

Selain dari itu lori juga digunakan untuk membawa baja-baja, racun-racun serangga/binatang, tanaman penutup bumi yang merosakkan tanaman. Berkaitan dengan baja dan racun serangga dan binatang perosak serta tanaman penutup bumi pihak KESEDAR menggunakan baja CIRP, NPK yellow, kacang P.J., kacang C.P, Phizobium compos, matikus, arelarek 15, Doupon M.S, Tordon 303, Mucuna Conchenensis dan Paracol. Kesemua alatan, baja, racun serangga dan tanaman penutup bumi ini adalah digunakan dalam sistem perladangan peneroka ini.

Jenis-jenis pengangkutan lain ialah landrover, kereta dan motosikal yang juga digunakan di RKT Paloh 1 ini. Landrover adalah kepunyaan KESEDAR digunakan hanya untuk kegiatan dalam ladang dan pengurusan. Apa yang dimaksudkan di sini ialah mengangkut barang-barang keperluan pertanian dan pejabat samada dari pejabat pusat atau dari RKT KESEDAR yang lain atau untuk urusan dengan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang lain seperti ke Pejabat Kesihatan untuk mengambil alatan

membuat tandas dan seumpamanya, ke pejabat pusat seperti mengambil gaji, fail dan lain-lain. Manakala kerja-kerja untuk pertanian pula sampai mengambil baja dari setor ke kawasan pertanian. Selain dari itu landrover juga digunakan untuk mengangkut para peneroka dan kakitangan yang terpaksa keluar untuk ke kawasan ladang atau kerja luar (out-station) serta untuk pulang ke kampung atau datang kembali ke RKT Paloh 1 iaitu untuk kakitangan yang tidak mempunyai kenderaan sendiri.

Landrover juga digunakan untuk mengangkut peneroka-peneroka untuk pulang ke kampung (tapi hanya setakat Kuala Krai sahaja) samada di waktu biasa atau waktu kecemasan. Ia juga digunakan untuk membawa para peneroka dan kakitangan sembahyang jumaat, acara sukan, kebudayaan, mesyuarat dan seumpamanya. Manakala kegunaan lori selain kerja-kerja ladang, ia juga digunakan untuk mengangkut peralatan/bahan-bahan rumah dan bahan-bahan makanan dari setor pusat.

Jenis pengangkutan lain ialah kereta-kereta yang hanya dipunyai oleh kakitangan dan digunakan untuk mereka sahaja. Manakala kebanyakan peneroka (hampir 75%) jenis pengangkutan mereka ialah motosikal dan digunakan dalam semua aspek seperti ke tempat kerja, balik kampung dan sebagainya terutama apabila pengangkutan KESEDAR tidak ada. Selain dari itu peneroka ini menumpang kenderaan yang lalu lalang di lebuhraya seperti dari jabatan lain atau pemborong lebuhraya iaitu Syarikat Italian - Thailand yang belum menyerahkan lebuhraya itu kepada pihak Kerajaan Negeri.

Masalah yang mereka hadapi dari segi pengangkutan dan teknologi ialah kebanyakannya daripada peneroka tidak begitu mahir menggunakan teknologi moden dengan cekap maka ini mendatangkan kelambatan bekerja walaupun sebelum memulakan pekerjaan di ladang mereka telah diberi kursus orientasi terlebih dahulu tentang tugas mereka. Ini adalah kerana peneroka dapat sesuaikan diri dengan teknologi moden dan cara penanaman kelapa sawit. Masalah-masalah ini hanya dapat diatasi apabila memanjangkan tempoh kursus orientasi supaya mereka lebih cekap sedikit.

Masalah tentang pengangkutan pula bolehlah dikatakan masalah besar juga walaupun apabila ditanya tentang perkara ini kepada peneroka mereka tidak mempunyai apa-apa masalah. Walaupun begitu mereka masih menyebut tentang kesulitan mereka kerana tidak mempunyai pengangkutan untuk ke tempat kerja, membeli belah, pergi sembahyang jumaat, balik ke kampung dan lain-lain aktiviti yang memerlukan pengangkutan. Keadaan yang sama dialami sewaktu di tempat asal telah menyebabkan mereka mengatakan tidak bermasalah dalam soal ini. Di sini eloklah kita tinjau apakah masalah mereka mengikut penilaian pengkaji. Pertama berhubung dengan untuk ke tempat kerja, memandangkan tidak mencukupi pengangkutan kepunyaan KESEDAR, di mana peneroka melebihi 300 orang tetapi hanya terdapat sebuah lori dan sebuah landrover saja. Ini menjadi masalah kepada peneroka yang bekerja jauh dari jarak tempat tinggal terutama yang tinggal di Zon 6. Kadangkala mereka terpaksa berjalan kaki untuk ke tempat kerja dalam keadaan cuaca yang begitu panas dan peralatan-peralatan lain yang dibawanya. Perkara ini

juga yang menyebabkan para wanita susah untuk ke ladang sama.

Masalah pengangkutan berhubung dengan kegunaan untuk pulang ke kampung dan datang kembali adalah disebabkan kekurangan pengangkutan yang disediakan oleh KESEDAR. Kalau nak pulang esok hari mereka mesti memberitahunya hari ini lagi itupun belum tentu mereka boleh pulang pagi itu juga. Kadang-kadang terpaksa sampai ke petang, itupun belum tentu lagi kerana pengangkutan lebih mengutamakan kerja di RKT terlebih dahulu. Selain dari itu mereka terpaksa berjalan kaki saja dari perkampungan ke pejabat am yang jauh ± 2 batu. Ini menyediakan lagi apabila anak-anak kecil dibawa sama dan bertambah lagi kalau menumpang di belakang lori yang tidak mempunyai apa-apa penutup.

Mengikut mereka ini lebih senang kalau dibandingkan dengan dulu semasa lebuhraya belum boleh digunakan lagi, mereka hanya menggunakan jalan-jalan balak. Kalau menumpang di belakang landrover maka rupa tidak seperti sedia kala, kadang-kadang hanya nampak 2 biji mata sahaja yang lain itu diselubungi dengan debu (ini di musim kemarau). Di musim hujan pula, kenderaan (landrover) tersebut terpaksa ditunda/ditolak oleh kerana jalan yang terlalu becak dengan tanah-tanah lembut yang baru dibuka itu. Keadaan menyesakkan lagi dengan kepadatan di dalam landrover samada oleh penumpang atau barang-barang.

Kegunaan motosikal hanyalah mampu membawa 2 orang sahaja, bagaimanapun bagi mereka yang mempunyai anak-anak yang ramai terpaksa juga dibawa bersama. Penumpangan mereka hanyalah setakat Kuala Krai sahaja kerana dari sana mereka senang mendapatkan kenderaan untuk menuju

ke destinasi masing-masing.

2. Penglibatan Dalam Politik

Tidak ada fahaman politik yang bertentangan di dalam rancangan KESEDAR ini. Oleh itu tidaklah timbul percanggahan pendapat yang boleh menimbulkan percaduhan dan sebagainya. Ini disebabkan keseluruhannya menyokong satu fahaman politik iaitu UMNO. Perkara ini juga boleh kita rujukan semula apabila proses pengedaran borang permohonan dulu iaitu pihak yang menganjurkan hanya menyebarkan kepada cawangan-cawangan yang berpihak pada kerajaan. Jadi fahaman politik mereka adalah sama di antara satu sama lain. Hanya yang menjadi masalahnya ialah tentang kegiatan pertubuhan politik di situ seperti bagaimana penglibatan mereka samada hanya sebagai ahli biasa atau tidak berminat langsung.

Parti politik yang wujud **di sini** hanyalah UMNO cawangan Paloh 1. Antara ahli-ahlinya ialah peneroka-peneroka itu sendiri. Segala perjalanan agenda dan perancangan pertubuhan serta kuasa yang mempengaruhi adalah seperti pertubuhan UMNO cawangan-cawangan lain. Contohnya di dalam UMNO cawangan Paloh 1 terdiri dari Pengurus, Yang DiPertua, Naib Yang DiPertua, Setiausaha, Bendahari dan ahli jawatankuasa yang mempengaruhi seksi-seksi tertentu seperti kebajikan, kebudayaan, sukan dan sebagainya. Cawangan UMNO ini juga mengenakan yuran ahli sebanyak \$2.00 dan yuran tahunan \$1.00. Pengurusinya secara otomatik adalah ketua peneroka.

Ketua peneroka ini dipilih dari mesyuarat agung Jawatankuasa Kemajuan dan Kemajuan Rancangan (JKKR) (Cara pemilihan akan dibincangkan dalam bab sosial). UMNO cawangan Paloh 1 ini ditubuhkan awal tahun 1983. Disebabkan pertubuhan ini masa di peringkat awal maka masalah ini tidak begitu banyak berikutan perancangan belum dilaksanakan. Hanya yang bermasalah tentang tempat bermesyuarat kerana terpaksa menggunakan surau yang kadang kala boleh mengganggu kepada yang nak bersembahyang terutama untuk berjemaah. Masalah lain ialah kekurangan kewangan bagi melaksanakan apa yang dirancang. Masalah-masalah lain mengikut pengurusnya boleh diatasi dengan segera.

3. Masalah Sosial

Berhubung dengan masalah sosial ini sebenarnya tidak boleh dipecahkan kepada kategori pelajaran, kesihatan, hiburan, kemudahan infrastruktur dan lain-lain. Ini disebabkan segala masalah sosial di RKT ini dirujukkan di bawah biro-biro yang mengendalikan perkara-perkara ini melalui ketua biro. Pengwujudan biro ini adalah hasil dari penubuhan JKKR (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan) yang merupakan kuasa tertinggi di RKT, jadi segala masalah dilaporkan kepada ketua biro. Maka penyelesaiannya akan dibuat dalam mesyuarat JKKR yang dianggotai oleh ketua-ketua biro sahaja di mana pengurusnya adalah pengurus rancangan sendiri, setiausaha adalah penyelia pembangunan peneroka, bendahari terdiri dari pembantu pembangunan peneroka dan penaung-penaung biro adalah terdiri dari kakitangan-kakitangan. Organisasi susunan pentadbirannya seperti yang ditunjukkan dalam

Rajah 6 di sebelah.

JKKR ditubuhkan di tiap-tiap RKT yang dianggotai pada keseluruhannya oleh peneroka sendiri. Tujuannya untuk pembangunan dan juga untuk kemajuan rancangan. Manakala pemilihan ketua-ketua biro dipilih dalam pilihanraya agung yang diadakan setahun sekali. 6 orang pengerusi biro yang dipilih adalah bertanggungjawab di dalam bidang-bidang di bawah penghususannya seperti:-


- (a) Penerangan dan Kesihatan
- (b) Keselamatan dan Perladangan
- (c) Sukan dan Kebudayaan
- (d) Ugama dan Kebajikan
- (e) Pembangunan dan Ternakan
- (f) Koperasi dan Perusahaan

Untuk melihat masalah-masalah berhubung dengan perkara-perkara ini eloklah kita meninjau aktiviti-aktiviti biro-biro ini terlebih dahulu dan masalah akan dihuraikan selepas ini.

(a) Biro Penerangan dan Kesihatan

Segala bentuk penerangan berkenaan dengan pentadbiran dan urusan ladang disampaikan melalui ketua biro di mana ia akan sampaikan pada peneroka kadangkala sebarang penerangan disalurkan melalui ceramah-ceramah, notis-notis atau dalam mesyuarat UMNO, belia dan seumpamanya. Jenis-jenis penerangan ini seperti kenyataan tentang gaji, cuti, pembahagian bahan makanan dan lain-lain. Jadi masalah

Rajah 6



yang wujud di sini ialah kelambatan sampainya sebarang penerangan terus kepada peneroka akibat wujudnya proses perlapisan. Setiap penerangan kepada ketua biro adalah dari mesyuarat JKRR dulu, jadi mesyuarat ini jarang dijalankan secara tergempar tetapi mengikut waktu yang ditetapkan. Selain dari itu sebarang bentuk risalah tidak luas digunakan bagi tujuan begini kerana tidak memperolehi peruntukan yang cukup. Lain-lain masalah tidak timbul kerana setiap 'penerangan semasa' disampaikan melalui notis yang dilekatkan di papan kenyataan di pejabat am.

Bahagian penerangan ini juga adalah terlibat dalam hiburan kepada peneroka iaitu pihak pejabat penerangan akan datang ke RKT untuk tayangan gambar sebulan sekali. Ini amatlah baik kerana tidak ada apa-apa hiburan bagi mereka seperti televisyen tidak boleh digunakan kerana belum ada bekalan letrik manakala radio pula hanya pada yang mampu sahaja.

Mengenai kesihatan pula, di RKT Paloh 1 ini masih tidak mempunyai klinik kesihatan yang tetap. Oleh itu lawatan klinik diadakan seperti dari pusat kesihatan Kuala Krai ataupun Gua Musang. Antara aktiviti yang mereka adakan selain dari rawatan biasa untuk pesakit atau ibu mengandung, juga rawatan malaria, ceramah-ceramah berkenaan amalan makanan dan pemakanan. Selain dari itu biro ini juga pernah mengadakan pameran anti malaria selama 3 hari iaitu meliputi ceramah, suntikan, poster-poster contoh dan lawatan. Klinik bergerak ini datang satu minggu sekali iaitu pada hari Rabu. Ia bergilir

minggu antara pusat kesihatan Kuala Krai dengan Gua Musang.

Antara masalah berhubung dengan klinik ini ialah disebabkan tidak ada satu pusat yang tetap maka begitu susah bagi para pesakit terutama apabila ditimpa kemalangan atau kesakitan di waktu bukan giliran. Untuk membawa pesakit ke pusat Kuala Krai atau Gua Musang selain daripada jauh juga kadangkala pengangkutan tidak ada, jadi para pesakit itu terpaksa menunggu hari klinik bergerak datang. Jadi kalau peneroka yang sakit maka mereka tidak memperolehi rawatan pada hari-hari yang semestinya datang. Bayangkan pula masalah pada ibu-ibu mengandung terutama yang hampir nak bersalin.

Satu lagi masalah ialah kadangkala klinik bergerak itu tidak mencukupi bekalan ubatan yang mereka bawa, jadi para pesakit terpaksa menunggu seminggu lagi bagi mendapatkan rawatan ataupun ubat. Ini menyebabkan yang sakit bertambah sakit atau yang teruk begitu sahaja tanpa pertolongan rawatan disebabkan wujudnya proses perawatan yang tidak mencukupi.

(b) Biro Keselamatan dan Perladangan

Antara kegiatan ini ialah kalau mengenai keselamatan ialah berhubung dengan keseluruhan keselamatan di kawasan RKT Paloh 1 seperti kecurian, kebakaran, pergaduhan dan seumpamanya iaitu bersangkut paut dengan hal-hal keselamatan. Manakala bahagian ladang pula berhubung dengan hal-hal ladang seperti keselamatan ladang. Contohnya kebakaran, serangga perosak, binatang-binatang perosak dan sebagainya.

Berhubung dengan masalah keselamatan tidak begitu banyak kerana selain adanya tindakan dari ahli jawatankuasa biro keselamatan juga terdapat pasukan sukarela sebagai penjaga keselamatan kawasan terutama kawasan perkampungan. Walaupun begitu kegiatan jenayah jarang berlaku. Mengikut pengurus rancangan RKT Paloh 1 mengatakan masalah perladangan merupakan masalah paling besar pada pihak pentadbir dan akan menentukan masa depan peneroka kelak. Sebenarnya walaupun tugas-tugas pembahagian di ladang diberikan pada ketua-ketua ladang tetapi dalam mesyuarat JKRR nanti. Masalah berhubung dengan persoalan perladangan akan dijawab oleh pengurus sendiri kerana dia adalah yang menapis segala laporan serta masalah di bawah kuasanya dalam mesyuarat pusat kelak.

Antara masalahnya ialah seperti kemarau yang begitu ketara, malah kebakaran ladang sering berlaku dan memberi implikasi kepada kerja-kerja perladangan. Persoalan tentang kemarau ini juga akan membantutkan kerja menanam anak sawit tergendala sehingga hujan turun. Peneroka pula tidak begitu cekap tentang penggunaan racun serangga/binatang, baja dan menanam tanaman penutup bumi mengikut peraturan. Oleh itu perhatian yang lebih perlu dilakukan.

Masalah berhubung dengan serangga-serangga perosak mereka menggunakan racun-racun serangga. Manakala binatang seperti tikus dan landak racun juga digunakan. Manakala gajah mereka mengambil tindakan menggunakan bomoh, sembahyang hajat dan menggunakan pagar letrik.

Berhubung dengan masalah tenaga kerja yang tidak mencukupi.

Walaupun kekuatan penuh peneroka telah dirancang mencukupi kegunaan ladang tetapi ketidak-cekapan mereka membuatkan kerja-kerja ladang tidak dapat disiapkan dalam jangka yang ditentukan. Ini dapat dilihat dalam Jadual 5.3 yang menunjukkan empat perbezaan tarikh yang menentukan kemajuan ladang. Selain itu ianya disebabkan oleh masalah iklim, bekalan air, tanah tanih dan seumpamanya.

(c) Biro Sukan dan Kebudayaan

Antara permainan yang terdapat di sini ialah sepak takraw, bola sepak dan bola tampar. Mereka pernah mengadakan perlawanan antara gugusan rancangan bagi memenangi Piala Gugusan dan pernah menjadi johan dan permainan sepak takraw. Mereka juga mengadakan perlawanan di luar kawasan RKT seperti antara mukim-mukim dan kampung-kampung yang berdekatan. Di antara ketiga-tiga permainan ini sepak takraw paling popular.

Masalah berhubung dengan sukan ini kita tengok permainan sepak takraw paling popular disebabkan ia mempunyai gelanggang, terdapat jurulatih dan pemain. Manakala 2 permainan lain tidak mempunyai padang dan jurulatih serta kurang pemain, mungkin disebabkan usia mereka majoritinya ialah 30an jadi tidak dapat aktif dalam bola sepak. Jadi masalah tidak adanya ini menjadikan kegiatan sukan tidak begitu aktif. Tambahan pula untuk berlawan atau berlatih di tempat lain adalah jauh dan kekurangan kenderaan.

Jadual 5.3

Kerja-Kerja Pembangunan Ladang

Pekerjaan	Tarikh Mula (Perjanjian)	Tarikh Tamat (Perjanjian)	Tarikh Mula Sebenar	Tarikh Tamat Sebenar
(a) Peringkat 1				
1. Menebas	-	-	24/1/81	27/6/81
2. Menebang	-	-	9/3/81	16/9/81
3. Membakar	15/9/81	15/10/81	11/8/81	26/10/81
4. Perun	15/9/81	15/1/82	24/9/81	14/11/82
5. Jalan Pertanian	15/9/81	15/2/82	12/11/81	31/5/82
6. Membaris	15/9/81	28/2/82	22/11/81	31/12/82
7. Teres	-	31/7/82	20/12/81	27/7/82
(b) Peringkat 2A				
*1. Menebas	-	-	11/8/81	7/9/81
*2. Menebang	-	-	16/9/81	18/10/81
*3. Membakar	-	-	9/3/82	14/3/82
*4. Perun	-	-	6/5/82	28/10/82
5. Jalan Pertanian	1/9/82 SPK/P1/1/82	30/10/82	29/7/82	5/9/82
*6. Membaris	-	-	24/8/82	-
7. Teres	1/9/82	31/10/82	7/9/82	20/9/82
(c) Peringkat 2B				
*1. Menebas	-	-	7/9/81	28/10/81
2. Menebang	15/10/81	15/1/82	22/10/81	11/1/82
3. Membakar	15/10/81	28/2/82	27/2/82	28/2/82
4. Perun	15/10/81	30/6/82	11/3/82	Belum Siap
5. Jalan Pertanian	15/10/81	31/8/82	16/5/82	25/4/83
6. Teres	1/7/82 KES(B-K) 16/81	30/9/82	9/10/82	30/4/83
7. Membaris	15/10/81	31/8/82	4/7/82	-

Manakala aktiviti kebudayaan pula ialah dikir barat dan seni silat. Pasukan dikir barat mereka selain pernah bertanding dengan lain-lain pasukan dikir barat RKT juga dengan kampung-kampung atau mukim-mukim lain. Pasukan mereka juga pernah dijemput untuk mengadakan persembahan semasa upacara kemahkotaan di Sultan Kelantan di Kuala Krai. Lain-lain acara kebudayaan belum lagi diwujudkan selain dari seni silat yang mempunyai ahli seramai 20 orang di dalam seni silat cekak. Jadi seperti aktiviti sukan ianya tidaklah aktif, di mana masalahnya berhubung dengan peralatan dan kewangan untuk menjalankan latihan ataupun membuat persembahan. Tabung hanya diperolehi dari tabung kebajikan atau JKRR tetapi ianya sedikit sahaja kerana tabung kebajikan lebih ditamakan kepada kegunaan ke arah kebajikan.

(d) Biro Ugama dan Kebajikan

Aktiviti keugamaan selain dari mengajar Al-Quran 3 kali seminggu (pengajarnya diberi sagu hati dari tabung JKRR), mengendalikan ceramah-ceramah ugama, bacaan yasin pada setiap malam jumaat, sembahyang hajat pada setiap malam jumaat, sembahyang tarawih, maulud, muharam, israk miraj dan nisfu syaaban. Masalah di sini hanyalah berhubung dengan sembahyang jumaat sebagaimana yang dibincangkan mengenai masalah pengangkutan.

* Selain dari itu, disebabkan surau ini digunakan untuk semua aktiviti seperti mesyuarat, kelas dewasa dan seumpamanya maka sembahyang berjemaah untuk fardu zohor, asyar, isyak tidak boleh diadakan kerana

masa-masa begitu surau ini digunakan untuk tujuan-tujuan di atas.

Masalah lain ialah berhubung dengan bangunan dan peralatan surau yang serba kekurangan. Surau ini hanyalah separuh didindingkan, jadi apabila hujan turun disertai angin maka tempiasnya akan membasahi ruang surau tersebut.

Manakala aktiviti kebajikan pula adalah lebih banyak digabungkan atau dianjurkan oleh belia-belia, gabungan pertubuhan wanita (GPW) juga dengan aktiviti ugama sendiri. Oleh itu sebenarnya banyak sumbangan kebajikan yang hendak diadakan seperti masalah pengangkutan anak-anak ke sekolah, membaiki keadaan sekolah sendiri, dari segi kesihatan dan seumpamanya tetapi disebabkan faktor tidak ada peruntukan maka ianya hanya tinggal niat kebajikan sahaja.

(e) Biro Pembangunan dan Ternakan

Tentang kegiatan dalam biro ini sebenarnya tidak banyak, cuma pernah diadakan ternakan ayam daging dan telur secara berkelompok. Selain dari itu tanaman kelapa mawar juga diusahakan. Lain-lainnya tidak ada disebabkan masalah iklim, alam sekitar dan pengangkutan (untuk pasaran).

(f) Biro Koperasi dan Perusahaan

Sebenarnya sebuah koperasi diwujudkan di tiap-tiap RKT dan semua peneroka dikehendaki menjadi ahli. Sahamnya adalah melalui potongan upah kerja dan setakat ini terkumpul ± \$5,000.00. Aktiviti-aktiviti perusahaan hanyalah berhubung dengan usaha sampingan peneroka

seperti kemahiran kerja tangan, ternakan, tanaman dan sebagainya.

Mengenai masalah koperasi ialah ramai para peneroka tidak diberikan penerangan tentang kebaikan berkoperasi, jadi masih ramai lagi yang tidak menjadi ahli. Mereka lebih pentingkan kekurangan upah kerja akibat beli saham pada masa itu tanpa memikirkan kesenangan masa depan.

Berhubung dengan masalah perusahaan ialah seperti juga dengan hal pembangunan dan ternakan adalah terbantut disebabkan halangan alam sekitar, iklim, tanah tanih, pengangkutan, perusahaan, tidak ada tenaga kerja dan masalah-masalah yang berhubungan.

BAB VI

RUMUSAN

Kajian ilmiah yang merujuk kepada adaptasi dan masalah peneroka ini adalah memberi tumpuan utama terhadap apa-apa masalah yang dihadapi oleh peneroka di Rancangan Kemajuan Tanah KESEDAR Paloh 1 samada dari permulaan mereka memasukinya mahupun semasa tinggal di Tanah Rancangan tersebut sekarang. Tinjauan juga dibuat tentang cara peneroka menyesuaikan diri mereka dengan keadaan baru.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa satu-satu perubahan yang berlaku dari segi fizikal, mental, ekonomi dan sosial dikira sebagai satu bentuk masalah yang memerlukan satu jangkamasa yang agak panjang untuk menyelesaiannya dan untuk menyesuaikan diri kepada masalah tersebut. Inilah keadaan dan dilema serta cabaran yang dihadapi oleh peneroka tanah rancangan.

Pada bab rumusan ini perkara yang akan lebih dititikberatkan ialah tentang penyesuaian dan masalah sahaja. Ini disebabkan tujuan kajian ini adalah untuk melihat bagaimana para peneroka menyesuaikan diri dengan perkara-perkara baru yang meliputi berbagai-bagai aspek dan juga apakah masalah-masalah yang mereka hadapi serta bagaimana mereka menyelesaikan masalah itu. Penyelesaian masalah itu bukan saja diselesaikan oleh peneroka sendiri tetapi juga oleh pihak pentadbir dan lain-lain pihak yang terlibat.

Apa yang dimaksudkan dengan penyesuaian dan masalah ialah sejauh manakah penyesuaian itu dapat berlaku samada berjaya, tidak berjaya atau di tahap sederhana sahaja di samping faktor-faktor yang menentukan penyesuaian tadi. Manakala dari segi masalah pula ialah bagaimana ianya diatasi samada penyelesaian di tahap yang baik, tak baik atau ada lain-lain alternatif yang boleh menyelesaikan masalah-masalah itu dengan lebih berfaedah dan lebih berkesan.

Berhubung dengan sejauh manakah atau bagaimanakah penyesuaian berlaku mengikut penemuan dan pendapat pengkaji dari hasil kajian yang diperolehi ianya adalah bergantung pada diri peneroka itu sendiri atau diri individu sendiri kerana penyesuaian bergantung pada diri seseorang itu samada ianya mampu atau tidak untuk menyesuaikan diri dengan alam baru yang dimasukinya.

Manakala faktor-faktor yang menyebabkan sejauh manakah penyesuaian itu adalah merupakan faktor-faktor yang tidak mampu disesuaikan oleh mereka. Umpamanya faktor alam sekitar seperti mukabumi, faktor iklim dan lain-lain yang mana itu susah diubah oleh manusia biasa.

Jadi apa yang terjadi pada peneroka mengikut pengamatan pengkaji dari sejak peneroka itu masuk ke tanah rancangan sehingga sekarang penyesuaianya adalah boleh dikatakan ianya tercapai 80% kerana dari pecahan penyesuaian tentang alam sekitar fizikal, umpamanya sistem pembukaan tanah, keadaan tanah tanih, penyesuaian iklim dan penempatan, penyesuaian ekonomi seperti sumber makanan/minuman, sumber pendapatan awal dan sumber sampingan/tambahan, penyesuaian sosial

seperti hubungan antara keluarga peneroka dan masyarakat, hubungan dengan pihak majikan dan penyesuaian dari segi hubungan psikologi dan spiritual. Umpamanya perasaan diri peneroka, aspek keugamaan dan kemudahan asas ibadat dan semangat kekitaan dan kedaerahan. Semua perkara-perkara di atas dapat disesuaikan oleh mereka walaupun mengalami berbagai-bagai kesulitan dan kekurangan tetapi disebabkan semangat dan harapan untuk melihat diri dan keluarga memperolehi kesenangan di hari muka, maka segala perkara baru yang belum pernah ditempohi, mereka hadapi dengan penuh cabaran.

Sebagai bukti, pengkaji hanya akan menurunkan kembali contoh pada aspek penyesuaian alam sekitar fizikal seperti pada sistem pembukaan tanah di mana menurut cerita beberapa orang peneroka yang mula-mula masuk ke tanah rancangan ini dan boleh dikatakan sebagai perintis sanggup menempohi sebarang rintangan seperti menghadapi binatang buas, kesulitan perhubungan tempat tinggal dan sebagainya. Ini belum lagi kita lihat pada aspek penyesuaian iklim di mana walaupun angin ribut dan kemarau mereka anggap ini adalah sebagai satu dugaan Tuhan kepada mereka kerana bagi mereka 'SUSAH DAHULU PENDAPATAN, SUSAH KEMUDIAN TIDAK BERGUNA'.

Pencapaian ke tahap 80% itu juga adalah berhubung dengan faktor latarbelakang mereka yang terdiri pada dua kumpulan iaitu golongan yang boleh menyesuaikan diri dengan keadaan di tanah rancangan tersebut dan sebaliknya. Kumpulan pertama adalah terdiri dari mereka yang telah menjadi petani, kerja buruh, biasa dengan susah, dari

golongan yang serba kekurangan, pernah hidup dalam keadaan yang lebih kurang sama dengan keadaan sekarang dan sebagainya. Manakala golongan kedua ialah terdiri dari individu yang tak pernah alami dengan perkara-perkara yang dihuraikan di atas. Mereka ini adalah terdiri dari golongan yang pernah mengecap kesenangan dan kemewahan. Di sinilah boleh kita lihat reaksi kesanggupan di antara 'orang yang memerlukan tanah dengan orang yang berkehendakkan tanah.'

Kelemahan di atas sebenarnya wujud dari kesilapan semasa memilih calon sebagai peneroka dulu. Di mana ada orang kuat (penyokong) kerajaan lebih diutamakan. Jadi dari kalangan mereka ada yang pernah memegang jawatan sebagai ketua bahagian, setiausaha cawangan dan sebagai yang sudah memperolehi kesenangan dari pekerjaan asal tetapi memasuki tanah rancangan hanya untuk menambahkan jumlah ekar tanah yang sedia ada kerana tanah itu diberi percuma oleh kerajaan.

Selain daripada faktor di atas faktor kepentingan keluarga tidak dapat diabaikan bagi menentukan penyesuaian tersebut. Faktor ini disebabkan oleh masalah persekolahan anak-anak, tak sampai hati melihat anak dan isteri terpaksa menanggung kesusahan bersama dari kesulitan-kesulitan yang wujud seperti tidak ada sistem pengangkutan, bekalan air, kemarau, ribut dan sebagainya yang memaksa mereka membawa balik anak isteri ke kampung asal.

Selain dari itu ia juga berhubung dengan jangkamasa pembukaan tanah rancangan itu sendiri seperti ia hanya dalam usia yang muda dan serba kekurangan untuk menjadikan sebuah kawasan penempatan

biasa. Ini bukan saja berlaku pada Rancangan Kemajuan Tanah KESEDAR saja tetapi juga dialami oleh rancangan-rancangan tanah kerajaan yang lain. Penyesuaian sepenuhnya tanpa masalah hanya berlaku apabila tanah rancangan itu betul-betul diwujudkan sebagai penempatan. Seperti sudah ada kemudahan-kemudahan asas.

Berhubung dengan masalah pula seperti masalah dari segi ekonomi, umpamanya sumber pendapatan dan hasil pendapatan, pekerjaan sampingan, teknologi dalam ekonomi dan pengangkutan, penglibatan dalam politik dan masalah-masalah sosial yang lain. Mengikut rumusan pengkaji ianya hanya dapat diselesaikan 50% sahaja masalah yang dihadapi. Penegasan pengkaji ini dilihat dari masalah-masalah yang wujud serta penyelesaian yang dibuat oleh para pentadbir dan peneroka sendiri. Ini dapat dibuktikan apabila kita mengambil satu persatu masalah yang mereka hadapi dan bagaimana mereka menyelesaikan masalah tersebut.

Sebagai contoh keadaan bentuk mukabumi yang berbukit buku melambatkan pekerjaan. Iklim yang terlalu panas di musim kemarau, hujan yang lebat serta banjir di musim tengkujuh dan kekurangan bekalan air untuk kegunaan harian sedikit sebanyak menghalang kegiatan perladangan. Disebabkan masalah tadi merupakan faktor alam semulajadi, jadi tidak ada satu penyelesaian ke atasnya. Kerana itu terkeluar dari keupayaan dan kemampuan manusia dan hanya merupakan satu cabaran kepada mereka baik oleh pentadbir maupun oleh peneroka sendiri. Bagi peneroka tersebut adalah satu rahmat besar terpilih sebagai peneroka. Lantaran

itu setiap masalah adalah satu cabaran kerana apa yang penting ialah kemajuan di masa hadapan. Oleh itu konsep 'satu kejayaan memerlukan pengorbanan-pengorbanan' amat berguna bagi menguatkan semangat mereka untuk bekerja.

Seperkara yang paling mencabar dihadapi oleh peneroka di sini adalah apabila tibanya musim kemarau, yang mana tidak adanya bekalan air bersih yang mencukupi. Bekalan air yang hanya didapati di kawasan tanah rendah di lereng bukit memerlukan satu tenaga yang kuat untuk mengangutnya ke rumah masing-masing yang kebanyakannya terletak di tanah tinggi. Dalam keadaan ini suami terpaksa bekerjasama dengan isteri untuk mendapatkan bekalan air. Tekanan keadaan yang sebegini menyebabkan setengah-setengah isteri tidak sanggup untuk menghadapinya, dengan itu ramai daripada para isteri yang tidak tahan terpaksa pulang ke kampung masing-masing. Meskipun 'telaga raya' disediakan untuk kemudahan peneroka-peneroka namun ianya gagal untuk menampung jumlah peneroka yang ramai yang kadangkala menimbulkan pertengkaran antara satu sama lain kerana berebut-rebut dengan tidak mengikut giliran.

Pada masa lain pula datang masalah banjir kilat, hujan ribut dan angin kencang menyebabkan hubungan pengangutan dengan kawasan luar terputus. Dan bagi setengah peneroka yang bujang terpaksa tinggal di kongsi-kongsi yang ramai. Kedua-dua masalah tadi akan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan disebabkan ianya berhubung dengan kejadian alam yang susah diatasi oleh manusia.

Masalah kenaikan harga bekalan makanan daripada 10% hingga 20% kadangkala menghimpit penghidupan para peneroka. Bekalan makanan dijual oleh peniaga yang tinggal di kalangan peneroka dan penjaja-penjaja yang datang dari luar. Persaingan dalam pasaran dan peningkatan kos pengangkutan menyebabkan kadar harga yang dikenakan adalah tinggi. Namun demikian pihak KESEDAR juga menyediakan bekalan makanan yang boleh dibeli dengan cara tunai ataupun hutang. Masalah berhutang adalah tekanan yang teruk dihadapi oleh KESEDAR. Para peneroka diberi peluang berhutang kerana jumlah pendapatan yang diterima tidak cukup untuk menampung perbelanjaan harian. Lantaran itu kadangkala peneroka-peneroka yang terlalu banyak jumlah hutangnya terpaksa menghilangkan diri begitu saja tanpa pengetahuan KESEDAR. Pertambahan hutang ini membebankan pihak pentadbir untuk mengimbangi perbelanjaan dan menimbulkan masalah bila membuat laporan kewangan kepada pejabat pusat.

Bagi mengatasi masalah ini adalah sesuai jika pihak KESEDAR membina satu badan kerjasama antara peneroka untuk mengwujudkan satu badan kerjasama dalam soal urusniaga untuk mengelakkan daripada berlakunya pasaran monopoli dalam tanah rancangan. Dengan demikian sekurang-kurangnya akan mengekalkan semangat kerjasama dan koperasi yang sedia ada di kalangan para peneroka yang majoritinya penduduk luar bandar.

Masalah pelajaran anak-anak peneroka adalah antara faktor yang berkait ke arah kesan yang menyebabkan para peneroka kerap meninggalkan ladang ataupun terus menarik diri daripada tanah rancangan.

Di sini hanya disediakan sebuah sekolah rendah yang terletak antara Paloh 1 dan Paloh 2. Ianya adalah cawangan Sekolah Kebangsaan Lakloh yang mempunyai murid seramai 240 orang dengan tenaga pengajar hanya 10 orang. Masalah di sini ialah berhubung dengan jarak sekolah tersebut, kekurangan guru-guru yang mahir, alat kelengkapan bilik darjah yang berkurangan meragukan para ibubapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut. Hasilnya anak-anak tetap disekolahkan di tempat asal yang memberi kesan terhadap pekerjaan peneroka sendiri.

Keadaan tempat belajar/bilik darjah yang berdebu di musim kering dan lumpur di musim hujan, pejabat sekolah tanpa peralatan yang cukup, alatan sukan yang berkurangan dan lain-lain kemudahan sekolah yang tidak mencukupi mematikan minat untuk belajar di kalangan murid-murid dan melemahkan semangat untuk mengajar di kalangan guru-guru. Hal yang sedemikian boleh menimbulkan masalah keciciran di peringkat awal kanak-kanak.

Apa yang diharapkan oleh pengkaji agar kemudahan asas pelajaran disediakan dengan sepenuhnya samada dari segi tenaga pengajar, tempat tinggal guru, buku teks, kemudahan tempat belajar (bangku, meja dan bangunan sekolah dibina dengan baik dan diperbaiki lagi) kerana pengkaji merasakan bahawa 'tekanan psikologi' kanak-kanak dengan kemudahan tempat belajar akan menambahkan semangat dan meninggikan cita-cita mereka begitu juga ke atas guru-guru dan kakitangan akan memberi satu semangat baru untuk mereka membimbing anak-anak peneroka

menjadi seorang yang berjaya. Penyegearan penubuhan TADIKA juga boleh mengurangkan masalah ini di samping penambahan pendapatan apabila isteri dapat bersama-sama menolong suami.

Masalah-masalah seperti perladangan, teknikal, kekurangan tenaga kerja, cuti, penyingkiran peneroka dan perkara-perkara berhubungan boleh diselesaikan dengan mengadakan perjumpaan antara kedua-dua pihak (pentadbir dan peneroka) membincangkan skop apakah yang dikehendaki, perlu dipatuhi, tidak dapat mengikuti dan lain-lain yang akan mencapai kesenangan bagi kedua-dua pihak di samping mengwujudkan perhubungan yang lebih erat dan memahami masalah masing-masing.

Masalah pengangkutan dan perhubungan juga merupakan antara masalah yang boleh mencacatkan perancangan dan perlaksanaan kerana iaanya melibatkan semua aspek dan individu. Oleh itu penambahan jenis pengangkutan hendaklah difikirkan di samping penyempurnaan sistem perhubungan bagi kemudahan peneroka, murid-murid sekolah, guru-guru, pegawai-pegawai rancangan dan lain-lain.

Setelah melihat beberapa aspek mengenai proses penyesuaian dan masalah yang dihadapi oleh peneroka maka boleh dirumuskan bahawa masalah yang dihadapi adalah berkaitan dengan alam semulajadi juga tekanan sosio-ekonomi. Oleh itu dari andaian pengkaji setengah daripada masalah-masalah tersebut dapat diatasi dengan adanya satu penyusunan perbincangan dan perlaksanaan yang kemas lagi teratur juga adanya hubungan yang erat dan sifat kerjasama antara peneroka dengan pentadbir.

BIBLIOGRAFI

1. Chanchuri Siwar, Kehendak dan Bentuk Reformasi Tanah Di Malaysia, D.B.P., Kuala Lumpur, 1978.
2. Herskorits, M.J., Motivation and Culture Patterns in Technological Change, dalam Social Change and Economic Development (ed.), UNESCO, Leiden, 1963.
3. Homan, Roger, Living With Change (London) Evans Brothers, 1973.
4. Hoselitz, Bert F., Problems of Adapting and Communicating Modern Techniques to Less Developed Areas, dalam Economic Development and Cultural Change, Vol. 2, Johnson Reprint Cop, New York, 1954.
5. Johnson, Chalmers A., Revolutionary Change: An Adaption, Bombay, Vakils, Feffer and Simons, 1966.
6. Lazarus, Richard S., Sahsiah & Penyesuaian (terjemahan), D.B.P., Kuala Lumpur, 1970.
7. Linton, R., The Study of Man, Peter Owen Ltd., London, 1965.
8. Lionberger, Herbert Frederick, Adoption of New Ideas and Practices; a summary of the research dealing with the acceptance of technological change in agriculture; with implications for action in facilitatory such change, Ames, Iowa, Iowa State University Press, 1960.
9. Myrdal, Gunnar, Objectivity in Social Research, Gerald Buckworth and Company Limited, London, 1969.
10. Paul Leagan, J. and Louis, L.P. (eds.), Behavioural Change in Agriculture, Cornell University Press, London, 1971.
11. S. Husin Ali, Kemiskinan dan Kelaparan Tanah di Kelantan, Karangkraf Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor, Malaysia, 1978.
12. Thoulinson, R., Sociological Concepts and Research; Acquisition, Analysis and Interpretation of Social Information, New York, Random House, 1965.
13. Winardi, Pengantar Methodology Research, Bandung, Alumni, 1976.

14. Zakaria Awang Soh, Pembukaan Tanah Oleh Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan, 'ILMU ALAM', Jurnal Jabatan Ilmu Alam dan Persatuan Ilmu Alam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, Bil. 1, Mei 1972.

Bahan-Bahan Yang Didapati Mengikut Keterangan Fail Jabatan

1. Abdul Rahim Che Awang, Penyeliaan Kakitangan dan Pelbagai Cara Bagi Meningkat atau Memperbaiki Perhubungan Antara Manusia, Kota Bharu, 1982.
Social Engineering ala Kelantan, KESEDAR, Bahagian 1 dan 2, Kota Bharu, 1982.
2. Ariffin Said, KESEDAR Sebagai Nadi Pembangunan Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1981.
3. KESEDAR Laporan Tahunan 1980.
Laporan Kemajuan Suku Tahun Pertama 1983.
Laporan Minit Mesyuarat Paloh 1; Pembangunan Sosial, Gabungan Pertubuhan Wanita (GPW), Jawatankuasa Kerja Kemajuan Rancangan (JKKR), Mingguan Kakitangan, Belia 4B Malaysia, Cawangan RKT KESEDAR Paloh 1.
Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan, Katalog.

Latihan Ilmiah

1. Martha Anthony Bongkok, Beberapa Masalah Dalam Pengeluaran Ekonomi Pekebun-Pekebun Kecil (Satu Kajian Kes di Kampung Malangang Kiulu, Tuaran, Sabah), J.A.S., U.M., Kuala Lumpur, 1980/81.(Kertas Kerja)
2. Mohd. Kamil Dollah, Masalah-Masalah Yang Dihadapi oleh Pekebun Kecil Getah RISDA (Satu Kes Kajian di Kampung Becah Laut, Tanah Merah, Kelantan), J.A.S., U.M., Kuala Lumpur, 1979/80 (Tesis B.A.).
3. Mohd. Noor Haji Abdul Rahman, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan: Penyesuaian Sosial dan Ekonomi di Rancangan Kemajuan Tanah Bukit Bading, Trengganu, J.A.S., U.M., Kuala Lumpur, 1973/74 (Tesis B.A.).

4. Muhamad Awang, Penyesuaian di Kalangan Peneroka Rancangan Kemajuan Tanah, Batu Mengkebang, Ulu Kelantan, J.A.S., U.M., Kuala Lumpur, 1973/74 (Tesis B.A.).
5. Yaacob Hussin, Penyesuaian Hidup Dalam Rancangan Tanah Rancangan Kemajuan Tanah Negeri, Sungai Peria, Ulu Kelantan, J.A.S., U.M., Kuala Lumpur, 1973/74 (Tesis B.A.).

Percetakan Kerajaan

1. Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1973.
2. L.K.T. Kelantan, Dasar Tanah Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1960.
Peraturan Rancangan Tanah, Kota Bharu, 1966.
3. Rancangan Malaysia Keempat (1981 - 1985), Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1981.